



MALAYSIA

Hari Jumaat  
15hb Disember, 1978

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

### RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) [Ruangan 4325]
- Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (Pertukaran Nama dan Pindaan) [Ruangan 4329]
- Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 4355]
- Rang Undang-undang Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan [Ruangan 4376]
- Rang Undang-undang Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit [Ruangan 4395]
- Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan) [Ruangan 4422]
- Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pindaan) [Ruangan 4423]
- Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) [Ruangan 4424]
- Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) [Ruangan 4425]
- Rang Undang-undang Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah (Pindaan) [Ruangan 4428]

## KANDUNGANNYA—(Samb.)

### USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 4394]**

**Ordinan Perjanjian-perjanjian Bretton Woods, 1957—Tambahkan Modal Malaysia dalam Bank Antarabangsa bagi Pemulihan dan Pembangunan [Ruangan 4430]**

**Akta Acara Kewangan, 1957—Modal Equiti Malaysia Export Credit Insurance Berhad [Ruangan 4432]**

**Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa, 1960—Tambahkan Yuran Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa [Ruangan 4435]**

**Akta Kastam, 1967—**

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1978 [Ruangan 4436]**
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1978 [Ruangan 4436]**
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1978 [Ruangan 4436]**
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1978 [Ruangan 4436]**
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1978 [Ruangan 4436]**
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1978 [Ruangan 4436]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

**Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**

**Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

**Yang Berhormat** Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

„ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**

„ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

„ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, **TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
- „ Menteri Perusahaan Awam, **TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).**
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).**
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, **DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, **DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, **DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, **DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- „ Timbalan Menteri Kewangan, **DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).**
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, **TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
- „ Timbalan Menteri Pertanian, **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ Timbalan Menteri Kewangan, **PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).**
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).**
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, **TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).**
- „ Timbalan Menteri Penerangan, **DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**
- „ Timbalan Menteri Pertanian, **TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).**
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, **DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).**
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).**
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).**
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).**
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).**
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).**

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- .. TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- .. TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- .. PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. DAVID (Damansara).
- .. TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- .. TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- .. TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE KAW (Keluang).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- .. TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- .. TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat** TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.  
Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.  
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.  
Penolong Penyunting: P. B. Menon.  
Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.  
Louis Yeoh Sim Ngoh.  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.  
Suhor bin Husin.  
Amran bin Ahmad.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.  
Margaret Chye Kim Lian.  
Puan Ng Chong Kin.  
Puan Kong Yooi Thong.  
Juliah binti Awam.  
Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Hassan.  
Shamsiah binti Mohd. Yusof.  
Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Jumaat, 15hb Disember, 1978

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

## RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG  
KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA  
(PINDAAN)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (14hb Disember, 1978)

*Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Waktu Majlis ini ditangguhkan pada hari semalam, Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan kepada Rang Undang-undang ini telah diluluskan iaitu pindaan kepada Fasal 5, Fasal 15, Fasal 16 dan Fasal 27.

*Fasal 28—*

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 28 dipinda seperti berikut:

*Fasal 28:* Gantikan perkataan "account" dengan perkataan "accounts" di garis terakhir di Seksyen 79 (3), di versi Bahasa Inggeris.

*Clause 28:* Substitute the word "accounts" for the word "account" in the last line of Section 79 (3), in the English version.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 28* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 29 dan 30* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 31—*

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 31 dipinda seperti berikut:

*Fasal 31:* Masukkan perkataan "Pengelola" di antara perkataan-perkataan "Badan" dan "itu" di garis pertama di Seksyen 82.

*Clause 31:* Insert the word "Governing" between the words "The" and "body" in the first line of Section 82.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

*Fasal 31* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 32 hingga 36* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 37—*

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 37 dipinda seperti berikut:

*Fasal 37:* Gantikan perkataan "rule" dengan perkataan "rules" di garis kedua, di versi Bahasa Inggeris.

*Clause 37:* Substitute the word "rules" for the word "rule" in the second line, in the English version.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 37* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 38 hingga 41* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 42—*

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 42 dipinda seperti berikut:

*Fasal 42:* Masukkan perkataan "Penge-  
lola" di antara perkataan-per-  
kataan "Badan" dan "itu" di  
garis ketiga di perenggan 1 (1)  
di bawah Jadual Keenam.

— Masukkan perkataan "Gover-  
ning" di antara perkataan-per-  
kataan "the" dan "body" di  
garis ketiga di perenggan 2 (2)  
di bawah Jadual Keenam, di  
versi Bahasa Inggeris.

— Ejakan perkataan "Officer"  
dengan huruf kecil "o" di garis  
kelima di dalam syarat kepada  
perenggan 2 di bawah Jadual  
Keenam, di versi Bahasa Ing-  
geris.

— Masukkan perkataan "Penge-  
lola" di antara perkataan-per-  
kataan "Badan" dan "bagi" di  
garis terakhir di dalam syarat  
kepada perenggan 3 di bawah  
Jadual Keenam.

— Masukkan perkataan "Penge-  
lola" di antara perkataan-per-  
kataan "Badan" dan koma  
bertitek di garis terakhir di  
perenggan 4 (a) di bawah  
Jadual Keenam.

— Masukkan perkataan "Gover-  
ning" di antara perkataan-per-  
kataan "the" dan "Body" di  
garis terakhir di perenggan 2 (f)  
di bawah Jadual Ketujuh di  
versi Bahasa Inggeris.

— Masukkan perkataan "direct"  
di antara perkataan "discretion"  
dan koma bertitek di garis  
terakhir di perenggan 2 (f) di  
bawah Jadual Ketujuh, di versi  
Bahasa Inggeris.

— Gantikan perkataan "officers"  
dengan perkataan "officer" di  
garis ketiga di perenggan 2 (g)  
di bawah Jadual Ketujuh, di  
versi Bahasa Inggeris.

*Clause 42:* Insert the word "Governing"  
between the words "the" and  
"Body" in the third line of  
paragraph 1 (1) of the Sixth  
Schedule.

— Insert the word "Governing"  
between the words "the" and  
"Body" in the third line of  
paragraph 2 (2) of the Sixth  
Schedule, in the English ver-  
sion.

— Spell the word "Officer" with  
the small alphabet "o" in the  
fifth line of the proviso to para-  
graph 3 of the Sixth Schedule,  
in the English version.

— Insert the word "Governing"  
between the words "the" and  
"Body" in the last line of the  
proviso to paragraph 3 of the  
Sixth Schedule.

— Insert the word "Governing"  
between the words "the" and  
"Body" in the second line of  
paragraph 4 (a) of the Sixth  
Schedule.

— Insert the word "Governing"  
between the words "the" and  
"Body" in the last line of para-  
graph 2 (f) of the Seventh  
Schedule, in the English ver-  
sion.

— Insert the word "direct" between  
the word "discretion" and the  
semi colon in the last line of  
paragraph 2 (f) of the Seventh  
Schedule, in the English ver-  
sion.

— Substitute the word "officer"  
for the word "officers" in the  
third line of paragraph 2 (g)  
of the Seventh Schedule, in the  
English version.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan  
disetujui.

*Fasal 42* sebagaimana yang dipinda di-  
perintahkan menjadi sebahagian daripada  
Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan  
pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan di-  
luluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
LEMBAGA KEMAJUAN  
PERUSAHAAN PERSEKUTUAN  
(PERTUKARAN NAMA DAN  
PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

2.44 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menukar nama Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan bagi meminda Akta Memperbadankan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, 1965 dibaca kali yang kedua.

Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (LKPP) yang ditubuhkan dalam tahun 1967 telah ditugaskan untuk menganjur dan menyelaraskan pembangunan perindustrian di negara ini. Adalah diakui bahawa tugas ini telah dijalankan dengan baik memandangkan pesatnya kemajuan sektor perindustrian beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam menjalankan tugas-tugasnya, LKPP telah bergerak di kalangan antarabangsa. Umpamanya, LKPP telah:

- (1) menubuhkan pusat-pusat anjuran di seberang laut. Pada masa ini terdapat 7 buah pusat LKPP di seberang laut dan 3 lagi dalam proses pembukaan.
- (2) mengelolakan rombongan-rombongan pelaburan ke negara-negara luar.
- (3) mengeluarkan penerbitan-penerbitan dan makalah-makalah mengenai pelaburan dan iklan-iklan dalam majalah-majalah, journal serta akhbar-akhbar utama dalam negara-negara luar.
- (4) memperhebatkan pengedaran penerbitan-penerbitan LKPP di seberang laut.

Dengan berkembangnya aktiviti-aktiviti LKPP di luar negeri, khususnya sejak tahun 1972 adalah didapati perlu bagi LKPP untuk menggambarkan Malaysia dengan lebih berkesan lagi.

Perkataan "Persekutuan" (Federal) yang digunakan bagi nama Lembaga ini walaupun sesuai digunakan dalam negeri dirasakan tidak memberi gambaran serta impact yang sewajarnya di luar negeri. Dari itu perkataan "Persekutuan" ialah lebih sesuai diganti

dengan perkataan "Malaysia" dan LKPP seterusnya digelar "Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia" (LKPM) dan dalam bahasa Inggeris "Malaysian Industrial Development Authority" (MIDA).

Nama-nama jawatan-jawatan kanan di LKPP seperti Pengarah adalah sepertimana yang terdapat semenjak penubuhan LKPP manakala perubahan-perubahan telah dilakukan dalam perkhidmatan Kerajaan dan badan-badan berkanun yang lain di mana jawatan-jawatan yang setaraf dengan jawatan Pengarah LKPP dinamakan semula sebagai Ketua Pengarah. Oleh kerana jawatan Pengarah termaktub dalam Akta LKPP, pindaan terhadap Akta Memperbadankan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan perlu dibuat supaya gelaran Pengarah dapat ditukar kepada Ketua Pengarah.

Pindaan terhadap perkataan "Commerce" adalah dirasakan perlu memandangkan perkataan ini tidak lagi digunakan bagi panggilan Kementerian Perusahaan dan Perindustrian. Kementerian sekarang ini dikenali dengan nama dalam bahasa Inggeris "Ministry of Trade and Industry" dan tidak lagi "Ministry of Commerce and Industry."

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menukar nama Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan meminda Akta Memperbadankan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, 1965 dibacakan kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

2.48 ptg.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, cuma saya sekali lagi berasa amat dukacita kerana di dalam Rang Undang-undang yang begini senang, straightforward and simple tetapi masih lagi naskhah sahehnya di dalam bahasa Inggeris.

Saya faham kalau undang-undang itu merupakan Undang-undang yang agak rumit, yang payah, yang mungkin tidak ada kata-kata di dalam Bahasa Kebangsaan dan sebagainya maka adalah alasan di dalam perkara-perkara yang tersebut di mana naskah sahehnya bolehlah kita beri di dalam bahasa Inggeris, tetapi di dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini yang cuma hendak menukar nama tidak bolehlah naskah saheh dalam naskah Bahasa Kebangsaan oleh kerana kita ini hendak memberi nama dan nama kepada sesuatu pertubuhan itu amat penting, daripada nama itulah yang akan menentukan imej dan gambaran negara kita.

Akhir-akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, begitu banyak sekali badan-badan berkanun yang telah ditubuhkan. Ini adalah baik, tetapi yang mendukacitakan boleh dikatakan keseluruhan badan-badan ini dikenal dengan nama Inggerisnya melalui nama pendeknya.

Baru sahaja kita telah meluluskan suatu Undang-undang SOCSO. Semua orang kenal dengan SOCSO, tetapi bila bercakap dengan nama Bahasa Kebangsaannya mungkin tidak berapa yang kenal dengan nama SOCSO kerana nama SOCSO itu di dalam bahasa Inggeris. Begitu juga saya boleh memberi berbagai-bagai nama di dalam bahasa Inggeris. Begitu juga saya boleh memberi berbagai-bagai nama di dalam bahasa Inggeris, seperti FIMA, FELDA, SIRIM—yang boleh saya ingat dan beberapa banyak badan-badan lagi, semuanya dikenali dengan nama Inggerisnya kerana Rang Undang-undang yang saheh ialah dalam bahasa Inggeris. Kerana itulah saya percaya nama-nama badan-badan ini lebih terkenal di dalam bahasa Inggerisnya dan bukan di dalam Bahasa Kebangsaan.

Saya merayu melalui jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kalau boleh kita amalkan, biarkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang memulakan, kalau Kementerian-kementerian yang lain tidak mahu, mungkin Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh memulakan amalan yang baru ini, iaitu mempopularkan Bahasa Malaysia ini daripada mempopularkan nama Inggerisnya. Misalnya kita hendak menamakan anak sekarang ini, jadi soalnya hendak memberikan nama kebangsaankah atau nama asing?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat ada pengalamankah menamakan anak ini? (*Ketawa*).

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Menamakan anak orang lain ada, Tuan Yang di-Pertua, anak sendiri Insya-Allah.

Oleh kerana saya tidak ada pengalaman memberi nama inilah maka saya berkehendakkan panduan supaya apabila masa saya memberi nama ini esok, biarlah nama anak itu nama kebangsaan, jangan menggunakan nama-nama di dalam bahasa lain selain daripada Bahasa Kebangsaan. Jadi, saya merayu jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan untuk sekali ini biarlah kita mengenalkan badan yang baru ini dengan nama di dalam Bahasa Kebangsaannya dan bukan di dalam nama yang ada di sini, iaitu MIDA. Kalau MIDA tidak apa juga (*Ketawa*). Ini MIDA—bukan di dalam Bahasa Kebangsaan kita.

Itulah sahaja ucapan saya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

2.54 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, mulia-mula sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang agaknya mula-mula sekali mempelopori proses penukaran nama ini, iaitu sekirang ini kita mempunyai satu Akta untuk meminda nama dan kemudian daripada itu untuk menyelaraskan jawatan, yakni yang saya maksudkan dalam Perkara 3.

Kalaupun tidak ditukar dan masih dikekalkan dengan perkataan Federal, saya rasa tidak terjejas lagi dari segi Perlembagaan. Namun demikian, oleh sebab negara kita telah berubah nama daripada Malaya kepada Malaysia dan juga perkataan Federal ini selalu dikaitkan dengan Semenanjung Malaysia, maka amatlah kena perkataan Malaysia ini dimasukkan di dalam nama badan-badan berkenaan sebagaimana yang dibuat di dalam soal ini. Misalnya, kalau saya dapat mengambil contoh, umpamanya FELDA juga perkataan Federal, RISDA, di segi penafsirannya ataupun dari segi penterjemahannya kepada Bahasa Malaysia, saya rasa agak

tidak begitu menyenangkan diri saya sendiri. Walau bagaimanapun, saya rasa ini adalah satu langkah yang baik dan telah diikuti oleh Kementerian-kementerian yang lain.

Begitu juga dengan perkataan "Ketua Pengarah" kerana pada masa ini kita semua maklum bahawa perkataan "Ketua Pengarah" telah menjadi lumrah kepada setiap Jabatan dan juga menjadi lumrah kepada setiap badan-badan berkanun, misalnya MARA mempunyai Ketua Pengarah, LPN mempunyai Ketua Pengarah dan seterusnya selepas ini FIDA yang akan dilahirkan sebagai MIDA ini kan juga mempunyai Ketua Pengarah dan begitulah juga perkataan "Commerce" ini ditukarkan kerana sesuai dengan penukaran seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, lantas membincangkan soal ini dan juga lantaran pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut beberapa perkara sebagai latarbelakang kepada Rang Undang-undang ini mengenai FIDA yang akan menjadi MIDA ini, maka izinkan saya menyebut beberapa perkara sesuai dengan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa mengemukakan Rang Undang-undang bacaan kali kedua sekejap tadi.

Beliau telah menyebut bahawa di seberang laut kita mempunyai tujuh cawangan FIDA dan tiga lagi dalam proses pengujudan cawangan FIDA. Saya rasa memandangkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan insya Allah Rancangan Malaysia Keempat mungkin kita adalah bergantung sangat-sangat kepada pelaburan asing dan pelaburan asing ini sebelum dapat dibawa ke negara ini hendaklah mempunyai insentif-insentif atau penerangan-penerangan yang sepatutnya dan dalam soal inilah peranan FIDA akan menjadi MIDA ini. Saya mencadangkan supaya bilangan atau jumlah cawangan-cawangan FIDA di seberang laut hendaklah ditambah dan penambahan ini janganlah mengambil masa lama sangat dan kalau sekiranya Kementerian ini mempunyai kesulitan soal-soal kewangan atau sebagainya, saya rasa patut dicari jalan, segera ataupun kalau kesulitan mengenai soal kakitangan, maka perancangan jangka panjang dan jangka pendek hendaklah dibuat, umpamanya dalam latihan pegawai-pegawai dalam usaha mendapatkan pegawai-pegawai expatriate ataupun dengan cara-cara lain

yang dapat difikirkan oleh Kementerian. Kesimpulannya dalam soal ini cawangan-cawangan FIDA ini hendaklah diperbanyakkan, dengan secara tidak langsung maka dapat kita menjualkan lagi nama Malaysia terutama sekali dari segi investment, dari segi investment climate yang terdapat di negara ini kerana saya dapati di setengah-setengah negara nama Malaysia pun tidak begitu terkenal, apatah lagi tentang investment climate, tentang infrastruktur, tentang scsio-politik negara ini, tentang soal-soal perburuhan di negara ini, soal availability tanah dan buruh ataupun soal-soal yang berkaitan dengan keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh seseorang yang mungkin melabur di negara ini.

Selain daripada itu, maka saya meminta juga berkaitan dengan tugas FIDA yang tiga ini, rombongan keluar negeri. Saya rasa dalam masalah ini saya sekali lagi hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian ini kerana telah banyak membuat rombongan-rombongan keluar negeri. Walaupun rombongan-rombongan ini mungkin oleh pihak-pihak yang tidak menyetujui dengan pihak Kerajaan akan menganggapkan ini sesuatu perkara yang merugikan atau suatu perkara yang memakan belanja terlalu banyak, tetapi bagi saya soal ini hendaklah ditambahkan lagi.

Kalau sekiranya kita dapati Menteri-menteri tidak mempunyai begitu banyak masa hendak diluangkan bagi lawatan-lawatan untuk mencari pelabur-pelabur asing itu maka hendaklah diwujudkan—ini saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua—satu pasukan petugas (task force) sama ada di bawah FIDA ataupun di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian secara direct di dalam tugas-tugas ini. Kerja pasukan ini hanya pergi ke sana ke mari untuk mendapatkan pelabur-pelabur asing untuk datang ke negara ini. Jadilah seperti mana yang pernah negara Amerika Syarikat mengadakan seorang roving ambassador rada satu masa dahulu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, patut benar kita adakan satu pasukan petugas seperti mana yang saya cadangkan tadi kerana kegagalan ataupun kecapaian dan kejayaan kita di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat, insya Allah, sangat-sangat juga bergantung kepada

faktor pelabur asing itu dan inilah juga yang akan menolong untuk mengatasi soal-soal pengangguran yang didapati di negara kita pada hari ini.

Seterusnya saya dapati juga pihak FIDA mengeluarkan makalah-makalah, sama ada makalah-makalah itu disebarkan di dalam negara ini ataupun di luar-luar negeri, saya rasa makalah-makalah ini selain daripada dibekalkan kepada Trade Commission dan High Commissioner ataupun kedutaan kita di luar negeri, maka majalah itu juga hendaklah ditentukan sampai kepada setiap perpustakaan besar, kalau tidak ke semua perpustakaan, sampai kepada semua pusat penerangan, bukan hanya untuk pusat penerangan di negara kita sahaja, tetapi hendaklah sampai kepada setiap perpustakaan universiti di seluruh dunia, terutama sekali di universiti di negeri-negeri yang kita ada hubungan rapat. Misalnya, kita mungkin mengharapkan pelaburan banyak daripada Jepun terutama sekali kerana nilai Yen pada hari ini sedang meningkat naik, mungkin juga kita mengharapkan banyak pelaburan dari Germany kerana Deutschemark telah naik, maka penumpuan di negara-negara inilah yang saya maksudkan setiap perpustakaan, setiap universiti-universiti ataupun kolej-kolej hendaklah kita sampaikan setiap maklumat mengenai negara ini, yang pada akhirnya memberi keuntungan kepada negara ini dari segi pelaburan.

Dan di samping itu, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, supaya rakyat kita sendiri tidak terkapar-kapar, rakyat kita sendiri mengetahui tentang kerja FIDA sendiri yang akan menjadi MIDA nanti, maka makalah-makalah itu hendaklah juga dihantar kepada semua pihak yang kita rasa boleh menolong kita pada satu masa akan datang. Kerana kita tidak tahu mungkin si A daripada Tanah Merah Kelantan hendak melancarkan ke Amerika Syarikat tetapi kalau si A itu tidak menghubungi Kedutaan kita di Amerika Syarikat, mungkin kalau hendak menghubungi Kedutaan kita di sana oleh sebab terlalu jauh, misalnya, Kedutaan kita berada di Washington kita hendak pergi ke sebelah sana dan mungkin juga si A ini tidak berminat hendak mengetahui sangat soal-soal Malaysia ini kerana dia seorang Malaysia. Setelah dia keluar daripada Malaysia baru dia sedar bahawa pengetahuannya mengenai Malaysia ini adalah terlalu terhad. Maka

supaya orang seperti ini boleh dibekalkan before hand maka eloklah segala bahan-bahan ini kita hantarkan, misalnya, kepada sebarang perpustakaan, di negara kita ini. Cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk negara ini diperlembihkan dan kepada setiap jabatan yang saya difahamkan telah dihantarkan. Selain daripada itu, kita hantar juga ke sekolah-sekolah. Perkara ini selalu diberi kepada wakil rakyat sama ada State atau Federal.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya rasa Rang Undang-undang ini adalah kena pada tempatnya dan patut mendapat sokongan.

3.05 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, nama ini adalah satu perkara yang amat mustahak bagi semua makhluk dan semua kejadian. Kalau tidak ada nama manusia tidak dapat memanggil satu-satu orang dan kalau nama terlampau banyak pun membawa keliru kepada orang ramai. Saya contohkan nama manusia yang banyak sekali agak saya diambil sempena nama Nabi iaitu Muhammad. Muhammad ini jarang yang namanya satu, melainkan diberi gelaran dihujungnya. Di tempat saya dikatakan "Mat Pendek, Mat Panjang" dan sebagainya, kerana nama inilah memperkenalkan seseorang, kalau terlampau banyak satu nama dan serupa jadi manusia tak dapat mengenal sebab itulah diadakan gelaran seperti saya katakan tadi dengan berbagai gelaran. Jadi kalau manusia mustahak kepada nama dan binatang ada nama tentulah juga perindustrian ataupun badan-badan itu mustahak nama kerana dengan nama kita dapat mengenal satu-satu orang dan satu-satu perusahaan dan juga nama itu hendaklah disesuaikan dan yang berpatutan. Jadi, saya berani kata di sini nama menunjukkan dan mengenal sikap seseorang. Misalnya, kita katakan kalaulah seorang itu nama Muhammad, Abdul Rahman, Ali dan sebagainya, mereka itu tak payah ditanya lagi, kalau kita di Malaysia ini, kadang-kadang saya sendiri biasa samar-samar. Ini kenyataan sebenar dan biasa

berlaku seseorang itu kita tengok keadaannya semacam di antara Melayu dan China, khususnya di tempat saya di sempadan Thailand, kadang-kadang itu sama rupanya, kita tak dapat hendak cam tepat, pakaiannya lebih kurang sama, tetapi bila kita terdengar seorang itu dipanggil Muhammad Abdul Rahman serta-merta kita faham ianya Melayu dan Islam, tak payah dia khabar Melayu atau Islam.

Begitu juga seorang yang saya temui baru-baru ini apabila saya masuk ke Hospital di Kuala Lumpur, seorang menziarahi bapanya. Saya yakin kuat yang manusia itu ialah seorang Islam kerana saya tengok seolah-olah dia itu macam Melayu. Kata kawan yang berhampiran dengan saya dia itu bukan Melayu, dia Kristian. Saya katakan Melayu. Bila dia bercakap saya sendiri tak pasti. Adakah dia Melayu ataupun bukan Melayu? Saya tanya "Encik nama apa? Dia kata, "John". Maka dengan sendirinya sebagai kenyataan saya faham dia bukan Melayu. Inilah saya katakan nama adalah menunjukkan satu-satu orang dan satu benda itu dengan kenyataan sebenarnya.

Begitu juga saya yakin undang-undang yang dipinda oleh Kementerian ini adalah tepat. Dan kita tidak mahu kalau nama itu pula misalnya kita katakan Muhammad, nama mustahil bagi seorang yang namanya baik, mustahil bagi seorang yang namanya cantik, nama Melayu tetapi dia tak puasa, dia tak sembahyang, dia tak ikut cara yang dibuat oleh orang Islam. Kalau namanya seorang Melayu dan Islam, dia kena buat hukum Islam. Kalau dia tak buat, atas namanya yang baik atas pegangan yang baik, ini melecehkan balik, menjatuhkan bangsanya dan nama dia sendiri sebagai nama yang begitu manis dan nama yang mengikut Islam tetapi dia tak buat cara Islam.

Begitu juga saya percaya nama yang dibubuh atau dipinda oleh Kementerian ini juga ada maksudnya, kalau namanya baik, tetapi di samping itu perbuatannya tidak baik, macam saya katakan tadi. Jadi, saya yakinlah dengan perubahan nama itu bererti akan membawa perubahan baik macam mana kita tengok dalam Undang-undang ini Lembaga Kemajuan Perusahaan Perindustrian diubah kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia. Dua perubahan dapat ditengok di sini, pertama perindustrian dan kedua, Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai mana dikatakan oleh kawan saya tadi, saya juga bersetuju kerana kita duduk dalam negara Malaysia. Kedua mengenai perindustrian pada pendapat saya perindustrian ini lebih luas terdapat kilang-kilang dan sebagainya.

Kita telah merdeka lebih daripada 20 tahun, sebelum kita merdeka dahulu ada orang anti-kemerdekaan yang mengatakan Melayu dan Malaya tak boleh merdeka kerana tak tahu buat jarum dan sebagainya. Itu biasa dikatakan oleh setengah orang yang menentang kemerdekaan kerana kita tak ada universiti, tak ada doktor dan sebagainya. Tetapi, Tuhan tak pernah hampakan manusia dan tak membezakan manusia. Manusia mana yang sungguh berusaha, berlumba dan sanggup belajar akan dapat kejayaan. Tuhan tak pilih bangsa apa, China, Melayu atau Hindu. Sebab Tuhan berfirman: Tuhan tidak mengubah nasib satu-satu kaum melainkan kaum itulah mengubah nasibnya sendiri. Pendek kata dalam pepatah Arab, kalau tidak silap, sesiapa yang bersungguh-sungguh mesti dapat, tak ada benda yang payah bagi manusia, yang payahnya kalau kita tidak mahu buat. Satu perkara yang susah—senang bagi orang yang ingin berusaha, satu perkara yang senang-susah bagi orang yang penyegan dan tak mahu berusaha. Ini pendapat saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah hubungan dengan tukar nama ini?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Hubungannya dengan industri, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sampai kepada matlamat yang saya hendak tuju.

Dua puluh dua tahun kita merdeka, bahan utama dalam negara kita masih banyak. Saya contohkan getah, bijih timah, kelapa sawit dan berbagai-bagai lagi, tetapi hari ini kita amat dukacita segala getah kita ditumpukan eksport keluar negeri. Kita tidak ada kilang yang khas, kalau adapun tidak cukup. Misalnya kasut yang kita pakai, bahan-bahan yang kita buat, saya yakin dan percaya ini datangnya banyak daripada getah yang menjadi bahan utama kita tetapi mengapa kita eksport keluar negeri, kemudian kasut itu dibeli balek oleh Malaysia. Yang dapat untung, mulanya orang yang berniaga eksport keluar negeri; keuntungan yang kedua ialah

tuan-tuan kapal; keuntungan yang ketiga industri di luar negeri dan keempat buruh-buruh ataupun pekerja-pekerja. Maka di sini negara kita telah rugi banyak, satu dari segi pengangkutan yang harus diterima dan dijalankan oleh negara-negara lain, yang keduanya pekerja-pekerja inilah yang amat mustahak sekali dan dengan itu juga saya percaya harga yang awal tadi naik sekurang-kurangnya dua kali ataupun tiga kali ganda. Alangkah bahagianya kalaulah segala bahan utama sebagaimana yang saya katakan tadi getah, bijih timah, kelapa sawit, jerami padi dan sebagainya diproses dalam Malaysia dan dijadikan industri bersesuaian sebagaimana yang dikatakan dalam Rang Undang-undang Kemajuan Persekutuan tadi segala-galanya dibuat dalam Malaysia, kecuali kalau benda itu lebih, tak berpadan. Itupun lebih baik kita proses dahulu, kita jadikan kilang kasut, kita jual ke negeri lain. Ini melipat ganda pendapat kepada kita, satu bahan yang saya yakin boleh jaga sebab benda itu kita boleh buat sendiri. Pada hari ini kita bergantung . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah melencong jauh sangat dari pindaan ini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tidak melencong, Tuan Yang di-Pertua, dan saya minta maaf. Jadi kesimpulannya begini, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sesuainya nama Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, saya berharap segala bahan-bahan yang dikeluarkan dalam negara kita ini hendaklah dijadikan industri dalam Malaysia, dibuat dalam Malaysia. Itu pendapat saya dan dengan ini menambahkan pekerja-pekerja dan menambah hasil kepada negara lebih baik daripada apa yang ada hari ini. Dengan itu bersesuaian dengan apa yang dipinda sebagaimana saya katakan tadi dan dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

3.14 ptg.

**Tuan Awang bin Jabar (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong di atas pindaan Rang Undang-undang ini dari segi hendak meminda nama Federal kepada Malaysia itu. Saya sangat bersetuju dengan hujjah yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi untuk hendak mempertingkatkan nama Malaysia, hendak memperkenalkan nama Malaysia di luar negeri.

Selain daripada itu, dari segi yang lain, iaitu bila kita meninjau dari sudut saikoloji pertukaran daripada Federal kepada Malaysia ini di dalam Rang Undang-undang ini adalah lebih dan amat sesuai sekali dan cukup-cukup penting, kerana walaupun di dalam Perlembagaan negara kita satu-satu telah mengatakan bahawa Federation itu Malaysia. Tetapi saya yakin dan saya percaya tidak ramai rakyat negara kita ini yang ada mempunyai buku Perlembagaan di tangan masing-masing. Jadi bila disebut Federal barangkali ada setengah-setengah orang atau sebilangan besar orang-orang di Sabah dan Sarawak barangkali mengatakan tidak termasuk mereka. Ini menjadi inferiority complex ataupun berbagai-bagai psychological effect yang mungkin semacam kerenggangan antara kita berlaku. Jadi yang kita mahu sekarang dengan lain-lain perkataan pindaan ini dibuat adalah selari dan sesuai dengan matlamat kita untuk mencapai perpaduan di dalam negara kita ini.

Yang kedua, saya melihat kepada naskah yang tidak saheh iaitu naskah Bahasa Malaysia walaupun di dalam naskah sahehnya di dalam bahasa Inggeris yang belum dipinda dan yang sudah dipinda itu sama sahaja perkataan industrial itu ada, tetapi dalam naskah yang tidak saheh itu terdapat perkataan-perusahaan itu dipinda kepada perindustrian. Inipun satu perkara yang saya rasa membanggakan kita juga bila kita memperkatakan sesuatu hal yang ekonomi dalam konteks Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini perkataan industri ini menampakkan ataupun pertukaran perubahan daripada perusahaan kepada perindustrian dalam Akta ini yang hasrat dan niat Kementerian dan Kerajaan kita untuk hendak mengindustrialisekan negara kita ini. Dengan erti yang lain, hendak memperbanyakkan industri-industri di dalam negara kita ini. Dengan perkataan lain lagi hendak membahagikan industri-industri ini kepada negeri-negeri yang belum maju di dalam negara kita ini. Itulah hasrat utama barangkali yang ada di dalam Akta ini.

Sehubung dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan supaya penaburan perindustrian di negara kita ini khususnya kepada negeri-negeri yang tidak maju lagi itu hendaklah diberi perhatian ataupun diberi priority yang sewajarnya, khususnya di Trengganu. Kerana setakat ini, kita dapati sebanyak 1.5% sahaja daripada kelulusan

yang diluluskan oleh Kementerian untuk ditempatkan di Trengganu, iaitu 48 daripada 3,000 lebih, tetapi dari segi peratusnya 1.5 sahaja. Jadi memandangkan kepada negeri Trengganu yang mempunyai sumber-sumber alam yang boleh menjadi bahan perindustrian yang baik sama ada yang berasaskan kepada pertanian dan lain-lain lagi itu, maka saya amatlah mengharapkan supaya Kementerian yang berkenaan setelah meminda Akta ini banyakkannya lagi bilangan industri di Trengganu, khususnya di Dungun di kawasan saya, kerana di Dungun dari segi geographinya sangatlah tidak ekonomik, kerana kehidupan orang-orang sepanjang pantai di Dungun itu hanyalah bergantung kepada hidup di laut sahaja. Setelah Bukit Besi ditutup; dan kalau adapun pembukaan FELDA di Jerangau itu satu sahaja, dan saya tidak tahu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mungkin membuka banyak lagi FELDA di Dungun, saya tidak tahu, tetapi dari segi industrinya ada kemungkinan yang baik, khususnya apabila deposit "selika" yang sudah ditemui di kawasan Dungun juga iaitu di batu 38. Ini saya merasakan satu penemuan yang boleh menjadi satu bahan perindustrian di Trengganu—di Dungun maksud saya. Jadi, apabila industri ini dapat dibuka di negeri-negeri yang belum maju ini saya rasa perkembangan perindustrian yang dikehendaki oleh Kementerian ini dapat dibuat dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa banyak sekatan-sekatan ataupun halangan-halangan untuk Kementerian yang berkenaan membawa industri-industri ke Trengganu. Saya sedar bahawa jaraknya memang jauh dengan pasaran, apatah lagi kalau musim-musim begini kejadian-kejadian tanah runtuh umpamanya kita tidak dapat membawa barang-barang daripada industri itu ke Kuala Lumpur dengan secepat mungkin. Ini satu daripada sebabnya. Ada sebab lain lagi, Tuan Yang di-Pertua, di Trengganu walaupun buruhnya ramai, orang-orangnya ramai, tetapi tenaga-tenaga expertise, pakar dan pekerja-pekerja yang skilled dalam masalah industri ini tidak ada. Jadi, oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berserulah kepada Kementerian ini supaya mengadakan beberapa perkara, antara lain, berusaha untuk mewujudkan sebanyak beberapa perkara, antara lain, berusaha untuk mewujudkan sebanyak

mungkin tempat-tempat latihan sebelum industri itu dibuka. Maknanya memberi kuota kepada orang-orang dari Trengganu lebih daripada negeri-negeri lain, bukanlah ertinya saya minta lebih di sini dalam ertikata orang-orang Trengganu itu lebih, tetapi oleh sebab dia lebih tidak maju, maka hendaklah perediaan ini dilebihkan supaya dalam sedikit masa sahaja perseimbangan itu akan dapat kita capai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dapat Yang Berhormat ringkaskan sedikit. Kalau kita membahaskan Akta itu bolehlah, ini hanya meminda.

**Tuan Awang bin Jabar:** Insya Allah, Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua saya juga mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya usaha-usaha penyelidikan ke atas punca-punca sumber asli di dalam negeri Trengganu ataupun ke seluruh negara ini hendaklah diperbanyakkan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di atas pindaan ini.

3.25 ptg.

**Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun juga menyokong di atas Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan berkenaan dengan pertukaran nama dan pindaan yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia sekejap tadi. Saya bangun menyokong kerana saya percaya dan saya yakin bahawa pihak Pembangkang pun bersetuju dengan apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kerana daripada mula saya nampak tidak ada seorang Pembangkang pun cuba hendak bangun menentang di atas pindaan-pindaan ini, dan saya rasa sewajarnya sebagai penyokong Kerajaan saya mesti sokong sekuat-kuatnya kerana pindaan ini adalah untuk kebaikan Lembaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita perlulah diberi pujian yang begitu tinggi kerana di dalam perjalanan Lembaga ini terdapat beberapa perkara yang tidak sewajarnya, maka sebab itulah Kerajaan kita mengambil tindakan menukarkan nama daripada FIDA kepada MIDA. Pertukaran ini adalah perlu kerana perkataan "Federal" kepada negara-negara luar tidaklah begitu terkenal kerana

negara kita terkenal dengan nama "Malaysia". Sebab itulah setelah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membawa rombongan ke luar negeri setelah beberapa kali mungkin juga perkara ini ditimbulkan oleh negara-negara luar maka sebab itulah pindaan ini dipandang sangat perlu dan sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan nama yang dimaksudkan MIDA itu saya juga bersetuju dengan wakil sahabat saya dari Sepang tadi supaya nama ini menggunakan perkataan, kalau boleh, Bahasa Kebangsaan, sebagaimana yang kita terdapat kalau dahulu RIDA boleh ditukar kepada Majlis Amanah Rakyat, maka dengan pertukaran itu beberapa perkara yang tidak boleh dibuat dahulu boleh dibuat sekarang; mungkin juga nama RIDA itu tidak begitu sesuai maka diubah-suaikan dengan nama MARA. Alhamdulillah, pada hari ini kerja-kerja MARA perlulah disanjung tinggi dan boleh dikatakan rakyat berkenaan. Demikian juga kita harap daripada FIDA kepada MIDA ini mungkin dengan nama baharu ini pertubuhan ini ataupun Lembaga ini boleh berjalan dengan berkesan dan lebih menafaat kepada rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan daripada Pengarah kepada Ketua Pengarah itu adalah sejajar dan sesuai dengan lain-lain badan yang kita ada di Malaysia ini. Kerana MARA ada Ketua Pengarahnya dan lain-lain badan juga ada Ketua Pengarahnya, mengapa MIDA ini mesti dikekalkan Pengarah semata-mata. Pengarah ini kedudukannya bawah sedikit daripada Ketua Pengarah; mungkin daripada Ketua Pengarah itu ada beberapa orang Pengarah di dalam MIDA ini. Ini juga perlu disanjung tinggi di atas pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya FIDA dahulu ada beberapa pejabat wilayah di dalam Malaysia ini iaitu kalau tidak silap saya dia ada di Kedah, Perak, Johor, di Pantai Timur dan Kuala Lumpur. Adalah pandangan saya kalau boleh biarlah MIDA ini menubuhkan pejabat wilayahnya di dalam tiap-tiap buah negeri, terutama sekali negeri-negeri di Pantai Timur dan negeri-negeri yang belum ada lagi kerana peranan yang dimainkan oleh MIDA yang kita hendak pinda namanya ini adalah penting dari segi hendak mewujudkan perindustrian di satu-satu kawasan. Maka oleh yang demikian saya merayulah supaya negeri-negeri yang belum

ada MIDA ini perlulah ditubuhkan pejabat wilayahnya, kalau boleh Perlis itu tidak payah ditubuhkan kerana dia boleh tumpang dengan Kedah sebab Kedah ini boleh cover negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya juga sanjung tinggi di atas tindakan hendak mengadakan tiga lagi pejabat di luar negeri kita selain daripada apa yang ada 7 buah pada hari ini, maka bukan setakat tiga lagi kalau boleh lebih banyak lagi perlu ditubuhkan, kerana negara kita adalah terkenal sebagai negara sedang membangun. Kita hendak lebih banyak lagi industri-industri datang ke negara kita dan mereka itu perlu diberi penerangan dan tiap-tiap buah negeri itu kita harap mereka itu boleh menanam modal di sini dengan adanya pejabat MIDA di seluruh dunia apabila pindaan ini dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang perlu saya sebutkan di sini sempena dengan adanya satu mesyuarat oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada hari ini di Kuala Lumpur, maka di sini juga pihak MIDA boleh ambil peranan yang penting melalui Persidangan Menteri-menteri Ekonomi yang sedang diadakan di Kuala Lumpur ini dan kalau perlu patut sangat kita mengadakan dalam tiap-tiap buah negara ASEAN ini kita perlu meluaskan lagi pejabat MIDA ini supaya negara kita dan negara ASEAN juga boleh dijadikan sepertimana yang ada di Eropah iaitu negara EEC. Inilah satu-satunya negara yang kuat dan tidak ada sebab mengapa kita, ASEAN juga boleh jadi kuat dengan adanya susunan baru, tukar nama baru ini daripada FIDA kepada MIDA. Oleh yang demikian, saya merayulah kepada pihak Kementerian ataupun pihak MIDA ini cubalah berbincang, bermesyuarat dengan Menteri-menteri di Kuala Lumpur yang mana pada hari ini mereka sedang bersidang, supaya negara ASEAN juga mengambil peranan bersama untuk memajukan MIDA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan sahabat saya dari Tanah Merah tadi yang mengatakan negara kita sedang menghantar rombongan-rombongan keluar negeri untuk menarik modal-modal luar datang ke negara kita. Beliau juga mencadangkan tadi supaya satu Task Force ditubuhkan dan saya sungguh seronok dan bersukacita jika Task

Force ini boleh ditubuhkan dan kalaulah ada rombongan-rombongan hendak pergi ke luar negeri itu, eloklah dimasukkan selain daripada pegawai-pegawai daripada MIDA, daripada Kementerian, daripada beberapa Jabatan Kerajaan; patutlah disulam dengan seorang dua Ahli-ahli Parlimen kerana mereka inilah yang hendak bercakap di sini. Kalau mereka pergi ke luar negeri, mereka tengok mereka berjanji hendak datang tetapi tidak datang, perkara itulah yang hendak dicakapkan di sini. Jadi saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan, kalau boleh di masa yang akan datang mana juga rombongan masuk-kannya seorang atau dua—tidak usahlah masuk semua, masuk seorang dua pun cukup, pilihlah atas kebijaksanaan Kementerian berkenaan supaya pilih kami Wakil-wakil Rakyat juga, kalau boleh masukkan Pembangkang sama dalam rombongan itu supaya “depa” boleh tengok. Macam hari ini mereka sokong; tidak ramai Pembangkang duduk di tempat mereka, mereka bersetuju di atas pindaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkataan “depa” ini tidak usah pakai di sini, payah hendak dicatitkan.

**Tuan Hashim bin Endut:** Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi berkenaan dengan soal nama. Wakil dari Kangar tadi bercakap banyak berkenaan dengan nama. Nama ini adalah sangat perlu, kerana contohnya, kalau orang-orang tua dahulu, hendak beri nama anak, dia pilih nama-nama Nabi, sahabat-sahabat Nabi. Tetapi sekarang sudah berlainan. Jarang ibubapa hendak beri nama mengikut Nabi—nama “John”, nama “Aini”, “Mohd. Arif”; Mohd. Arif, ini nama Nabi, tetapi kadang-kadang namanya Mohd. Arif tetapi perbuatannya itu tidak arif, dia tidak pass LCE, dia menghisap dadah—itu bukan arif namanya. Kalau boleh nama ini adalah satu nama yang baik. MIDA ini, saya agak adalah sesuai tetapi kalau hendak dimelayukan, hendak jadikan Bahasa Kebangsaan, saya agak sepertimana yang diminta oleh Wakil dari Sepang adalah satu perkara yang sulit sedikit, sungguhpun saya sokong tetapi mungkin pihak Kementerian telah berfikir hendak bubuh nama LKKP, jadi susah. Sebab itulah tidak usah ambil berat sangat masalah nama. Macam Radio dahulu mereka cuba hendak tukar daripada “radio” menjadi “tetuang udara”. Jika dikatakan “tetuang udara” tidak berapa sesuai, radio juga digunakan. Saya minta kepada sahabat saya

dari Sepang, tidak usahlah ikut sangat hendak gunakan Bahasa Kebangsaan tetapi kita cuba, macam RIDA dahulu tukar MARA memang sesuai, tetapi yang ini MIDA, saya rasa bagus juga nama itu, seakan-akan nama Melayu sungguhpun daripada perkataan Inggeris. Sedap nama MIDA itu.

Tuan Yang di-Pertua, tugas MIDA yang kita hendak pinda nama hari ini, saya mintalah kalau boleh negeri-negeri yang kurang maju terutama sekali macam negeri saya, Kedah. Mengapa dan sebab apa kurang sangat pelabur-pelabur ataupun industri-industri datang ke negeri itu. Saya sendiri pun tengok Kerajaan Negeri telah mengisytiharkan kawasan industri, tidak banyak industri hendak datang, mengapa dan sebab apa? Kalau boleh mintalah pihak MIDA dan juga pihak Kerajaan memberi segala kemudahan. Macam saya katakan dahulu bahawa negeri Kedah ini adalah satu negeri yang malang, kerana kedudukannya berhampiran dengan Pulau Pinang. Ramai orang suka singgah di Pulau Pinang. Kalau factory hendak datang pun, dia singgah di Pulau Pinang, sehingga tidak ada tempat hendak buat industri di Pulau Pinang. Oleh yang demikian, saya mintalah pihak MIDA ini beri perhatian yang lebih kepada negeri-negeri seperti Kedah, Perlis, Trengganu, Kelantan dan sebagainya tetapi bagi negeri Perlis, saya agak ada dua factory besar pun sudah “ketat” negerinya, tidak ada tempat hendak bubuh. Tetapi kalau ada, patut beri kepada Perlis, kalau tidak sahabat saya dari Kangar hendak marah, kalau ada tempat lagi, kita beri.

Oleh yang demikian, saya merayulah kepada MIDA ataupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini mana-mana negeri yang masih lagi mundur, masih kurang mendapat sambutan berkenaan dengan industri, perlulah dikaji dan disiasat supaya negeri-negeri ini juga mendapat manfaat ataupun faedah daripada pertukaran nama ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Hashim bin Endut:** Tidak panjang, Tuan Yang di-Pertua. Saya agak oleh kerana saya pun tidak begitu panjang, rendah pula, saya tidaklah hendak bercakap panjang kerana ramai lagi kawan-kawan saya hendak

bercakap. Oleh yang demikian, saya dengan ini menyokong di atas pindaan ini supaya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini yang akhir, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

Ahli Yang Berhormat dari Matang.

3.35 ptg.

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong di atas beberapa pindaan kecil di dalam Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia yang ringkasnya MIDA.

Di atas maksud yang diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya beberapa bahagian kecil ini dipinda, didapati satu perkara besar timbul, yakni mengenai nama dan saya percaya tujuan Kementerian ini membuat pindaan ini bermaksud dari segi antarabangsa. Kalau inilah maksud Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mendapat penjelasan berapa banyak wakil-wakil perdagangan daripada Kementerian ini yang berada di luar negeri, jika dapat menyebut nama negara-negara tersebut dan jika dapat pula dimanakah negara yang mempunyai perhubungan rapat berkenaan dengan pelaburan dengan negara kita. Ini saya percaya jika Yang Berhormat dapat memberi penjelasan, dapatlah kita menggambarkan bagaimana maju atau tidaknya Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan pada masa dilaksanakan pada tahun 1965.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, sejak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dilantik sebagai Menteri yang bertanggungjawab kepada Kementerian ini, telah beberapa kali beliau keluar negeri dan telah beberapa kali pula beliau membuat ucapan penting di luar negeri khususnya di negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain lagi. Ini bermakna barangkali agak saya sebelum daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini keluar negeri berjumpa dengan pelabur-pelabur asing, kemungkinan pelabur-pelabur asing tidak berapa mendapat penjelasan yang cukup bagaimana mudah, elok, cantik jika ia melabur di dalam negara ini. Tetapi sejak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri berada di luar negeri, kita rasa terbayang sekarang bagaimana penerangan yang telah diberi dapat diterima oleh pelabur-pelabur asing dan negara kita di satu masa hadapan lebih cerah berkenaan dengan pelaburan.

Ini saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, kerana pada satu masa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membuat ucapan di sebuah negara di hadapan pelabur-pelabur asing dan mereka ini terdiri daripada orang-orang yang mempunyai keyakinan, mempunyai pengalaman di lapangan perindustrian yang besar di seluruh dunia. Semenjak daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membuat ucapan, di atas kesan selepas ucapannya, kebetulan pada masa itu saya berada di negara tersebut; saya dapati sebahagian besar daripada hadirin dan sebahagian besar daripada pelabur-pelabur asing di negara tersebut mula hendak menghala melabur ke dalam negara kita.

Jika apa yang saya lihat ini suatu keadaan yang lebih baik dengan kejayaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang bertanggungjawab di atas Kementerian ini, saya percaya dengan cara inilah maka Yang Amat Berhormat telah menjelajah daripada satu negara ke satu negara kerana di atas kesanggupan negara kita. Saya percaya pada masa hadapan pelabur-pelabur asing daripada negara-negara yang berkenaan akan datang lebih banyak ke dalam negara kita dan kemungkinan dari ini maka suatu Akta pindaan seperti ini dibuat sekarang. Saya mengalu-alukan di atas langkah yang telah dibuat.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan yakni Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mempunyai tanggungjawab yang besar di dalam negara kita ini mesti keluar dari semasa ke semasa kerana berkehendakkan pelabur asing datang ke dalam negara kita. Saya percaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun seperti kita juga, mempunyai tenaga seperti kita juga. Oleh itu sepatutnyalah langkah-langkah lain yang lebih berkesan patut diambil. Misalnya ada disebut tadi supaya Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini mengambil peranan bersama-sama dengan Menteri keluar negeri memberi penerangan kepada pelabur-pelabur

asing dengan apa cara yang termampu oleh mereka, saya percaya ini juga boleh memberi pertolongan kepada negara.

Oleh sebab itu saya percaya dengan keadaan ini pelabur-pelabur asing akan datang ke dalam negara kita dan akan melabur. Di sini ada kaitan dengan buruh pula, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat ringkas-kasahajalah, tumpukan kepada pindaan ini sahaja, sebab sudah lama sangat.

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Ya. Oleh sebab demi kepentingan Dewan kita pada hari ini dan di atas nasihat Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.43 ptg.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini dan juga melafazkan beberapa banyak teguran-teguran yang begitu membina yang mana saya mesti mengambil perhatian dan jika boleh kita akan mengikhtikarkan.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara mengenai namanya. Pada lazimnya dalam perniagaan tukaran nama ini bermaksud melainkan perniagaan itu buruk atau dekat bankrap baharu kita tukar nama. Tetapi nama kalau ditukar mesti selaras dengan maksud. Apabila LKPP ini ditubuhkan pada tahun 1965 tugas-tugasnya ialah untuk menggalakkan penanaman modal, menggalakkan pengwujudan perindustrian di negara kita ini yang mana di waktu permulaan kita utamakan perindustrian yang membuat barang-barang yang digunakan di negara kita yang dikatakan "Import Substitution Industries". Tetapi sesudah mencapai matlamat ini perindustrian sudah masuk ke phase yang kedua yang mana kita menarik bukan sahaja modal tetapi kemahiran teknologi yang kita boleh gunakan dan juga yang mana kita orientasikan kepada pasaran-pasaran di luar negeri. Kita perlu menarik pelabur-pelabur yang ada saluran pasaran yang mana

barang-barang yang dibuat itu boleh dipasarkan dengan senang. Tugas LKPP ini pun telah ditukar seperti saya katakan tadi sudah diwujudkan banyak pejabat-pejabat di luar negeri, jadi kita terpaksa tukar nama ini dikenal dengan nama LPKM.

Kalau di Malaysia "Persekutuan" semua orang tahu Kerajaan Persekutuan ialah Kerajaan Malaysia, kalau di luar negeri kita pakai Federal Industrial Development Authority, kalau banyak negara ada Federal system seperti di Australia barangkali dia ingat ini pun satu badan Australia, Federal Industrial Development Authority. Dan ada juga lain-lain tempat. Maka dengan sebab ini kita tukar kepada Malaysia dan saya pun dengar tadi Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah membangkitkan apa sebab kita cuma ada naskhah saheh dalam bahasa Inggeris. Ini saya ingat ialah satu perkara am, bukan hanya Rang Undang-undang bagi Kementerian saya. Saya nampak banyak lagi Rang Undang-undang ini dan barangkali Undang-undang asal atau Akta Ibu dicatit dalam bahasa Inggeris atau ada sebab-sebab lain yang naskhah ini mesti dalam bahasa Inggeris. Akan tetapi saya fikir Kementerian Undang-undang mesti mengambil perhatian, kalau kita boleh ubah daripada menggunakan bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia, ini kita mesti mengalu-alukan. Nama ringkas itu seperti Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah beri contoh banyak Perbadanan gunakan nama ringkas dalam bahasa Inggeris seperti SIRIM, FIMA, barangkali dia banyak vowel, senang sedikit. Macam LKPP kalau kita sambung susah sedikit hendak cakap LKPP, kalau kita gunakan dalam huruf jawi barangkali senang sedikit seperti "LEKEPEMIM". Macam mana kita hendak ubah. Saya ingat ini cuma satu practice kalau boleh saya mesti mengambil perhatian yang berat atas cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang kita tukarkan nama ke dalam Bahasa Malaysia dan juga nama ringkas kalau boleh kita carilah satu perkataan yang kita boleh sambung dan senang disebut.

Kita pun mesti ingat LKPM ini akan menjalankan urusannya di luar negeri dan kalau kita tukar nama baik kita tukar kepada satu-satu nama yang senang orang ingat. Kalau FIDA kepada MIDA barangkali senang sedikit, kalau FIDA kepada LEKEMA, itu susah sedikit. Kita timbang macam mana kita boleh gunakan bahasa ringkas.

Banyak Ahli-ahli Yang Berhormat pun telah bertanya berkenaan dengan pejabat di luar negeri. Panduan yang kita gunakan untuk mengadakan pejabat di luar negeri ialah kita nilai potensi negara yang boleh menanam modal di negara kita ini. Saya cuma beri sedikit contoh seperti Ahli Yang Berhormat dari Matang bertanya berapa buah pejabat kita ada di luar negeri, di negara mana. Saya beri anggaran yang kita ada dalam Laporan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, pada tahun 1977, yang mana semua Ahli-ahli Yang Berhormat ada satu naskhah. Negara yang menanam modal paling banyak sekali di negara kita ini ialah:

Pertama, Singapura ...	\$296.3 juta
Kedua, Jepun ...	256.5 juta
Ketiga, United Kingdom ...	162 juta
Keempat, Amerika Syarikat— ini semua pada tahun 1977 sahaja	144 juta
Kelima, Hongkong ...	128.8 juta
Keenam, Jerman Barat ...	31 juta
Ketujuh, Australia ...	27 juta

Jadi pejabat-pejabat yang kita ada di luar negeri, yang jumlahnya 7 buah, ialah:

Amerika Syarikat ...	2 buah
Jepun ...	1 buah
United Kingdom ...	1 buah
Germany ...	1 buah
Australia ...	1 buah
Perancis ...	1 buah

Dan tiga pejabat yang akan wujud sekarang ialah:

Toronto, Kanada ...	1 buah
Singapura ...	1 buah
Hongkong ...	1 buah

Dan semua managers yang berkhidmat di pejabat-pejabat ini ialah warganegara Malaysia dan barangkali ada setengah pejabat ada seorang penolong.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara rombongan yang melawat luar negeri dan mengatakan kalau hendak lebih berkesan barangkali kita wujudkan task force. Ada juga yang mencadangkan supaya kita memasukkan seorang dua Ahli-ahli Yang Berhormat (MPs) di

dalam rombongan ini. Sukalah saya mengatakan di sini rombongan yang selalu melawat negara-negara yang ada potensi mananam modal ini terdiri daripada bukan sahaja pegawai-pegawai, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri ada memimpin rombongan ini. Selain daripada Menteri-menteri atau Timbalan Menteri dan pegawai, kita pun ada wakil-wakil daripada pihak swasta. Umpamanya, dalam rombongan yang melawat Amerika Syarikat baru-baru ini, yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tidak kurang daripada 30 buah syarikat-syarikat daripada pihak swasta telah menyertai rombongan ini; dan juga rombongan yang melawat negara Jepun pun ada juga tidak kurang daripada 15 wakil. Kita mengalu-alukan pihak swasta mengambil bahagian dalam rombongan ini, dan kalau Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen hendak menyertai, boleh juga, tetapi perbelanjaan akan ditanggung oleh mereka sendiri.

Mengenai task force, tidak payah kita sebutkan task force, sebab rombongan ini, melainkan pihak swasta ada pegawai-pegawai dan ada banyak pejabat atau Jabatan pun diwakilkan dalam rombongan ini.

Satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun dan juga Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda ialah berkenaan dengan perindustrian-perindustrian yang kurang ditempatkan di negeri-negeri yang kurang maju. Saya boleh katakan di sini memang sudah jadi dasar Kerajaan dan dasar Kementerian saya ini menyelarakan perindustrian ini kepada tempat-tempat atau negeri-negeri yang kurang maju yang mana, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kalau ada orang-orang yang hendak pergi ke tempat-tempat itu, ada galakan seperti galakan tempat kedudukan (locational incentive) yang mana mereka dielakkan membayar income tax sehingga barangkali 2-3 tahun. Dasar inipun telah dijalankan dengan berkesan. Kalau kita memandang kepada angka-angka yang saya ada di sini seperti dalam bulan Januari hingga Oktober tahun ini, di antara 287 projek yang diluluskan oleh Kementerian saya ini, 162 ditempatkan di negeri-negeri yang maju. Kalau kita banding ini dengan masa yang lampau barangkali semua ada seperti di Shah Alam, Selangor. Sungguhpun itu kawasan saya kalau boleh banyak industri diadakan sana, lebih baiklah, tetapi kita sekarang

telah menyelarakan industri ini kepada lain-lain tempat dan sekarang ini, seperti saya katakan tadi, berkesan.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada mengatakan cuma 1.5% daripada projek-projek ini ditempatkan di Trengganu. Saya nampak daripada angka ini pada tahun ini, Januari hingga Oktober, daripada 162 industries di tempat yang kurang maju, 8 buah adalah di Trengganu iaitu lebih kurang 5% bukan 1.5% dan di Kedah ada 16. Satu langkah yang mana kita menggalakkan pelabur-pelabur menempatkan projek-projek mereka di tempat yang kurang maju, kita ada kawasan-kawasan yang dikatakan kawasan perindustrian yang mana, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kalau satu projek ditubuhkan pelabur-pelabur itu mesti memandangkan kemudahan-kemudahan asas (infrastructure). Jadi untuk menyenangkan pelabur-pelabur ini menempatkan projek itu di kawasan yang kurang maju, kita sudah mewujudkan kawasan perindustrian seperti di Kedah.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda ada bertanya berkenaan negeri Kedah. Dalam negeri Kedah sahaja, kita ada 5 kawasan yang dikenali sebagai kawasan perindustrian, iaitu:

Tikam Batu	...	...	100 ekar
Bakar Arang	...	...	550 ekar
Kuala Kedah	...	...	47 ekar
Merbung	...	...	150 ekar
Kulim	...	...	503 ekar

Jadi ini ialah satu langkah yang mana kita boleh menggalakkan banyak projek-projek itu dipindah ke tempat-tempat kurang maju. Dengan ini kita boleh mencapai matlamat yang mana negeri-negeri yang kurang maju itu dapat hasil daripada menempatkan projek-projek itu.

Satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun berkenaan dengan penyelidikan, kita mesti menggunakan sumber asli, inipun satu dasar yang kita telah menjalankan beberapa tahun yang mana kita menggalakkan penubuhan projek-projek perindustrian yang menggunakan bahan-bahan mentah seperti getah, kita menggalakkan rubber-based industries, projek-projek yang menggunakan kayu-kayan, dan ini ialah satu dasar yang boleh dikatakan telah diikhtiarkan dengan memuaskan.

Lagi satu perkara iaitu Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah bertanya, dahulu kita gunakan perkataan "perusahaan" dan sekarang sudah ditukar kepada "perindustrian"—Lembaga Kemajuan Perindustrian dan sangat tepat Ahli Yang Berhormat itu kata ini ialah kita mengakui peranan yang dimainkan oleh Perindustrian dalam pertumbuhan ekonomi negara kita ini. Matlamat kita ini ialah pada tahun 1990 sektor perindustrian ini akan mensusmberkan 29% daripada Pengeluaran Kasar Negara (Gross Domestic Product), dengan ini aktiviti-aktiviti untuk menggalakkan projek-projek perindustrian ini ialah penting dan kita fikir menggunakan perkataan "perindustrian" lebih sesuai daripada perkataan "perusahaan".

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda ada mengatakan sekarang ini kita ada satu Persidangan Menteri-menteri Ekonomi Negara-negara ASEAN yang mana kita telahpun bincang beberapa langkah yang mana negara-negara ASEAN boleh menjalankan industri yang dikatakan ASEAN Industrial Project yang mana kita bukan sahaja menunjukkan perpaduan di antara negara-negara ASEAN dan kita juga menggunakan sumber-sumber, hasil-hasil daripada barang mentah seperti Malaysia dan Indonesia kita gunakan gas yang kita ada untuk membuat projek urea dan kita harap dalam Persidangan Menteri-menteri ini, baru pagi tadi kita telah bincang perkara ini. Saya baru sahaja dapat pesanan telefon daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Ketua Rombongan menyuruh saya pergi ke sana jikalau boleh dan kita akan meluluskan dua projek, iaitu projek urea di Malaysia dan projek urea di Indonesia dan ada lagi projek soda ash di negeri Thai yang mana dia gunakan rock phosphate yang ada dan juga di Filipina ada projek-projek lain. Ini adalah satu langkah yang mana kita bukan sahaja mengembangkan perindustrian di Malaysia kita ini tetapi kita juga mengembangkan perindustrian di semua negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah jawab apa yang telah dibangkitkan dan lagi sekali sukalah saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.06 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Rang Undang-undang bagi meminda seksyen 151 dan seksyen 320, Akta Kanun Negara, Tanah Negara No. 56 tahun 1965 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan seksyen 151 (1) Kanun Tanah Negara, 1965 hanya bangunan-bangunan berbilang tingkat yang dibina di atas tanah Hakmilik daftar (Registry title) sahaja yang dibolehkan untuk dipecah sempadan (sub-divide). Untuk tujuan rojokan seksyen 151 (1) Kanun Tanah Negara, 1965 itu saya bacakan:

“151 (1) The proprietor of any alienated land held as one lot under Registry title may, with the approval under this Chapter of the State Commissioner, sub-divide into parcels, each to be held by him under a separate subsidiary title . . . .”

Peruntukan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak membolehkan bangunan berbilang tingkat yang dibina di atas Hakmilik Pejabat Tanah (Land Office Title) dipecah sempadan. Di dalam keadaan yang terdapat sekarang banyak tanah-tanah dalam bandar-bandar besar di negeri kita ini yang dimiliki dengan surat hakmilik Pejabat Tanah. Tanah-tanah

tersebut mempunyai potensi bagi tapak-tapak untuk bangunan berbilang tingkat; misalnya, rumah-rumah pangsa (apartment) dan lain-lain yang boleh dijual kepada penghuni-penghuni. Misalnya banyak juga bangunan-bangunan berbilang tingkat yang telah sedia ada sekarang ini dibina di atas tanah-tanah Hakmilik Pejabat Tanah yang ada dalam mukim-mukim. Memandangkan keadaan tersebut adalah wajar seksyen 151 (1) Kanun Tanah Negara, 1965 itu dipinda bagi membolehkan bangunan-bangunan berbilang tingkat yang dibina di atas tanah-tanah Hakmilik Pejabat Tanah dipecah sempadan dan dikeluarkan title.

Untuk tujuan membolehkan bangunan berbilang tingkat yang dibina di atas tanah Hakmilik Pejabat Tanah dipecah sempadan maka seksyen 151 Kanun Tanah Negara adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “Registry title” dalam baris kedua seksyen-kecil (1) perkataan-perkataan “or Land Office title”. Seterusnya, Borang 10o dalam Jadual Pertama Kanun Tanah Negara adalah juga dipinda dengan memotong perkataan “State” dalam baris ketiga dalam Jadual dalam Borang itu.

Berkaitan dengan pindaan kepada seksyen 151, Kanun Tanah Negara seperti yang dinyatakan tadi, maka adalah perlu juga dipinda takrif “Registrar” supaya memberi kuasa Pemungut Hasil Tanah peranan Pendaftar dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara berhubung dengan hakmilik “subsidiary title” bagi petak-petak dalam bangunan-bangunan berbilang tingkat yang telah dipecah sempadan. Untuk maksud ini takrif “Registrar” dalam seksyen 5, Kanun Tanah Negara dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “subsidiary title” dalam baris ketiga baris (a) perkataan-perkataan “dependent on a Registry title” dan memotong perkataan-perkataan “or” dalam baris kedua perenggan (b); dan seterusnya memasukkan selepas sahaja perkataan “thereto” dalam baris ketiga perenggan (b) perkataan-perkataan “or under subsidiary title dependent on a Land Office title”.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 4* dalam Rang Undang-undang itu meminda seksyen 320 Akta Kanun Tanah Negara. Jemaah Hakim

Privy Council dalam kes Registrar of Titles, Johore Bahru vs Temenggong Securities Ltd. and Another (Privy Council Appeal No. 38/1975) telah membuat keputusan bahawa hutang cukai pendapatan yang belum menjadi "judgment debt" tidak termasuk di dalam maksud perkataan "interest" di bawah seksyen 320 (1) (b) Kanun Tanah Negara, 1965. Berkaitan dengan keputusan tersebut maka Pendaftar Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah tidak mempunyai kuasa di bawah seksyen 320 Kanun Tanah Negara itu bagi memasukkan "Caveat" ke atas harta-harta tanah kepunyaan si piutang tersebut bagi menentukan supaya hutang cukai pendapatannya itu dapat dituntut dan dibayar jelas kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Privy Council itu juga telah memberi kesan yang tidak baik kepada Kerajaan kita, yang merosak Kerajaan kita. Ia melemahkan kedudukan Jabatan Hasil Dalam Negeri dalam usahanya untuk menuntut hutang cukai pendapatan yang tidak dijelaskan itu. Di dalam kes yang saya sebut tadi, sebelum pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri mendapat keputusan Mahkamah terhadap hutang cukai pendapatan (income tax) yang ditanggung oleh Temenggong Securities Ltd. & Another itu, semua harta-harta tanah Syarikat tersebut tidak boleh, di bawah Undang-undang Tanah dikenakan "Caveat" atau disekat atau dibeku. Apa yang berlaku sebelum mahkamah membuat keputusannya ialah pihak Syarikat tersebut telah menjualkan semua tanah-tanah kepunyaannya. Oleh itu, pihak Kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa terhadap Syarikat tersebut oleh kerana pihak Syarikat itu tidak mempunyai apa-apa harta tanah lagi, sudah habis dijual, yang boleh dipegang oleh Kerajaan sebagai jaminan terhadap penyelesaian hutang cukai pendapatan itu. Dalam kes ini Kerajaan telah rugi sebanyak lebih kurang \$7 juta. Kerajaan telah juga mengalami kerugian yang besar di dalam beberapa kes yang lain, antaranya ialah Mosbert Sdn. Bhd. dan International Investment Co. Ltd. berjuta ringgit.

Cukai pendapatan adalah satu-satunya unsur kewangan negara bagi membiayai program-program pembangunan negara. Jika hutang cukai pendapatan (income tax) yang tidak dijelaskan itu tidak dapat dituntut daripada harta-harta tanah si piutang, ini bermakna pihak Kerajaan akan mengalami masalah besar dari segi kewangan

untuk program dan projek-projek negara. Apatah lagi kalau syarikat itu bukan syarikat dalam negeri—syarikat luar negeri senang sahaja dia menjual harta, mengangkut wang itu keluar. Apa kita hendak buat!

Pembayar-pembayar cukai yang tinggal di luar negeri dan mempunyai ladang-ladang besar di negara kita ini dan juga lombong-lombong bijih di negara ini, pada hal dia duduk di luar negeri juga, boleh melarikan diri tanpa membayar cukai pendapatan dengan menjualkan segala harta-benda dan tanah-tanah kepunyaan syarikat-syarikat itu dan syarikat dia sendiri. Jika ini berlaku, negara kita akan mengalami kerugian dan juga kesulitan yang besar dari segi kewangan. Oleh itu, adalah wajar pada pendapat Kementerian saya dan Kerajaan perkara ini disekat daripada berlaku. Ia boleh dilakukan dengan memasukkan satu perenggan baru (ba) selepas sahaja perenggan (b) seksyen-kecil (1) di dalam Seksyen 320 Kanun Tanah Negara seperti berikut bunyinya:

"(ba) for securing that the land will be available to satisfy the whole or part of any debt due to the Federation or the State Authority, whether such debt is secured or unsecured and whether or not judgement thereon has been obtained; or

Peruntukan tambahan ini akan membolehkan Pendaftar Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah, mengikut mana yang berkenaan, memasukkan caveat Pendaftar berkenaan dengan mana-mana tanah apabila juga didapatinya perlu atau mustahak untuk menjamin tanah itu dapat digunakan bagi menyelesaikan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan atau pihak Berkuasa Negeri. Saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini berasa gembira hendak menyokong pindaan yang disebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.08 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Speaker, saya bertujuan untuk menyampaikan pandangan saya terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Dalam hubungan ini saya sangat tertarik dengan pindaan kepada seksyen 151 Kanun Tanah Negara, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa tujuan meminda Seksyen 151 ini ialah untuk membolehkan bangunan-bangunan di atas tanah yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Tanah juga dipecah-bahagi.

Tuan Speaker, saya anggap bahawa pindaan ini ialah satu pindaan yang amat sesuai dan wajar dan dengan adanya pindaan ini, saya berharap bahawa bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat, misalnya, kompleks belibelah yang bertingkat-tingkat di dalam kawasan saya Kuala Lumpur yang di bawah hakmilik Pejabat Tanah, bangunan-bangunan ini akan mendapat hakmilik yang dipecah-bahagi (sub-divided title).

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ada suatu perkara lagi, iaitu saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan "akan" menentukan bahawa dengan adanya pindaan yang akan diluluskan dan dikuatkuasakan kelak, saya harap Menteri itu akan dapat menentukan bahawa setiap pejabat tanah akan dilengkapi dengan kakitangan yang cukup untuk menguruskan segala perkara yang mengenai belah-bahagi lot-lot bangunan itu. Yang lebih mustahak ialah bagi tiap-tiap pejabat tanah memastikan bahawa permohonan hakmilik dia belah-bahagi dapat disegerakan dan diluluskan dengan secepatnya. Pada pendapat saya, ini adalah sangat perlu memandangkan kepada aduan-aduan yang selalu disampaikan kepada saya, aduan-aduan yang sentiasa timbul terhadap pejabat-pejabat tanah yang mengambil masa yang terlampau panjang dan memerlukan beberapa tahun sungguhpun pelan-pelan telahpun dihantarkan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan dan sungguhpun lain-lain syarat telah dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini telah timbul pada masa lampau dan masih berlaku hingga sekarang ini dan ini mungkin disebabkan kurang cekap jentera pentadbiran pejabat-pejabat tanah ataupun disebabkan oleh kekurangan kakitangan ataupun disebabkan oleh masalah teknikal yang lain, tetapi walau bagaimanapun memandangkan kepada masalah ini saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan akan mengambil tindakan untuk memperbetulkan keadaan yang wujud sekarang di pejabat tanah dengan tujuan mengatasi segala masalah yang timbul khasnya memandangkan kepada Rang Undang-undang ini yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

4.24 ptg.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Tanah yang telahpun mengemukakan suatu Rang Undang-undang yang memang ditunggu-tunggu. Apa yang menarik perhatian saya bukannya Rang Undang-undang ini tetapi yang lebih menarik perhatian saya ialah cara Yang Berhormat Menteri Undang-undang membentangkan Rang Undang-undang ini.

Apabila saya membaca Fasal 4 dan membaca pula bersabit dengan huraian berkenaan dengan Fasal 4, saya kurang begitu faham sebab-sebab mengapa Fasal 4 ini diperlukan, kerana Fasal 4 mengikut huraian iaitu paragraf 3 mengatakan seperti berikut:

"3. Tujuan meminda seksyen 320 ialah untuk membolehkan Pendaftar Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah, mengikut mana yang berkenaan, memasukkan caveat Pendaftar berkenaan dengan mana-mana tanah apabila jua didapatinya perlu atau mustahak untuk menjamin supaya tanah itu dapat digunakan bagi menyelesaikan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Persekutuan atau Pihak-berkuasa Negeri."

Kalau setakat itu sahaja, saya masih tak memahami mengapa Fasal 4 itu perlu di dalam Rang Undang-undang ini. Tetapi setelah mendengar penjelasan daripada Yang

Berhormat Menteri yang berkenaan, maka terang dan jelaslah sebab-sebab mengapa Fasal 4 diperlukan. Kalaulah begini amalan dapat dilakukan oleh para Menteri kita di masa-masa akan datang maka kita di sebelah sini semakin senang membuat kerja dan membuat homework sebelum datang ke Dewan ini. Dan saya sesungguhnya dengan secara ikhlas dan jujur suka mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dengan cara Yang Berhormat Menteri membentangkan Rang Undang-undang ini oleh kerana Rang Undang-undang ini begitu jelas dan begitu terang seperti mana yang telah dibentangkan oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu membuat apa-apa komen, cuma setakat menyokong dengan sepenuhnya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Putih):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong Rang Undang-undang ini, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada wakil dari Kuala Lumpur Bandar kerana telah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Inilah satu cara yang paling baik bagi mengamanakan suasana Dewan ini kerana tidaklah kita perlu membangkang oleh kerana kita pembangkang. Saya mengucapkan syabas kepada Wakil Kuala Lumpur Bandar dan begitulah hendaknya kepada Rang Undang-undang yang lain.

Bagi menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1978 biarlah saya menyentuh tentang mengapa perlunya peruntukan ini dipinda dan apakah pindaan ini boleh memberi kemudahan atau faedah kepada golongan tertentu. Menyentuh pindaan kepada Seksyen 151 Kanun Tanah Negara adalah patut dan wajar sekali pindaan ini dilakukan untuk membolehkan semua tanah yang didirikan rumah pangsa untuk dipecah-bahagikan (sub-division) tanpa mengirakan tanah itu mempunyai geran di bawah hak milik Pejabat Pendaftaran (Registry title) atau hakmilik Pejabat Tanah (Land Office Title).

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini adalah membolehkan rumah-rumah pangsa yang bertingkat-tingkat itu didirikan di atas tanah Land Office title ini dan pecah-bahagiannya supaya dapat pihak Pejabat Tanah

mengeluarkan subsidiary titlenya yang kebanyakan tanah dalam bandar yang mempunyai keluasan yang sempit ataupun mungkin tanah itu di pinggir-pinggir bandar atau banyak tanah-tanah di luar bandar yang mempunyai geran mukim tetapi oleh kerana keadaan pembangunan sekarang di luar bandar juga kadang-kadang perlu kita mendirikan rumah-rumah pangsa, kerana tanah yang tidak bertambah tetapi penduduknya bertambah ramai. Perubahan ini adalah wajar sekali bagi membolehkan pihak pemaaju perumahan atau pihak-pihak yang ingin membuat rumah untuk rakyat dapat membuat rumah pangsa itu di bandar-bandar kecil ataupun di luar bandar.

Walaupun begitu saya suka juga menyentuh bangunan-bangunan bertingkat di atas tanah Land Office title ini mungkinlah sebelumnya tidak dimasukkan kerana pihak berkenaan tidak terfikir yang rumah-rumah pangsa itu akan dibina di atas tanah hakmilik Pejabat Tanah yang kebanyakannya, tanah-tanah itu seperti saya katakan tadi iaitu di luar bandar atau tanah di bandar-bandar kecil. Oleh kerana sekarang mendirikan rumah pangsa ini telah merebak ke luar bandar, jadi sudah sampailah masanya untuk melakukan perubahan ini.

Yang kedua bagi mendaftarkan tanah untuk dipecah-bahagikan (sub-division) ini tidaklah pihak orang ramai akan tertumpu ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian di pusat-pusat negeri sahaja, tetapi mereka boleh mendaftarkan sub-division terhadap tanah-tanah itu di Pejabat Daerah di mana daerah-daerah yang tanah itu terletak. Dengan pembangunan yang pesat ini dan juga dengan keperluan perumahan untuk rakyat maka sekarang ini telahpun ada rumah-rumah pangsa sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi telahpun didirikan di atas tanah Land Office title ini. Ini bermakna mereka telah melanggar peraturan ini, melaksanakan dahulu barulah undang-undang ini tiba. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak menyusahkan rakyat bahkan memberi kebaikan kepada kita sebab itulah sekarang ini Kerajaan memikirkan perlu peruntukan ini dipinda agar rumah-rumah itu dapat didirikan di mana-mana sahaja tanpa mengira jenis title tanah tersebut.

Pindaan dalam seksyen 5 yang memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah sebagai peranan Pendaftar Tanah bagi melaksanakan peruntukan dalam Kanun

Tanah Negara ini yang membolehkan mereka mengeluarkan subsidiary title bagi bangunan yang bertingkat-tingkat ini juga akan memberi kemudahan kepada mereka yang ada minat dalam mendirikan rumah pangsa ini. Apa yang penting cara ini adalah akan mempercepatkan lagi pelaksanaan dan proses pendaftaran tanah bagi mengeluarkan subsidiary title ataupun strata title.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan pembinaan rumah pangsa ini saya meminta pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah menentukan bahawa semua pemaju-pemaju perumahan (developers) itu akan mendapatkan dahulu strata titlenya bagi memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah pangsa itu supaya mereka tidak tertipu, kerana sebagaimana yang kita maklum selalunya pihak developers ini enggan meminta dikeluarkan strata title itu dan enggan pula memberi strata title itu kepada pemilik-pemilik rumah pangsa itu oleh sebab mereka mempunyai keperluan untuk menagah tapak tanah itu untuk mendapat pinjaman daripada bank-bank atau daripada badan-badan kewangan. Ini bermakna tanah dan rumah pangsa itu bukan kepunyaan pembeli itu tetapi masih lagi kepunyaan orang lain, mungkin juga kepunyaan bank-bank. Selain daripada itu dengan adanya strata title ini maka semua pembeli rumah pangsa yang tersebut itu akan mendapat hak ataupun jaminan ataupun harta yang dimilikinya, kerana walaupun bangunan yang bertingkat-tingkat itu telah dimusnahkan oleh api, banjir atau malapetaka, pemilik-pemilik rumah itu masih lagi mempunyai hak di atas tanah itu dengan adanya strata title yang masih lagi ada namanya dan mereka akan mempunyai hak-hak yang sama di dalam memiliki tanah tapak rumah pangsa itu walaupun bangunan itu termusnah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh setengah-setengah daripada Pejabat Tanah, ini mungkin menjadi satu sungutan juga bagi Pengarah Tanah tentang lambat untuk mendaftarkan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Oleh kerana dia sokong kita maka saya menyokongnya. Kerana mendaftarkan tanah-tanah ini bagi sub-division terlampau lambat untuk mengeluarkan pendaftarannya, kadang-kadang sampai setahun lebih, bukan sahaja untuk mengeluarkan strata title tetapi Qualified Title (QT) pun lambat dalam pecah-bahagian (sub-division) ini, walaupun

tanah-tanah itu telahpun dilakukan ukuran oleh pihak Jurukur bersendirian (private surveyor) cuma untuk mendaftarkannya sahaja. Banyak kelewatan berlaku di Pejabat-pejabat Tanah. Kadang-kadang perkara ini tidak disedari oleh pihak-pihak yang berkuasa peringkat Persekutuan dan menyebabkan projek yang akan dijalankan segera tidak dapat dijalankan. Begitu juga kadang-kadang kalau di Kelantan projek yang hendak dijalankan ke atas satu tanah atau satu kawasan itu, di dalam proses untuk sub-division ini belum lagi selesai tiba-tiba tanah itu termasuk di dalam Rancangan Penyelenggaraan Tanah yang menyebabkan langsung tidak dapat dikeluarkan QT atau tidak dapat dilakukan pembangunan. Ini menyusahkan pihak orang yang ingin memajukan tanah bagi membuat bangunan atau untuk membuat apa-apa projek.

Menyentuh pindaan dalam Fasal 4, iaitu seksyen 320 Kanun Tanah Negara untuk menambah perenggan baru, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak yang berkenaan, mungkin oleh kerana saya tidak faham atau saya tidak baca habis dalam Kanun Tanah Negara ini berkenaan dengan perlunya pindaan ini dilakukan kerana dalam seksyen yang sama dalam Fasal 3 (b) (i) telah menyebutkan Registrar's caveat ini boleh dimasukkan.

Mengikut seksyen 320 (1) (b) (i) (*Dengan izin*):

“320 (1) . . . . ., a Registrar's caveat may be entered . . . . .—

(a) x x x x x

(b) for protecting the interests of—

(i) the Federation or the State Authority, . . . . .”

Jadi dalam ini sudahpun ada menyebutkan yang Registrar's caveat ini boleh dimasukkan di mana-mana jika sekiranya Kerajaan Persekutuan mempunyai interest atau mempunyai apa-apa kepentingan di atas tanah tersebut. Itulah saya ingin mendapat penjelasan sama ada pindaan ini boleh menjamin lebih tegas lagi ataupun dengan peruntukan seksyen 3 (b) (i) ini saya rasa sudahpun boleh menjamin yang Pendaftar boleh memasukkan Registrar's caveat-nya. Walau bagaimanapun, saya hanya ingin mendapat penjelasan sahaja dan saya juga menyokong pindaan ini sekiranya apa yang ada itu belum lagi kemas.

Memanglah dasar dalam satu undang-undang itu kita tahu bahawa terdapat beberapa kelemahan yang patut dipinda daripada semasa ke semasa. Begitu jugalah di dalam Kanun Tanah Negara ini yang terdapat beberapa peruntukan yang lemah yang boleh dipersoalkan dan juga perlu mendapat pindaan. Sebagai contoh dalam Seksyen 305 (e) Kanun Tanah Negara iaitu untuk mengemalikan grant ataupun document of title selepas dijalankan pendaftaran tanah di Pejabat Tanah yang mesti dikembalikan kepada siapa yang menyerahkan grant tersebut ke Pejabat Tanah. Di dalam kes tebusgadai ataupun discharge seksyen 305 (e) patut dikecualikan daripada menerima kembali grant yang ditebusgadai itu, kepada mana-mana pihak seperti bank ataupun pemegang-gadai (chargee) yang tidak lagi ada kepentingan di atas tanah tersebut apabila segala hutangnya telah selesai, dan pemegang-gadai tidak lagi boleh menebus atau menandatangani Borang 16N bagi membolehkan tebusgadai itu dilakukan selagi hutang atau sebarang kepentingan pihak bank ataupun chargee itu belum diselesaikan. Jadi, walaupun seksyen ini kecil tetapi menjadi besar apabila perkara ini berbangkit bilamana pihak chargee meminta balik grant yang telah diserahkan kepada Pejabat Pendaftaran Tanah untuk didaftarkan tebusgadai ini dan diminta balik melalui Peguamnya. Tetapi grant itu telah diberikan kepada tuanpunya tanah yang namanya tidak dapat disangkal lagi iaitu masih di atas grant itu. Jadi, implikasi daripada inilah untuk memberi balik grant kepada pihak yang memegang-gadai ini yang telah selesai segala kepentingannya maka mereka menyerahkan grant itu. Oleh kerana mereka menyerahkan grant itu ke Pejabat Tanah maka mereka terpaksa menerima balik grant itu tetapi sepatutnya mengikut nama di atas grant itu dan mereka tidak ada kepentingan lagi patutlah grant itu diserahkan balik kepada tuan tanah. Mungkin akan berlaku iaitu pihak chargee atau pemegang-gadai tidak jujur boleh mempergunakan grant tersebut bagi urusan lain misalnya, untuk membuat cagaran bagi membuat pinjaman kepada "chetti". Oleh itu dalam kes-kes tebusgadai ini saya mintalah supaya document of title ini hendaklah diperuntukkan kepada cara yang tersebut di dalam KTN (Kanun Tanah Negara) ini dalam Seksyen 90 supaya diberi kepada mereka yang mempunyai nama dalam grant itu, tidak

mengikut kepada Seksyen 305 (e). Apa yang saya sebutkan ini adalah menyentuh Akta ibu atau Akta Kanun Tanah Negara sebagai satu misalannya sahaja kerana di sini bukan bermaksud untuk membicarakan soal tanah ini keseluruhannya. Jadi, saya memanglah bersetuju dengan pindaan-pindaan ini dan dengan itu saya menyokong pindaan tersebut.

4.45 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong pindaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan saya yakin dengan penjelasan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi jelas bahawa pindaan ini membawa keuntungan dan hasil kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bukan sahaja Rang Undang-undang ini yang patut dipinda oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, saya mengesyorkan supaya semua undang-undang tanah patut dipinda walaupun kita tahu tanah ini di bawah kuasa Negeri. Yang Berhormat Menteri kita ialah sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tetapi sebagai Menteri yang penuh dengan pengalaman, saya yakin beliau boleh menyelaraskan di antara negeri-negeri yang ada dalam Malaysia pada hari ini, apatah lagi Yang Berhormat Menteri kita ini sebagai seorang bekas Peguam Negara dan Undang-undang, pakar undang-undang dan juga sebelum daripada itu biasa menjadi Penasihat Undang-undang. Beliau ini sendiri tahu sangat selok-belok yang dihadapi oleh negeri berkenaan dengan tanah, khasnya kalau tidak silap saya di Kedah dan Perlis, beliau tahu masalah tanah adalah satu masalah yang dihadapi oleh rakyat di segenap segi dan di segenap lapisan seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan rumah pangsa. Saya menarik perhatian Menteri iaitu selalu berlaku apabila Kerajaan mengambil tanah, maka pembayarannya boleh dikatakan tidak beres. Jadi, saya percaya Yang Berhormat Menteri ini banyak pengalaman saya harap sangat beliau mengambil daya utama sungguh-sungguh iaitu pinda Kanun Tanah Negara yang pada pendapat saya sungguh-sungguh tidak sesuai, Tuan Yang di-Pertua. Mengapa saya katakan begitu? Kalau di masa yang lampau tanah dikira dengan relong ataupun

ekar; hari ini kerap kali orang jual tanah, khususnya di bandar, bukan sahaja di pekan Kuala Lumpur bahkan di pekan kecil dia pakai kaki. Jadi, kalaulah undang-undang yang 100 tahun dahulu dipakai berkenaan dengan tanah tidak sesuai lagi hari ini, saya tidak tahulah. Saya merayulah kepala Yang Berhormat Menteri yang berkenaan walaupun bidang ini bukan kuasa penuh beliau tetapi sebagai Menteri yang penuh pengalaman yang tahu segala-galanya, tolonglah ikhtiar mencari jalan untuk mengatasi apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Pertua, sebagaimana saya katakan tadi tidak sesuai, pertama pengambilan tanah yang diambil oleh Kerajaan untuk membuat projek sampai berbulan-bulan, sampai bertahun-tahun kadang-kadang tidak selesai untuk diberi harga tanah yang diambil itu dan kadang-kadang Pejabat Tanah yang mengambil tanah orang-orang yang tidak terkenal kadang-kadang harganya tidak setimpal dengan harga pasaran dan kadang-kadang berbeza di antara satu orang dengan satu orang. Katalah, seorang itu terkenal dengan dengan pihak di atas harga tanahnya berlainan daripada seorang kampung yang tidak begitu terkenal. Ini sentiasa berlaku dalam hal tanah. Saya harap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tolonglah ambil perhatian seperti mana yang saya katakan tadi.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengambil tanah dengan dipecahkan dibuat lot-lot. Pecahan tanah saya berpendapat patut diberi grant. Hari ini grant kita tidak boleh dipecah. Katakanlah satu grant itu ada 10 relong atau 10 ekar kadang-kadang yang sedehnya ada 3 ekar satu keping tanah dipunyai oleh adik-beradik misalnya 10 orang dibubuh nama di atas grant itu yang tidak dipecahkan. Kalau tanah itu 3 ekar sepatutnya dipecah-pecahkan jadi satu ekar seorang kalau mereka tiga beradik. Jadi walaupun payah kita hendak buat grant tetapi lebih payah lagi kalau orang yang memiliki grant yang namanya sampai kata orang tidak ada di utara atau selatan. Ini biasa berlaku di tempat saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua kelmarin biasa tanya saya adakah cerita saya ini cerita dongeng, saya tidak cerita dongeng, ini cerita benar. Oleh sebab tidak dinyatakan atau ditulis dalam grant itu

utara untuk si Ahmad ataupun di selatan untuk si Minah misalnya, dua beradik di tulis dua pertiga untuk si Ahmad tetapi dia tidak tulis utara atau selatan tanah. Ini terjadi kepada dua orang hamba Allah dua beradik. Si abang jual tanah. Dalam geran dia tulis dua pertiga, tetapi dia tidak tulis utara atau selatan. Selepas sampai dua keturunan bila keluarga si pembeli siasat rupanya dia kena kecek. Sebenarnya, tanah dia di sebelah lain bukan sebelah yang dia beli ataupun sebenarnya dia dapat satu pertiga daripada bahagian tanah itu bukan satu perdua tetapi dia faham kerana dia selalu usaha satu perdua, maka nama dia ditulis satu perdua, tetapi percakapannya lain, dalam geran ditulisnya lain.

Dengan sebab itu, saya berharap negara Thai yang berjiran dengan negara kita Malaysia ia banyak tanah, kalau sebidang tanah itu, kita kata, ada dimiliki oleh 10 orang atas satu geran, dibuatnya 10 geran, mereka tidak tulis atas nama si Minah si Ahmad, si Jusoh atas satu geran; dia pecahkan. Jadi saya fikir kerana kertas ini walaupun mahal tetapi tidaklah semahal itu untuk membereskan di segi menolong kepada rakyat seperti yang dibentangkan oleh Menteri tadi, untuk menolong rakyat, untuk mencari hasil yang banyak kepada pihak Kerajaan.

Di samping itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini, sekali lagi saya berharap kepada Menteri yang saya kenal sejak dari kecil, walaupun masa itu saya masih budak-budak, dia biasa menjadi Penasihat Undang-undang, juga sebagai bekas Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang saya yakin tahu segala hal selok-belok tanah kerana Menteri ini mendampingi dengan rakyat. Saya haraplah dia berikhtiar walaupun bukan Menteri yang bertanggungjawab penuh berkenaan tanah kerana tanah adalah di bawah jagaan negeri sama ada Wilayah Persekutuan ataupun Negeri. Saya harap Yang Berhormat Menteri ini menjadi Menteri penyelarasan dan Menteri kemajuan bersama untuk menyelesaikan apa yang saya sebutkan tadi, moga-moga bersesuaian dengan keadaan zaman.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pant.**

4.51 ptg.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian sedikit membahaskan pindaan kepada Kanun Tanah Negara ini.

Sebagaimana sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang dengan kesedarannya telah dapat meminda undang-undang ataupun Kanun Tanah Negara ini yang mana sepatutnya pindaan ini telah lama dibuat. Tetapi tidaklah maknanya pindaan ini dibuat sekarang terlambat dan saya mengucapkan terima kasih, kerana sebagai seorang yang pernah memegang jawatan penting sebagai Menteri Undang-undang, beliau tahu muslihat-muslihat yang boleh merugikan negara dan yang boleh menguntungkan negara, lebih-lebih lagi kalau kita bercakap soal tanah walaupun tanah ini dikuasai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi diawasi di bawah kelolaan Kanun Tanah Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hanya memerhatikan di segi Pindaan yang sedikit ini barangkali tidak berapa jelas kepada kita, tetapi dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi di atas tujuan-tujuan Pindaan ini dibuat, maka jelaslah kepada kita lebih-lebih lagi dengan beberapa contoh yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri yang telah menimpa dan menanggung kerugian kepada negeri-negeri seperti barangkali di Johor banyak masalah-masalah yang sumpama ini berlaku. Terutama sekali saya tidaklah hendak menyentuh kesemua pindaan ini, tetapi yang menarik minat saya ialah berkenaan dengan Fasal (4) yang meminda Seksyen 320 untuk membolehkan Pendaftar ataupun PHT (Pemungut Hasil Tanah) mengetahui dan memasukkan caveat Pendaftar berkenaan.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tahu di satu segi kita menggalakkan pelabur-pelabur asing untuk datang melaburkan wangnya ke negara kita ini sama ada merupakan perusahaan, pertanian dan sebagainya. Tetapi daripada satu segi yang lain yang kita alami selama ini yang saya maksudkan pelabur-pelabur yang sudah lama terutama sekali peninggalan zaman penjajah dahulu, yang mana kadang-kadang pihak estet-estet

yang besar-besarnya sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang dipunyai oleh pemilik-pemilik luar negeri, mereka dengan secara bermaharajalela, dengan secara sesuka hatinya, umpamanya dia duduk di London menghantar telex untuk telepon kawannya di Australia atau di Amerika untuk menjualkan estetnya dan sebagainya, dan tidak melalui Pemungut Hasil Tanah, dan Pemungut Hasil Tanah kemudian baru tahu.

Di bidang ini, sebagai satu contoh, saya memuji pentadbiran yang begitu cekap yang telah dijalankan oleh Kerajaan Johor yang mana ada satu company bernama Cooling Group yang ingin menjualkan tanahnya yang beribu-ribu ekar kepada company lain tetapi dengan sebab kecekapan pentadbiran Kerajaan Negeri dapat mencium bau ini, dapat tahu yang Company ini akan menjual kepada company yang lain. Pihak Kerajaan Negeri dengan serta-merta melalui SEDC minta company ini dan bertanya kepada company ini sama ada betul hendak jual tanah atau tidak. Jadi akhirnya dapatlah pihak Kerajaan Negeri melalui SEDC membeli tanah ini. Kalau Kerajaan-kerajaan Negeri terlambat atau tidak tahu, sudah tentu tanah-tanah kita ini akan jadi permainan pemodal-pemodal daripada luar menjual sesuka hatinya dan kita tidak mendapat sebarang faedah dan keuntungan.

Saya percaya melalui pindaan-pindaan ini pihak Kerajaan-kerajaan Negeri, saya mencadangkan supaya mulai dari sekarang akan dapat mengawasi estet-estet yang luas-luas, kepada tanah-tanah sama ada apa juga jenis bentuk tanamannya sentiasa memerhati dan mengawasi, dan kalau terdapat ada di antara mereka ini untuk menjualkan tanahnya itu, maka hendaklah perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDCs) dengan lekas menghubungi company ini dan dapat dibeli, dipulangkan semula kepada Kerajaan Negeri.

Dengan cara ini barangkali secara tidak langsung, kita akan dapat balik hak kita yang telah didapati faedah begitu lama oleh orang-orang asing, secara tidak langsung dapat pulang balik semula kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas pindaan-pindaan yang dibuat itu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang dengan hormatnya saya jemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjawab.

4.57 ptg.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan juga menyokong usul yang saya bawakan mengenai pindaan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara ini.

Pada pendapat saya, kebanyakan pandangan-pandangan dan teguran-teguran mereka itu adalah membina dan tiada pula dalam teguran-teguran itu yang menentang usul yang saya bawa ini. Semuanya boleh dikatakan menyokong dan juga mengalu-alukan serta dengan ada teguran-teguran tadi untuk penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat menyebut memanglah pindaan undang-undang ini telah dibuat, patut juga perkara-perkara lain dibuat pindaan-pindaan atas satu dua perkara yang dibawa tadi. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kementerian Tanah mengadakan mesyuarat dan perjumpaan, kalau saya tidak salah, setahun dua kali di antara Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tanah seluruh negeri di Semenanjung ini di mana segala masalah tanah yang berbangkit di tiap-tiap negeri, kita bincangkan dan bila ada satu perkara yang difikirkan mustahak dan menghalang kemajuan tanah, maka cadangan-cadangan itu akan dibincangkan dan diambil satu keputusan dan dibawa kepada saya supaya satu pindaan dibuat. Selepas daripada hasil perbincangan itu, kertas kerja dibuat, dibawa ke Jemaah Menteri dan selepas itu baru dikemukakan kepada Lembaga Majlis Tanah Negara (National Land Council). Kalau segala pindaan dapat diluluskan dalam National Land Council, barulah dapat dibuat satu undang-undang pindaan dan kemudian dibawa ke dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk diluluskan. Itu caranya bagaimana kami membuat sesuatu pindaan berkenaan dengan Kanun Tanah Negara ini.

Ada teguran-teguran tadi yang saya ambil ingatan dan akan dibincangkan oleh Kementerian saya kelak sama ada patut dibawa pindaan atau tidak.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sepang yang telah memberi kepujian kepada saya tetapi nampaknya ada juga Ahli Yang Berhormat yang kurang faham mengenai pindaan kepada Seksyen 320.

Sebenarnya senang sahaja sebab dia membaca Seksyen 350 dalam bahasa Inggeris nampaknya telah terang di sini berkenaan dengan caveat ini. Registrar boleh memasukkan caveat di mana-mana tanah "for the protection of the interest of the Federation or the State Authority". Kalau saya tidak salah untuk melindungi atau menjaga kepentingan Kerajaan Federation atau Pihakberkuasa Negeri. Apa lagi, bukanlah sudah cukup? Tetapi saya sudah terangkan tadi tentang interest dan menjaga kepentingan, kepentingan itu cuma di dalam kes Privy Council menyatakan ialah judgment debt, perkara yang diawa ke Mahkamah, Mahkamah menyatakan telah dihukum, ini dia hutang dan dapat perintah hutang, baru dikatakan interest. Selagi belum dibawa ke mahkamah, mengikut Privy Council apapun tidak boleh dibuat kerana belum lagi dikatakan hutang. Inilah sebab berlaku dalam kes ini. Sementara kita hendak menunggu keputusan Mahkamah mengatakan hutang \$7 juta walaupun kita katakan Syarikat ini berhutang \$7 juta dalam cukai pendapatan. Kita hendak meminta dia tidak ada duit, pada hal dia ada harta iaitu kebun (estate) maka kita hendak caveat. Dia bawa peguam membangkang caveat itu. Maka dia betul tidak boleh caveat kerana belum dapat judgment debt iaitu perintah mahkamah, keputusan mahkamah. Dia baharu bawa peguam ke mahkamah pula mengatakan yang Syarikat ini berhutang \$7 juta kepada cukai pendapatan, mintalah Kerajaan bicarakan. Dalam masa itu tanah yang 1,000 ekar telah dijual, duit itu sudah dikeluarkannya. Judgment debt pun keluar tidak ada guna lagi. Inilah sebabnya Undang-undang ini dipinda kalau ada hutang kepada Kerajaan tidak payah tunggu judgment debt lagi. Apabila ada hutang tidak bayar hasil tanah, hutang cukai pembangunan, cukai pendapatan (income tax) boleh terus caveat. Itu sebabnya saya bawa pindaan, saya sudah faham kedudukannya.

Interest yang dikatakan untuk melindungi faedah Kerajaan Federal dan Kerajaan Negeri tidak dapat mengawal kerana harta-harta boleh dijual selagi belum ada hukuman

mahkamah. Tetapi kalau hendak menunggu judgment debt banyak perkara boleh berlaku. Apakah lagi kalau mahkamah tempohkan perbicaraan itu selama enam bulan hendak membuat keputusan? Saya fikir sudah cukup jelaslah apa yang saya terangkan, sebab itulah kita buat pindaan . . . . .

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, ada Huraian di dalam Akta itu, saya berpandu kepada Huraian itu sahaja tidak memadai. Saya tidak faham pindaan itu jika berpandukan kepada Huraian yang ada di dalam Rang Undang-undang tetapi selepas mendengar Yang Berhormat Menteri baharulah saya faham. Maksudnya penerangan Yang Berhormat Menteri itu menghilangkan kekeliruan saya dan itulah saya minta supaya para Menteri yang lain dan Timbalan Menteri di dalam menghuraikan Rang Undang-undang, kalau boleh ikutlah contoh Menteri kita supaya hilang kekeliruan. Itu yang saya maksudkan, tidak payah lagi Yang Berhormat Menteri menerangkan kerana telah saya faham setelah beliau menerangkan pada masa beliau mengemukakan Rang Undang-undang itu. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya salah faham lagi. Yang betul saya kata Ahli Yang Berhormat dari Sepang itu cukup faham dan memuji saya tentang ini. Yang masih kurang faham ialah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih (*Ketawa*). Sudah saya terangkan saya telah dipuji oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih baca seksyen 32, katanya tidak payah pinda kerana kurang faham. Itulah sebabnya saya terangkan lagi sekali bukanlah Ahli Yang Berhormat dari Sepang. Tentang itu saya minta maaf.

Berkenaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, saya mengucapkan terima kasih. Apa yang disebutkan itu sememang telah lama berlaku sampai sekarang, tinggal lagi daripada semasa ke semasa memang kita betulkan perkara itu. Saya menyatakan di sini betul tentang kelambatan yang lain-lain. Saya baharu sahaja pada bulan November, 1978 menulis surat kepada Pengarah Tanah dan galian, Wilayah Persekutuan hendak tahu berapa banyak orang memohon strata title yang telah tidak dapat dikeluarkan. Saya

hairan baharu dapat jawab pada bulan November, 1978 dan saya tahu perkara ini tentu disoal dalam Parlimen, saya boleh agak apa yang akan dibangkitkan. Ini dari dahulu cuma empat permohonan. Daripada 1967 hingga sekarang baharu empat orang memohon strata title, penghabisan sekali pada bulan April tahun 1978 sedang dalam proses. Saya misalkan satu, Perbadanan Kemajuan Bandar (UDA) memohon pada tahun 1974. Permohonannya masih dalam pertimbangan sebab permohonan di bawah Seksyen 124 kerana tanah itu masih dalam pertimbangan Jabatan ini dan dua permohonan masih menjalankan cukai tunggakan seperti dikenakan mengikut Seksyen 152 Kanun Tanah Negara. Hutang pemohon masih belum jelas untuk membayar cukai tunggakan. Kalau pemohon seperti UDA meminta keluaran title tahun 1974 sudah empat tahun sampai sekarang masih belum keluar, sebab belum menjelaskan cukai tunggakan tanah, apatah lagi kalau perseorangan macam kita ini pula. Saya membawa satu misal mengapa kelambatan itu berlaku. Itu bukan salah Pejabat Tanah, kalau pejabat yang kaya macam UDA pun tidak bayar tunggakan macam mana hendak keluaran title. Apa pula syarikat-syarikat yang lain ini, dia lebih sayangkan duitnya keluar. Bila ada banyak kena bayar, dia tidak ambil, jangan salahkan Pejabat Tanah. Kebanyakan geran-geran tanah itu dia telah gadai kepada bank, wang belum habis bayar title sudah siap, orang ramai minta. Tetapi macam mana hendak keluaran wang daripada bank kalau geran yang besar tidak habis ditebus, tinggalah perkara ini kadang-kadang developer tanah yang membina rumah-rumah ini yang kebanyakannya menjadi culprit yang leceh selalu. Saya sekarang telah tiga kali mesyuarat membuat satu Undang-undang hendak pinda lagi sekali apakala siap dibangunkan rumah itu, apakala siap semua sekali kita tahu untuk jual, bila siap rumah diberi tempoh dalam enam bulan atau setahun developer itu mesti memohon dah keluaran geran sub-title supaya senang orang-orang yang membeli rumah-rumah tetapi dapat title. Kalau tidak, menunggukan dia memohon sampai ayam berkokok 8-10 tahun pun dia tidak memohon. Selagi dia tidak memohon, tidak dapatlah title. Ini perkara yang timbul. Tentang pegawai-pegawai yang menjaga itu, itu, betul kita telah beri latihan. Apakala Undang-undang dipinda berkenaan dengan strata title

kita beri pindaan yang cukup. Mesyuarat diadakan di Kuala Lumpur, semua pegawai-pegawai tanah membincangkan cara-cara yang lekas mengeluarkan sub-title. Perkara inilah yang melambatkan. Saya suka memberitahu dalam negara kita ini belum banyak memohon sub-title, di negeri Trengganu. Kalau tidak salah ada sebuah dua yang memohon, dari Wilayah Persekutuan ini cuma ada empat permohonan. Di masa ini nampaknya ada kelewatan kepada pejabat kita dan saya telah memerhatikan dan juga kebanyakan saya menerangkan keawatannya ialah daripada pihak developers.

Yang keduanya, masalah yang timbul apabila rumah pangsa dikeluarkan geran dipohon pecahkan strata title maka sertamerta timbullah mengikut Undang-undang ini ditubuhkan Management Corporation iaitu untuk menjaga rumah belok itu, kawasan rumah itu keselamatan, kebersihan, kebaikan dan Management Corporation akan sertamerta ditubuhkan oleh tiap-tiap tuan yang ada dalam belok rumah tingkat itu dan sekiranya dia atau tuannya tidak menjalankan maka Pegawai Daerah atau Pegawai Tanah akan menjalankan sebagai Management Corporation menjaga kepentingan, kebersihan keselamatan satu-satu belok bangunan itu dan dikenakan bayaran kepada tiap-tiap seorang yang mendapat geran subsidiary title. Dengan sebab adanya Undang-undang ini pula timbul juga kelambatan enggan hendak mengambil title itu kerana kata dia menyusahkan, kena buat satu Lembaga atau Pertubuhan Perbadanan untuk menjaga kebersihan, kepentingan, keselamatan dan lain-lain satu-satu belok bagaimana negara-negara bertamadun di sebelah Amerika dan lain-lain menjalankan. Ini juga kita telah memberi galakan dan pertolongan kepada mereka yang ada di rumah-rumah belok.

**Tuan Lee Lam Thye:** Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan ini samada di antara senarai pemohon-pemohon yang hendak memohon strata title atau sub-divided title pihak Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur ada di dalam senarai itu iaitu pemohon-pemohon yang hendak memohon strata title untuk belok-belok rumah pangsa di Kuala Lumpur. Saya hendak dapat tahu itu sahaja.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Bandaraya sekiranya berkehendakan strata title terpaksa juga memohon kepada Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan. Bandaraya tidak ada dalam senarai. Saya tidak tahu sama ada dia tidak ada tujuan hendak menjual rumah-rumah yang ada, kalau Bandaraya hendak menjual salah satu daripada belok yang layak dijual, maka dia juga terpaksa di bawah undang-undang, memohon. Pada masa ini dalam senarai tidak ada Bandaraya, cuma ada tiga private companies, satu daripadanya ialah UDA yang menjalankannya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak perkara lain yang saya hendak jawabkan, saya telah mencatatkan semua teguran itu dan saya nampak semua boleh dikatakan menyokong Rang Undang-undang ini dan saya mengucapkan terima kasih atas segala teguran di atas Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Pendahuluan* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PENGISYTIHARAN SUATU KAWASAN DALAM DAERAH BINTULU MENJADI SUATU PORT PERSEKUTUAN**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.13 ptg.*

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan Akta

Pengisytiharan suatu kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1978 bagi bacaan kali kedua dan ketiga.

Tujuan asas Akta ini adalah bagi mengadakan peruntukan supaya suatu kawasan di Tanjung Kidurony di Daerah Bintulu Bahagian Keempat dalam negeri Sarawak dapat diisytiharkan sebagai suatu Pelabuhan Persekutuan selaras dengan peruntukan senarai 2 (A) Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan. Dengan Akta ini Menteri yang bertanggungjawab atas pelabuhan-pelabuhan iaitu Menteri Pengangkutan boleh mengisytiharkan Pelabuhan Bintulu sebagai Pelabuhan Persekutuan. Segala tanggungjawab atas kemajuan, kawalan dan pentadbiran kawasan ini kemudiannya akan dipindahkan daripada Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini Kerajaan Pusat sedang bergiat memajukan satu kawasan di Bintulu Sarawak untuk mendirikan antara lain, Industri Gas Cecair (Liquified Natural Gas). Bersama-sama rancangan itu satu pelabuhan baru akan juga dibina, adalah dianggarkan bahawa Kerajaan akan membelanjakan hampir \$500 juta untuk pembinaan Pelabuhan Bintulu.

Dengan terbinanya Pelabuhan Bintulu kemajuan di kawasan sekitar yang meliputi kawasan yang luas dapat dicapai dengan jaya dan teratur. Kemajuan dan perkembangan sektor perindustrian dan pertanian melibat pembinaan kemudahan infrastruktur yang akan membawa faedah yang berlipat-ganda dari berbagai segi seperti pekerjaan, pencapaian taraf hidup yang lebih tinggi kemahiran dan lain-lain aspek sosial. Adalah dijangka pengisytiharan Pelabuhan Bintulu sebagai suatu Pelabuhan Persekutuan akan merupakan satu peristiwa penting ke arah penglibatan yang lebih positif oleh Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan ekonomi dan sosial bagi menjamin tercapainya masa depan yang lebih cerah dan cemerlang bagi Negeri Sarawak khususnya. Dengan hasrat ini maka Kerajaan Persekutuan dengan persetujuan Kerajaan Negeri Sarawak bercadang mengisytiharkan Pelabuhan Bintulu sebagai Pelabuhan Persekutuan. Ini akan bermakna Pelabuhan Bintulu merupakan Pelabuhan yang pertama di Malaysia Timur yang diisytiharkan sebagai Pelabuhan Persekutuan. Saya juga memaklumkan bahawa Rang

Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang yang tidak dapat ditentukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis kita ialah suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengisytiharan suatu kawasan di Daerah Bintulu dalam Bahagian Keempat Negeri Sarawak menjadi suatu Port Persekutuan, mengenai pemindahan dan perletakkan-hak kepada Kerajaan Persekutuan akan menjadi tanggungjawab bagi memajukan, mengawal dan mentadbir port itu dan mengenai semua perkara dan hal lain yang perlu baginya, bersampingan dengannya atau berkaitan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

5.20 ptg.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Rang Undang-undang ini atas sebab-sebab yang telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, tetapi saya cuma suka hendak membangkitkan satu perkara sahaja, iaitu dari segi keupayaan Kementerian Pengangkutan untuk menambahkan lagi tanggungjawab mereka bagi mengendalikan satu lagi pelabuhan kerana daripada apa yang telah saya faham sebagai misalan Pelabuhan Kelang yang sekarang ini di bawah jagaan dan pengawasan Kementerian Pengangkutan tidaklah begitu memuaskan.

Daripada punca-punca dan daripada apa yang telah difahamkan kepada saya, banyak syarikat-syarikat perkapalan cuba mengelak daripada berlabuh di Pelabuhan Kelang oleh kerana ada beberapa kelemahan-kelemahan yang tertentu di Pelabuhan Kelang, umpamanya dari segi perkhidmatannya kurang memuaskan dan beberapa kemudahan-kemudahan yang patut ada tidak ada ataupun kurang ada dan sebagai satu contoh yang lebih tepat dan agak masih hangat diperbincangkan pada hari ini ialah bersabit dengan containerisation, iaitu daripada apa

yang telah kita faham baru-baru ini berlaku satu peristiwa yang mana kontena-kontena begitu banyak di atas kawasan pelabuhan kita yang tidak dapat dipunggah, dan oleh sebab itu kontena-kontena yang baru tidak dapat dihantar oleh kerana tidak ada ruangan bagi menampung kontena-kontena itu. Dan sekarang ini berlaku pula satu permasalahan faham di antara pekerja-pekerja tetapi di Bahagian Bengkel, Pelabuhan Kelang bersabit dengan "straddle crane" iaitu jentera yang mengangkat Kontena itu ke kapal dan daripada kapal mengangkatnya ke pelabuhan. Pada mulanya straddle crane ini dikelolakan, dijalankan oleh pekerja-pekerja tetap ataupun kakitangan yang digaji oleh Pelabuhan Kelang sendiri. Tetapi oleh kerana sebab-sebab yang saya tidak dapat hendak perhuraikan di sini, akan diperhuraikan apabila kena pada masanya, maka Lembaga Pelabuhan Kelang telah pula mengambil dan mentadbirkan kerja straddle crane ini menerusi kontrak. Oleh hal yang demikian, timbullah satu keadaan kurang puas hati di antara pekerja-pekerja dan kakitangan Pelabuhan Kelang itu yang bekerja menguruskan straddle crane itu dengan pihak kontrak yang mana telah diberi kontrak untuk menjalankan straddle crane itu.

Maksud saya sekarang ini ada dua pihak yang menjalankan kerja straddle crane itu. Satu, kakitangan Pelabuhan Kelang itu sendiri dan satu lagi contractor yang dikontrekkan oleh Pelabuhan Kelang untuk menjalankan kerja. Jadi sekarang berlaku satu persaingan dan satu labour unrest, satu keadaan tidak puas hati menimbulkan perhubungan perburuhan yang kurang sihat di situ dan akibatnya maka tidak lancarlah perjalanan yang berhubung dengan kontena kita dan timbullah peristiwa sepertimana yang telah kita ikuti di suratkhbar baru-baru ini dan keadaan ini belum lagi diselesaikan, masih menjadi masalah, dan malah menjadi satu perkara yang menyusahkan pekerja-pekerja di situ dan mungkin pada satu hari perkara ini akan menjadi besar lagi daripada apa yang telah berlaku baru-baru ini sekiranya perkara ini tidak diatasi.

Saya memberi contoh-contoh ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi membuktikan dan menjadikan alasan bahawa keadaan di Pelabuhan Kelang sendiri belum lagi memuaskan. Sedangkan yang itu belum kita sempurnakan, inikan pula kita hendak membuat beberapa pelabuhan-pelabuhan lagi.

Pada pendapat saya, sebelum kita boleh membuka pelabuhan-pelabuhan yang baru, kita bertanggungjawab untuk memperbaiki keadaan dan perkhidmatan pelabuhan-pelabuhan yang ada sekarang ini, untuk meninggikan mutu perkhidmatan yang ada sekarang, untuk menaikkan lagi imej dan nama baik pelabuhan-pelabuhan di negara kita, umpamanya Pelabuhan Kelang. Apabila keadaan ini sudah sampai ke tingkat itu dan kapal-kapal pun sudah mulai banyak singgah di pelabuhan kita, nama pelabuhan kita termasuk Pelabuhan Kelang adalah harum, dipuji dan tidak ada lagi syarikat-syarikat perkapalan yang cuba hendak mengelakkan, maka mungkin itu masanya kita boleh membuka pelabuhan-pelabuhan yang lain, peringkat demi peringkat.

Apa yang saya kluatir yang ada di dalam tangan pun belum sempurna kerana hendak mengejar yang lain, akhirnya kedua-dua cicir—yang dalam tangan pun tercicir, yang kita hendak kejar pun tercicir, kedua-dua sekali tercicir. Jadi inilah yang membimbangkan saya. Bukanlah saya tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang ini; saya bersetuju dan menyokong penuh, tetapi saya cuma menimbulkan kebimbangan, iaitu kita harus meninggikan lagi mutu perkhidmatan pelabuhan-pelabuhan di negara kita dari masa ke semasa untuk memuaskan keadaan yang pada hari ini belum memuaskan.

Saya harap juga soal containerisation yang menjadi masalah yang belum lagi selesai dapat diselesaikan sebelum perkara ini dicampurtangan oleh pihak-pihak yang tertentu. Saya memahami perkara ini, kerana saya sendiri telah ditemui oleh pihak-pihak yang berkenaan, tetapi saya belum lagi mahu mengambil perkara ini kerana saya mempunyai penuh keyakinan di atas kebijaksanaan dan kewibawaan Kementerian Pengangkutan kita yang boleh menyelesaikan masalah ini. Tetapi sekiranya gambarannya bahawa Kementerian masih tidak dapat mengatasi masalah ini dengan memuaskan, maka tidak dapat dielakkan perkara ini terpaksa dicampurtangan untuk kebaikan semua pihak.

Jadi inilah sedikit pandangan saya bersabit dengan Rang Undang-undang ini dan saya berdiri menyokong Undang-undang ini dengan kata-kata yang telahpun saya sebutkan sebentar tadi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

5.28 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil peluang, dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Pengisytiharan satu kawasan dalam daerah Bintulu untuk menjadikan satu Port Persekutuan dan saya mahu bangkitkan dua perkara sahaja.

Pertama, apabila saya melawat Sarawak termasuk Bintulu dalam bulan September, saya telah mendapat tahu bahawa penduduk-penduduk di Bintulu ada satu masalah yang bersangkutan-paut dengan perkara yang kita bincangkan sekarang iaitu untuk mengisytiharkan daerah Bintulu menjadi satu Port Persekutuan. Yang saya dapat tahu, dalam projek ini serta lain-lain projek, sebidang tanah seluas dengan satu radius 6 batu daripada Bintulu ada dibekukan oleh pihak Kerajaan dan oleh sebab itu penduduk-penduduk di Bintulu sangat khuatir mengenai masa depan dan mengenai apa yang akan berlaku apabila Kerajaan mengambil satu keputusan sama ada mahu acquire atau tidak mahu acquire dan kalau mahu acquire, apakah harga yang akan dijadikan ukuran. Apa yang mereka khuatir ialah sama ada harga yang ditawarkan atau digunakan ialah satu harga yang diwujudkan dalam tahun 1972 semasa tanah di Bintulu seluas radius enam batu daripada bandar digunakan. Kalau begitu tentulah ini satu perkara yang sangat tidak adil. Tidak seorang pun dalam Bintulu atau di Sarawak, saya berani bercakap, membantah atau tidak menyokong apa-apa projek pembangunan yang berfaedah untuk negeri, rakyat dan negara, tetapi satu perkara yang harus kita ambil perhatian ialah janganlah kita menjalankan pembangunan tanpa menghiraukan kesusahan dan kepentingan orang-orang yang terlibat dalam projek pembangunan ini. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri boleh memberi satu jaminan, apabila tanah-tanah di Bintulu akan diacquire khasnya di bawah tujuan ini untuk mengisytiharkan satu Port Persekutuan, satu harga yang berpatutan, satu harga yang adil, satu harga pasaran sekarang, pada masa pengambilan tanah akan diguna dan bukan satu harga yang terdapat enam tahun dahulu. Ini satu perkara yang sangat mustahak, khasnya untuk rakyat dan penduduk-penduduk di Bintulu.

Perkara kedua ialah, saya harap, apabila pihak berkenaan menjalankan projek mengadakan satu pelabuhan di Bintulu, mereka akan mengatasi kelemahan-kelemahan yang sekarang menjadi satu penyakit dalam pelabuhan-pelabuhan kita, khasnya di Pelabuhan Kelang yang dapat satu nama yang tidak begitu harum dalam Asia Tenggara, baikpun daripada segi perkhidmatan ataupun dari segi kecekapan. Oleh kerana kita selalu dapat tahu dan dapat sungutan-sungutan mengenai perkhidmatan ketidakcekapan dalam Pelabuhan Kelang di mana ada berlaku beberapa jam, khasnya containers jam, yang mengakibatkan satu imej di mana, kalau boleh, peniaga-peniaga mungkin mengelakkan menggunakan Pelabuhan Kelang.

Kita dapat tahu daripada laporan-laporan dalam suratkhbar bahawa Yang Berhormat Menteri-menteri berkenaan termasuk Timbalan-timbalan Menteri ada mengeluarkan rasa perhatian berat mereka dan, kalau saya tidak silap, Kabinet pun ada menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk "break the back" masalah dalam Pelabuhan Kelang ini. Tetapi malangnya sehingga hari ini, sungguhpun Cabinet Committee itu telah ditubuhkan tidak ada apa-apa perubahan yang baik yang telah berlaku. Saya rasa ini adalah satu masalah yang sangat rumit dan oleh kerana trafik di Pelabuhan Kelang boleh bertambah pada tahun-tahun hadapan, kalau kita tidak ada kecekapan dan perkhidmatan yang baik, kita akan rugi, sebagai satu negara kalau kita tidak boleh memperbaiki masalah ini. Saya berharap pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang segera—tidak guna adakan kajian sahaja dengan tiada apa-apa tindakan—yang menunjukkan bahawa Pelabuhan Kelang boleh dibanggaan yang kita mempunyai satu pelabuhan utama yang cekap perkhidmatannya yang boleh dibandingkan dengan lain-lain pelabuhan utama baikpun di Asia Tenggara ataupun di dunia.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

5.35 ptg.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pengisytiharan satu kawasan dalam daerah Bintulu, Sarawak menjadi suatu Port Persekutuan.

Saya juga sedar, sebagaimana yang telah dikemukakan oleh saudara saya Yang Berhormat dari Sepang bahawa di samping Kerajaan mengendalikan dan melaksanakan projek ini, Kerajaan hendaklah berhati-hati supaya port-port yang telah ada sedia sekarang akan dijaga dan dikendalikan dengan cara yang paling lancar dan licin.

Walau bagaimanapun, saya juga percaya bahawa sekiranya Kerajaan tidak merasai bahawa ianya tidak mampu untuk membuat ataupun mengendalikan semua bot-bot masakan ia rela membentangkan undang-undang di Dewan yang mulia ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah pembangunan sesebuah negara itu sama ada di zaman pesatnya pergerakan konsep imperialisma atau kolonialisma atau di zaman kita telah berjaya mencapai kemerdekaan, yakni kemerdekaan yang sebenar-benarnya kemerdekaan, kemudahan-kemudahan dan infrastruktur-infrastruktur pendorong kemajuan ekonomi, khususnya pengilangan, perindustrian dan perdagangan amatlah perlu. Pihak penjajah British sentiasa tidak senang hati dalam awal kurun yang ke 20 sebelum Pelabuhan Singapura diwujudkan dan berkembang, begitu juga pihak Portugis dengan Goa, pihak Belanda dengan Batavia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mencapai kemerdekaan, Port Kelang dan Pulau Pinang telah diperbesarkan untuk mengendalikan perniagaan negara. Di Sarawak banyak juga port-port yang telah dibina dan sedia ada dan kini terdapat port-port seperti Port Dato' Sim Kheng Hong di Kuching dan Port Rejang di Sibul. Namun demikian, kemajuan yang kian hari kian pesat tidak boleh hanya bergantung kepada port-port ataupun pelabuhan-pelabuhan Pulau Pinang, Port Kelang, Port Kuching dan sebagainya. Sebab itulah pengumuman oleh Kerajaan Persekutuan, terutama sekali oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab untuk mengisytiharkan satu kawasan dalam daerah Bintulu, Sarawak menjadi suatu Port Persekutuan pada hari ini sangatlah kena pada masa dan tempatnya, bak kata pepatah: "Pucuk dicita, ulam mendatang." Moga-moga impian kita untuk mendapat Port Bintulu yang diura-urakan akan cepat menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan Pelabuhan Bintulu adalah projek besar-besaran yang ulung kali dirancangan, bukan hanya di Sarawak dan untuk Sarawak, tetapi juga di seluruh negara Malaysia. Inilah satu projek yang ulung yang menelan belanja beratus-ratus juta ringgit dilancarkan di Sarawak. Kami dari itu, bergembira dan bersyukur lantaran ini ialah satu bukti manifestasi pandangan berat dan serius pihak Kerajaan Persekutuan terhadap pembangunan negeri Sarawak termasuk juga Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, daerah Bintulu adalah satu kawasan yang terpencil dan sebelum ini kurang membangun sama juga dengan keadaan banyak pekan-pekan atau kawasan lain di Sarawak. Walau bagaimanapun, oleh kerana strategi pembangunan yang kini ada dan perancangan lancar, cepat dan pesat dengan jalanraya dan pekan menjelma di sana sini dengan pelabuhan pusat-pusat perusahaan timbul membangun, maka kawasan pendalaman Bintulu khususnya dan Sarawak amnya akan juga dapat menikmati kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu hasil pengeluaran kawasan pendalaman Bintulu khususnya dan Sarawak amnya dapat dikeluarkan. Sebenarnya Bintulu adalah kawasan yang kaya raya dengan kayu balak, arang batu dan paling penting sekarang ialah LNG ataupun gas cecair. Pengeksploitasian semua hasil-mahsul ini memerlukan pelaburan yang besar, infrastruktur sosial yang termoden khususnya pelabuhan atau port yang baik dan efficient dermaga yang up-to-date dan serba mempunyai kemudahan.

Perlaksanaan pelabuhan itu dan pembiayaannya oleh Kerajaan Persekutuan akan menjamin Sarawak menjadi sebuah negeri yang akan diketahui di bidang antarabangsa. Projek yang terbesar dirancangan di sana ialah LNG dan juga lain-lain projek yang wujud dari pembangunan rancangan pembangunan Bintulu akan membawa hasil lumayan bagi Sarawak.

Kepada penduduk-penduduk Sarawak khususnya dan Malaysia amnya semuanya ini adalah merupakan sebagai ujian ataupun cabaran yang besar. Sebagaimana yang diperkatakan oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak semasa merasmikan persidangan Dewan Negeri baru-baru ini beliau berkata: "Projek-projek ini merupakan ujian

atau cabaran terhadap kebolehan dan keupayaan kita mempergunakan kekayaan yang baru ditemui bagi pembangunan negara kita.”

Di samping apa yang tertera di atas dengan projek-projek ini Kerajaan akan dapat mempercepatkan kadar kemajuan ekonomi bukan hanya bagi Sarawak tetapi juga lain-lain negeri di Malaysia yang dikurniakan oleh Allah subhanahu wa taala dengan sumber asli.

Kerja-kerja akan dapat disediakan untuk semua yakni menyelesaikan masalah pengangguran di samping mempercepatkan pembangunan ekonomi. Dari itu kita mengalukan langkah ikhlas Kerajaan Pusat mengambil langkah direct (Federal Government's direct assumption of responsibility) untuk menjamin perlaksanaan projek pelabuhan ini dengan efektif ataupun berkesan bukan hanya untuk memberi khidmat kepada kawasan Bintulu dan pendalamannya tetapi juga untuk seluruh Sarawak dan juga mungkin Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting lagi ianya akan membangun dan menjadi sebuah pelabuhan yang akan memberi khidmat kepada perusahaan ataupun pengeluaran LNG atau gas cecair asli dan projek urea yang akan memerlukan perancangan yang sophisticated dan penyeliaan kerja yang khusus atau specialised. Saya juga berharap supaya dalam memajukan Bintulu dan port itu segala kesilapan dalam langkah kita membangunkan port lain seperti Pelabuhan Klang dan sebagainya perlu sangat diteliti supaya tidak diulangi sekali lagi. Kita juga menghendaki supaya Kerajaan menubuhkan sekarang satu jawatankuasa penyiasat untuk menyiasat kedudukan pekerja-pekerja di Bintulu. Di samping itu juga dijamin pula supaya lebih ramai kaum bumiputra untuk mendapat peluang pekerjaan bagi mereka di kawasan itu. Yang tidak kurang pentingnya ialah Kerajaan hendaklah juga menubuhkan pusat latihan pekerja-pekerja untuk Bintulu.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyentuh orang-orang di Bintulu telah tidak diberi ataupun telah tidak dilayani dengan adil terutama sekali khususnya apabila Kerajaan mengambil tanah. Saya rasa Kerajaan akan dapat menyelesaikan masalah ini sekiranya projek yang dirancangkan akan dapat menjamin kemajuan ataupun compensate apa sahaja kehilangan ataupun kerugian yang kini

dialami oleh rakyat jelata di sana asalkan projek yang dirancangkan akan dapat menjamin kemajuan ekonomi keseluruhannya bukan hanya untuk Sarawak tetapi juga untuk seluruh Malaysia.

5.45 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Saya suka menyokong satu projek raksaksa pelabuhan yang akan dilaksanakan di Bintulu. Tuan Yang di-Pertua, memang projek ini akan dialu-alukan dan disokong oleh rakyat Sarawak khasnya dan Malaysia amnya. Tetapi beberapa perkara yang mustahak perlulah diperhatikan oleh Kementerian apabila projek pelabuhan persekutuan di Bintulu dilaksanakan.

Sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pernah menafikan bahawa pelabuhan-pelabuhan yang ada di Malaysia Barat seperti Pelabuhan Klang adalah menjadi suatu “black port” di dunia ini tetapi dengan tertubuhnya Jawatankuasa Kabinet untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Pelabuhan Klang itu sudah membuktikan bahawa masalah yang dihadapi oleh pelabuhan-pelabuhan di Malaysia hari ini adalah sangat serius. Mahu atau tidak kita perlu mengakui bahawa pada keseluruhannya perkhidmatan pelabuhan di Port Klang itu atau Pulau Pinang sehingga setakat ini adalah sangat-sangat jauh daripada memuaskan, baik dari segi keselamatan ataupun dari segi kecukupan dan perkhidmatan. Saya sangat berasa sangsi bagaimanakah pelabuhan-pelabuhan khasnya Pelabuhan Klang bahawa pelabuhan ini boleh dikontenariskan (containerised) supaya Malaysia boleh dijadikan salah satu pelabuhan terkenal dan ternama di dunia ini. Sehingga setakat ini saya masih berasa keciwa bahawa kelengkapan yang ada di pelabuhan di Malaysia hari ini masih tidak setaraf (standard) dengan dunia yang ada hari ini. Umpamanya, Pelabuhan Klang sungguhpun merupakan satu pelabuhan yang sangat mustahak di Malaysia untuk membangun dan memajukan pertumbuhan ekonomi Malaysia, tetapi nampak banyak perniaga lebih suka mengimpot barang-barang mereka melalui negara jiran kita. Ini adalah merupakan satu tanda tanya perlu disiasat dan dikaji oleh Kementerian berkenaan bahawa apakah sebab barang-barang mereka tidak boleh diimpot dengan menggunakan pelabuhan yang

ada di Malaysia hari ini, mereka terpaksa melalui Singapura untuk mengimpor barang mereka. Saya merasa bahawa ini adalah merupakan satu perkara yang sangat memalukan kita bahawa sehingga rakyat Malaysia pun tidak begitu suka untuk menggunakan pelabuhan dan facilities yang ada di negara kita hari ini.

Mengenai masalah yang dihadapi oleh rakyat Bintulu khasnya mengenai tanah yang sudah dibekukan seperti mana yang kita ketahui, kalaulah kajian dan pelan-pelan sudah ditetapkan dan ditentukan, maka tanah-tanah yang tidak berkenaan yang tidak terlibat dalam projek itu, saya menyeru Kerajaan boleh membebaskan tanah yang masih dalam pembekuan Kerajaan dan juga satu rancangan yang sempurna perlu diadakan untuk menempatkan penduduk yang terlibat dalam pengambilan tanah demi projek pelabuhan Bintulu itu supaya rakyat tidak akan dijadikan mangsa seperti mana yang kita lihat dan saksikan pada tempat yang lain bila sesuatu projek Kerajaan dicadangkan, maka rakyat yang terlibat dalam pengambilan tanah itu selalu dijadikan mangsa. Umpamanya, mereka terpaksa mengalami berbagai masalah sosio-ekonomi seperti tempat kediaman, tempat kehidupan mereka dan lain-lain.

Di sini saya menyeru Kementerian Pengangkutan untuk memberi satu jaminan di Dewan ini bahawa penduduk-penduduk Bintulu yang terlibat dalam projek pelabuhan atau lain-lain projek yang berkenaan boleh ditempatkan dengan sewajarnya tanpa membawa apa-apa masalah atau gangguan terhadap kehidupan sosial ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu rayuan dan desak dan juga merupakan satu kebimbangan yang diutarakan oleh penduduk-penduduk di Bintulu hari ini. Saya harap Yang Timbalan Menteri boleh memberikan satu jaminan yang konkrit kepada penduduk-penduduk yang ada terlibat dalam masalah pengambilan tanah di Bintulu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Julau. Selepas itu, saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*5.51 ptg.*

**Tuan Thomas Salang Siden (Julau):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk bercakap atas Rang Undang-undang Pengisytiharan suatu kawasan dalam

Daerah Bintulu menjadi satu Port Persekutuan, 1978. Di sini saya memberi setinggi-tinggi terima kasih Kerajaan Pusat kerana telah sedia mengadakan Rang Undang-undang untuk menyediakan satu deep-sea port di Bintulu sebagai Port Persekutuan yang bertanggungjawab bagi memajukan, mengawal dalam mentadbir kawasan itu. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, Kerajaan Persekutuan boleh mengambil segala langkah dan tindakan dan melakukan segala perkara dan hal yang perlu bagi menjalankan bersam-pingian atau berkaitan dengan menjalankan tanggungjawab di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu walaupun Port Bintulu itu menjadi Port Persekutuan, tetapi saya rasa ada kebimbangan berkaitan dengan pekerja-pekerja di Port itu. Saya takut bila port itu sudah menjadi Port Persekutuan, rakyat tempatan sukar mengambil tempat untuk bekerja di Port jika mereka tidak dapat pos-pos untuk menjadi pegawai-pegawai yang tinggi di Port itu. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat menubuhkan satu Jawatankuasa penyiasatan atau Jawatan Kanan Pilih untuk membetulkan pekerja-pekerja di port tersebut untuk mengambil lebih ramai lagi pekerja-pekerja tempatan dari kaum bumiputra. Dengan cara ini pegawai-pegawai bumiputra dapat dilantik dengan memuaskan. Saya berharap soal pengambilan lebih ramai lagi pekerja-pekerja hendaklah dilakukan supaya kemajuan port ini tidak terganggu. Dengan siapnya port itu nanti saya berharap rakyat di daerah tersebut dapat peluang kerja lebih banyak lagi dalam LNG projek ini supaya kita dapat memberi banyak lagi job opportunities kepada rakyat terutama sekali di luar bandar seperti school leavers yang tidak dapat peluang pekerjaan dalam Jabatan-jabatan Kerajaan atau Syarikat-syarikat pihak swasta pada masa sekarang. Dengan keadaan Port itu juga saya berharap modal tempatan di negeri Sarawak dapatlah dilakukan dengan sempurna yang boleh menguntungkan rakyat yang sedia mengikuti perkembangan perniagaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya bercadang supaya Kerajaan Pusat patut menubuhkan satu Pusat Latihan Pekerja-pekerja di kawasan Bintulu. Latihan pekerja itu saya anggap amatlah penting oleh sebab kawasan Bintulu boleh dikatakan satu kawasan yang

terbesar dan kaya sekali dan dengan persiapan jalanraya Kuching-Miri nanti akan mengeluarkan hasil seperti minyak, kayu-kayan, lada hitam, getah, kelapa sawit, batu dan sebagainya. Namun demikian, saya fikir Kerajaan Pusat perlulah menubuhkan satu Pusat Latihan untuk pekerja-pekerja di kawasan Bintulu itu. Pusat Latihan itu bukan untuk sesuatu daerah tersebut sahaja tetapi untuk kepentingan rakyat di negeri Sarawak mungkin termasuk negeri Sabah. Pusat Latihan untuk pekerja-pekerja itu boleh memberi latihan dengan cara ringkas atau cara intensif bergantung kepada peringkat kerja-kerja dan tanggungjawab jurulatih-jurulatih yang akan menyertai kursus-kursus yang boleh diadakan nanti. Dengan cara ini saya rasa pekerja-pekerja itu dalam mana-mana bidang di masa akan datang boleh menjalankan tugas dengan lancar dan berkesan untuk kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil peluang ini untuk memberi pandangan kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak atas sikap-sikap yang buruk yang boleh diambil oleh pihak peniaga tertentu untuk menaikkan harga barang-barang dan benda-benda di daerah Bintulu. Ini memang sudah berlaku sekarang kalau kita lihat atau ambil perhatian dari segi harga barang-barang makanan dan pakaian, sewa rumah kedai dan harga rumah-rumah telah meningkat tinggi dari tempat-tempat lain di negeri Sarawak. Ini kalau tidak dikawal dari sekarang, boleh melambung naik selepas penubuhan Port Bintulu dan akan menyusahkan rakyat di daerah itu. Kenaikan harga itu nanti, kalau tidak dikawal dengan rapi dari mula akan merebak ke kawasan lain dan boleh menyusahkan semua rakyat di seluruh negeri Sarawak seperti yang telah berlaku di Sabah kerana perkembangan perindustrian di sana. Ini mesti dijaga sebab kita tidak mahu rakyat negeri Sarawak akan menghadapi masalah-masalah kenaikan harga barang-barang dan belanja hidup (cost of living). Apa yang kita hendak ialah perkembangan kemajuan dalam bidang perindustrian pertanian, keselamatan sosial, pekerja-pekerja social service dan lain-lain tidak membawa kesusahan kepada rakyat akibat dari kenaikan harga barang-barang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana mencadangkan Rang Undang-undang ini untuk menjadikan pelabuhan tersebut sebagai pelabuhan Persekutuan.

6.00 ptg.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pengangkutan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Malaysia Timur dan Semenanjung atas perbincangan mereka mengenai Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah membangkitkan keupayaan Kementerian Pengangkutan untuk mentadbirkan sebuah lagi pelabuhan di Persekutuan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat dari Simunjan sebutkan tadi, Kerajaan memang yakin bahawa Kementerian Pengangkutan ada keupayaan dan berkebolehan untuk mentadbirkan Pelabuhan Bintulu dan itulah sebabnya Kerajaan telah tugaskan Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab di kawasan Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang atas maklumat-maklumat beliau mengenai kedudukan pekerja-pekerja di Pelabuhan Kelang. Seperti beliau sedia maklum di mana-mana pelabuhan, baik pun di Malaysia mahu pun di Jepun atau Britain, masalah pekerja-pekerja tentulah timbul dari masa ke semasa.

Mengenai masalah pekerja-pekerja yang menjalankan Straddle carrier yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, izinkan saya berkata bagi pihak Kementerian bahawa perkara ini sedang diuruskan oleh Pelabuhan Kelang dan Kementerian Pengangkutan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah membangkitkan masalah tanah di Bintulu yang telah dibekukan oleh Kerajaan Negeri. Saya pun tidak berapa jelas atas pendapat atau kenyataan beliau, sama ada tanah yang disebutkan itu di dalam kawasan Pelabuhan Bintulu atau di luar kawasan Pelabuhan Bintulu. Apa yang saya tahu pengambilan tanah di dalam kawasan Pelabuhan Persekutuan Bintulu yang dicadangkan ini pun

telah diselesaikan. Barangkali Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan masalah tanah di sekitar kawasan Pelabuhan Bintulu dan saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat itu dan Dewan yang mulia ini bahawa perkara tanah yang disebutkan itu adalah di dalam tanggungjawab Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak ingin saya tegaskan bahawa segala pengambilan-alih tanah di negeri Sarawak, khususnya di kawasan Bintulu, dijalankan mengikut Undang-undang dan pihak-pihak yang berkenaan akan diberi gantirugi mengikut undang-undang. Dalam undang-undang pun ada peruntukan (provision) yang mana jikalau seorang pemilik tanah tidak begitu puas hati, beliau dapat membawa perkara itu ke Mahkamah untuk mendapat satu keputusan yang adil dan saksama.

Mengenai masalah Pelabuhan Kelang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, saya pun hendak terangkan bahawa kedudukan Pelabuhan Kelang adalah bertambah baik dan Kementerian Pengangkutan, khasnya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri yang menjadi wakil Parlimen bagi kawasan Pelabuhan Kelang itu, memberi perhatian yang rapi dan Kementerian ini puas hati atas perubahan yang telah dicapai di Pelabuhan Kelang.

Saya, bagi pihak Kementerian, ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Simunjan atas sokongan kuat beliau mengenai Rang Undang-undang ini. Kementerian saya bersetuju dengan pendapat beliau bahawa dengan adanya satu pelabuhan di Bintulu, bukan sahaja kawasan Bintulu tetapi kawasan yang lain di Malaysia Timur tentu akan mendapat faedah yang besar. Beliau telah menyebutkan bahawa dalam sejarah Asia Tenggara pelabuhan-pelabuhan telah memainkan peranan yang besar. Kementerian saya berpendapat bahawa dengan adanya satu pelabuhan yang besar di Bintulu, bukan sahaja kawasan Bintulu tetapi juga negeri Sarawak barangkali akan memasuki ke satu zaman sejarah yang baik sekali.

Saya hendak tegaskan, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan bahawa kemudahan pelabuhan yang akan disediakan di Bintulu bukan sahaja akan memberi perkhidmatan (service) kepada LNG tetapi juga akan memberi

service dan kemudahan kepada kargo-kargo am seperti kayu, urea dan sebagainya. Selain daripada berth LNG yang akan dibina, satu dermaga kargo am juga akan dibina di kawasan Bintulu, dan ini akan memberi faedah besar kepada impot dan eksport di kawasan Bintulu dan Sarawak pada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meminta satu jaminan daripada Kementerian ini supaya apa-apa akibat pembangunan di kawasan pelabuhan ini tidak akan memberi socio-economic dislocation kepada kawasan di sekitarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sukarlah bagi apa-apa Kerajaan pun memberi jaminan seperti itu sebab, seperti kami sedia maklum, kalau tidak ada pembangunan, pihak Pembangkang tentu mengkritik Kerajaan sebab tidak menjalankan pembangunan; tetapi apabila ada pembangunan, apabila ada "growth" apabila ditubuhkan satu "growth centre", masalah pembangunan itu, masalah "growth" itu tentulah akan timbul.

Tetapi masalah growth (the problems of growth) itu adalah masalah yang boleh dikatakan positif dan saya boleh beri jaminan di sini bagi pihak Kementerian dan Kerajaan Negeri Sarawak bahawa pihak-pihak berkuasa yang berkenaan akan cuba dengan segala daya upaya untuk meminimalkan dislocation ekonomi sosial yang tidak dapat dielakkan tetapi untuk menghapuskan akibat seperti itu saya rasa tidak dapat.

Mengenai masalah tanah, seperti saya sebutkan tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak payahlah berasa kluatir bahawa pemilik-pemilik tanah akan menjadi mangsa, sebab seperti saya sebutkan tadi langkah-langkah yang diambil adalah mengikut undang-undang yang sedia ada di dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Julau telah menyokong kuat Rang Undang-undang ini dan bagi pihak Kementerian saya hendak merakamkan terima kasih. Beliau merasa kluatir sedikit atas peluang-peluang pekerjaan bagi orang-orang tempatan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa salah satu tujuan Kerajaan Pusat melaburkan \$500 juta di kawasan Bintulu ini, iaitu satu kawasan yang disebutkan mundur, ialah untuk membuka peluang-peluang yang baru bagi orang-orang tempatan. Jadi dengan langkah-langkah seperti ini faedah akibat

pembangunan dapat diseimbangkan di seluruh Persekutuan Malaysia, dan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlulah rasa khuatir sebab pihak-pihak yang berkenaan, baik Kementerian Pengangkutan mahupun Kerajaan Negeri tentu akan mengutamakan kepentingan orang-orang tempatan. Dan saya juga hendak tegaskan di sini bahawa di mana-mana tempat apabila ada "growth centre", "direct jobs" tentulah akan ditimbulkan, tetapi kita jangan lupakan "indirect jobs" yang juga akan muncul. Sebab mengikut pakar-pakar ekonomi, "job-multiplier effect" tentu akan berjalan di satu kawasan yang membangun. Selain daripada kerja-kerja yang akan dibekalkan oleh pihak Pelabuhan dan Kerajaan Negeri, kerja-kerja lain di kawasan sekitarnya khususnya di kawasan Bintulu Regional Authority pun akan muncul.

Berkenaan dengan Pusat Latihan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Julau, saya ingin memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan memberi pertimbangan berat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 5—*

6.16 ptg.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad (Baling):** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan sahaja daripada Timbalan Menteri berkenaan yang mengemukakan Rang Undang-undang ini, iaitu Fasal 4 daripada Rang Undang-undang ini ada menyebutkan bahawa tanggungjawab bagi memajukan dan seterusnya perletakan hak kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi tanggungjawab ini adakah ia merupakan satu implikasi daripada milik?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, saya pun tidak berapa jelas atas apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, kuasa dan tanggungjawab atas kawasan Pelabuhan Bintulu di dalam tangan Kerajaan Pusat.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Saya ingin menerangkan maksud saya yang sebenarnya ialah kerana tanggungjawab yang demikian boleh juga diletakkan di bawah pemilikan biasa ataupun kawasan itu dileasekan ataupun kawasan itu merupakan satu kawasan di bawah satu kedaulatan. Jadi bentuk tanggungjawab itu adalah serupa juga. Jadi di dalam istilah-istilah ini, di bawah istilah yang mana yang termasuk tanggungjawab itu?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, seperti saya sebutkan tadi kawasan Pelabuhan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat dan kawasan di sekitarnya di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan-urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai ditimbang, dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan-urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai ditimbang, dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN MINYAK KELAPA SAWIT

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.23 *ptg.*

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Akta Penyelidikan dan Kemajuan Kelapa Sawit 1978 bagi menubuhkan sebuah Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit dan bagi penubuhan serta pentadbiran suatu Kumpulan wang bagi tujuan membiayai penyelidikan dan untuk membuat peruntukan-peruntukan berkenaan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Saya mengemukakan Rang Undang-undang ini memandangkan perlunya dikekalkan dan dipertahankan kedudukan negara ini, sebagai negara pengeluar dan pengeksport minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia di samping perlunya ditingkatkan usaha-usaha penyelidikan dan diperluaskan pasaran serta kegunaan-kegunaan kelapa sawit dalam menghadapi persaingan daripada tidak kurang 14 jenis minyak sayuran dan lemak yang lain.

Perusahaan kelapa sawit negara ini telah dan sedang berkembang dengan pesatnya ke paras yang menjadikannya amat penting dari segi pembangunan ekonomi dan sosial. Sumbangan kepada keseluruhan pengeluaran

minyak kelapa sawit dunia ialah 42.5% sementara sumbangannya kepada jumlah eksport dunia ialah 68%. Perusahaan ini juga telah menjadi satu sumber eksport yang bertambah penting kepada negara ini di mana dalam tahun 1977 sumbangannya kepada jumlah hasil pendapatan eksport negara telah meningkat ke padas 12%. Dalam tahun yang sama juga tidak kurang dari 56% jumlah eksport minyak kelapa sawit negara ini telah diproses oleh perusahaan menapis tempatan yang sedang berkembang pesat. Pada tahun-tahun kebelakangannya perusahaan kelapa sawit telah memberi lebih banyak peluang pekerjaan dan nilai tempahan kepada bahan utama negara ini di samping menghasilkan pekerjaan dan pendapatan secara langsung atau tidak langsung kepada lebih sejuta orang.

Perusahaan ini telah dapat memainkan peranannya yang amat memuaskan. Dalam usaha-usaha membasmu kemiskinan dan meningkatkan lagi paras pendapatan penduduk-penduduk luar bandar. Paras pendapatan peneroka-peneroka kelapa sawit adalah lebih baik daripada paras pendapatan yang diperolehi dari lain-lain tanaman. Faedah ini telah dapat dinikmati oleh ramai penduduk luar bandar di seluruh negara kita memandangkan luas kawasan tanaman kelapa sawit yang diusahakan oleh peneroka-peneroka dan pekebun-pekebun kecil adalah lebih melebihi 45% daripada jumlah keseluruhan keluasan tanaman kelapa sawit di negara ini. Kita inginlah melihat perusahaan ini terus berjalan dengan maju oleh itu pihak Kerajaan telah mengambil langkah untuk menubuhkan satu Badan yang akan dapat meningkatkan usaha-usaha penyelidikan kelapa sawit bagi memastikannya terus dapat menandingi lain-lain minyak sayuran dan lemak dalam pasaran dunia.

Tugas-tugas penting Badan ini ialah meninggikan lagi kecekapan pengeluaran, pemerosesan kualiti keluaran dan keperluan-keperluan kegunaan khususnya menggalakkan pasaran-pasaran yang ada sekarang di samping meninjau kemungkinan pasaran-pasaran yang baharu bagi kelapa sawit serta penyelidikan ke atas bahan buangan dari kilang-kilang kelapa sawit.

Dalam menjalankan rancangan itu kita akan menumpukan sebuah Pusat Penyelidikan yang lengkap meliputi berbagai

bidang kegiatan yang melibatkan penanaman, pengeluaran, pemerosesan, penyimpanan, pengangkutan pemasaran dan seterusnya perkembangan industri kelapa sawit tempatan.

Satu langkah segera penyelidikan dalam bidang pertanian ialah potensi untuk mengubah sifat-sifat minyak kelapa sawit melalui tanaman itu sendiri.

Satu lagi bidang yang perlu disegerakan ialah untuk mengatasi masalah bahan buangan yang mana di masa sekarang tidak terdapat cara-cara yang sempurna untuk mengawal pencemaran seumpama ini.

Institusi Penyelidikan Kelapa Sawit yang akan ditubuhkan akan mengadakan perincian serta cara-cara pengawalan mutu pengeluaran yang juga memerlukan perhatian segera di mana satu sekim piawai Malaysia bagi minyak kelapa sawit yang bertaraf antara bangsa seperti yang wujud bagi getah mungkin dapat diperkenalkan. Pusat Penyelidikan ini amatlah mustahak memandangkan terdapatnya persaingan minyak kelapa sawit dari lain-lain jenis minyak sayuran dan lemak dan rintangan seperti sekatkan tarif dan bukan tarif di beberapa buah negara. Di Amerika Syarikat telah timbul tentangan yang kuat dari pengeluar-pengeluar kacang soya dan biji kapas terhadap penambahan impot minyak kelapa sawit. Tindakan juga diambil oleh negara-negara Persatuan Ekonomi Eropah yang menghadkan impot sayuran dan lemak kerana mereka ingin menggalakkan penggunaan pati serbuk susu tempatan. Di samping itu banyak negara di Amerika Latin, Afrika dan lain-lain bahagian Asia sedang memperluaskan penanaman kelapa sawit. Semuanya ini membawa implikasi bahawa kelapa sawit Malaysia akan menghadapi persaingan yang lebih hebat pada masa-masa hadapan.

Pada masa lalu penyelidikan kelapa sawit telah diletakkan di bawah Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang bertanggungjawab bagi semua keperluan-keperluan sektor pertanian dan ternakan semenjak penubuhan di samping mengadakan penyelidikan mengenai berbagai tanaman-tanaman ternakan haiwan dan ayam itek MARDI juga terpaksa membangunkan kemudahan-kemudahan kepakaran dan kakitangan.

Dalam konteks perkembangan pesat yang berlaku dalam perusahaan kelapa sawit sekarang ini tugas-tugas penyelidikan yang kian mendesak perlulah dijalankan bersejajaran untuk meringankan beban tanggungjawab MARDI yang sedia ada walaupun penyelidikan secara bebas ada juga dijalankan oleh sektor swasta dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) tetapi penyelidikan-penyelidikan itu banyak tertumpu kepada aspek-aspek biology dan tujuan persendirian. Untuk mengelakkan penubuhan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Kelapa Sawit dari mengeluarkan tugas-tugas penyelidikan yang telah dijalankan oleh FELDA dan MARDI langkah-langkah akan diambil untuk diserapkan Pusat Penyelidikan Kelapa Sawit di bawah kelolaan FELDA dan MARDI itu ke dalam Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Kelapa Sawit tersebut.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah terbahagi kepada enam bahagian.

Bahagian Pertama, adalah berkenaan dengan tajuk dan permulaan Akta dan tafsiran perkataan-perkataan yang digunakan dalam Rang Undang-undang ini.

Bahagian Kedua, membuat peruntukan bagi penubuhan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit, perlantikan ahli-ahli dan tugas-tugas badan itu. Ahli-ahli Lembaga yang akan dilantik itu adalah seperti berikut:

- (i) seorang pengerusi;
- (ii) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi perusahaan kelapa sawit;
- (iii) seorang wakil Perbendaharaan;
- (iv) seorang wakil Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan;
- (v) tiga orang wakil pengeluar-pengeluar kelapa sawit dan seorang wakil penapis minyak kelapa sawit;
- (vi) Ketua Pengarah Instituti Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit;
- (vii) seorang wakil Lembaga Pelesenan dan Pendaftaran Minyak Kelapa Sawit; dan

(viii) lain-lain orang tetapi tidak lebih daripada tiga untuk mewakili lain-lain kepentingan perusahaan kelapa sawit atau Kerajaan.

Ahli-ahli yang dilantik adalah terdiri daripada orang-orang yang dianggap berke Layakan dan pengalaman dalam hal-hal berhubung dengan sains dan teknologi, pemasaran kewangan ataupun pentadbiran dalam perusahaan kelapa sawit.

Bahagian Ketiga, membuat peruntukan bagi penubuhan sebuah Instituti Penyelidikan yang akan diketuai oleh seorang yang berjawatan Ketua Pengarah yang dibantu oleh seorang atau beberapa orang yang berjawatan Timbalan Ketua Pengarah. Instituti ini ditubuhkan dan diuruskan oleh Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit dengan tujuan menjalankan tugas-tugas Lembaga itu, yang bertanggungjawab bagi berbagai aspek penyelidikan kelapa sawit.

Bahagian Keempat, Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi penubuhan dan pentadbiran Tabung Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit, di mana Lembaga akan mentadbirkan dan menggunakan wang bagi kegiatan-kegiatannya.

Bahagian Kelima, Rang Undang-undang membuat peruntukan bagi mengenakan dan mengutip cess penyelidikan atas minyak kelapa sawit. Langkah ini adalah sesuai dengan hasrat Kerajaan supaya Lembaga ini akan dapat membiayai diri sendiri. Oleh yang demikian itu, sektor swasta adalah dikehendaki melalui pembayaran cess membuat sumbangan kewangan kepada badan yang menjalankan usaha-usaha penyelidikan bagi kepentingan perusahaan ini.

Bahagian Keenam, ialah peruntukan supaya akaun Lembaga diodit dan laporannya dikemukakan kepada Menteri. Peruntukan ini juga berkehendakkan supaya Laporan Lembaga mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan dari masa ke semasa dikemukakan kepada Menteri, yang kemudiannya akan dibentangkan di Dewan Parlimen.

Bahagian Ketujuh, Rang Undang-undang ini ialah peruntukan yang membolehkan pindaan Akta Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 dan membatalkan seksyen-seksyen 15 (5), 15 (6), 15 (7) dan 16 (3) Akta Lembaga Pelesenan dan Pendaftaran Minyak Kelapa Sawit, 1976.

Dengan adanya pindaan-pindaan tersebut segala tanggungjawab bagi penyelidikan kelapa sawit diletakkan di bawah Lembaga ini sahaja dan tidak lagi di bawah Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.

Pembatalan seksyen-seksyen 15 (5), 15 (6), 15 (7) dan 16 (3) itu pun akan membolehkan Lembaga ini mengendalikan urusan mengenai cess penyelidikan atas minyak kelapa sawit tanpa melibatkan Lembaga Pelesenan dan Pendaftaran Minyak Kelapa Sawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah satu Rang Undang-undang bernama "suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit Malaysia dan bagi menubuh dan mentadbir suatu Kumpulan-wang bagi maksud membiayai penyelidikan dan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya jemput dahulu Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baharu.

6.36 ptg.

**Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzil (Kulim-Bandar Baharu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Menteri Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawasanya perusahaan kelapa sawit ini merupakan perusahaan yang ketiga besarnya dalam tanahair kita sekarang ini dan juga Malaysia merupakan pengeluar yang terbesar sekali dalam dunia ini mengenai minyak kelapa sawit. Jadi oleh itu saya percaya sudahlah sampai masanya, sungguhpun mungkin terlambat sedikit, tetapi sudah sampai masanya kita adakan suatu badan yang berasingan untuk menumpukan perhatian yang penuh dan khas mengenai usaha-usaha memajukan bidang perusahaan yang baru ini.

Walau bagaimanapun, saya rasa bahawasanya nama yang dicadangkan itu boleh diperbaiki sedikit lagi. Misalnya nama yang

dicadangkan itu adalah “Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit”—agak panjang sedikit. Misalnya huruf “Kemajuan” itu, pada pendapat saya, termasuk “Penyelidikan”, jadi saya percaya huruf “Penyelidikan” itu tidak perlu dalam nama Lembaga tersebut. Begitu juga, kalau kita selidik bidangkuasa Lembaga ini, ia termasuk bukan sahaja minyak kelapa sawit, tetapi juga keluaran-keluaran kelapa sawit; malah di tiap-tiap perkara di bawah Fasal 5 itu, dalam bidang kerja, dimasukkan juga keluaran-keluaran kelapa sawit dan bukannya minyak kelapa sawit sahaja. Tetapi kalau kita tengok nama Lembaga yang dicadangkan itu, seakan-akan bidangkuasa Lembaga ini ditumpukan khas kepada minyak kelapa sawit sahaja. Jadi, pada pendapat saya, eloklah kalau Lembaga ini dinamakan sahaja, misalnya, “Lembaga Kemajuan Perusahaan Kelapa Sawit”. Jadi saya percaya dengan ini akan terangkum segala bidang-bidang yang lebih luas lagi dari hanya menumpukan kepada minyak kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan dan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-setinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telahpun dapat membimbing dan juga memajukan perusahaan yang baru ini sehingga menjadi begitu besar sekali dalam masa yang begitu singkat. Saya percaya juga tugas Lembaga ini untuk memajukan pengeluaran kelapa sawit dari segi pertanian itu tidaklah begitu banyak lagi, oleh sebab saya percaya teknik dan teknologi untuk pertanian kelapa sawit ini sudahpun maju.

Saya inginlah mengesyorkan di sini supaya Lembaga yang akan ditubuhkan ini dapat menumpukan perhatian khas yang lebih untuk menyelidik dari segi memproseskan penggunaan minyak kelapa sawit dan keluaran-keluaran kelapa sawit. Janganlah hendaknya bidang perusahaan ini menjadi seperti perusahaan getah di mana kita telahpun berkecimpung dalam perusahaan ini begitu lama, tetapi getah ini kita eksport sahaja keluar negeri dan kita impot pula bahan-bahan yang sudah siap dari getah ini. Kalaulah kita boleh jadikan Malaysia ini bukan sahaja sebuah negara pengeluar minyak kelapa sawit yang besar tetapi juga sebuah negara utama dalam industri-industri menggunakan minyak kelapa sawit dan juga keluaran-keluaran kelapa sawit.

Di samping itu saya ingin juga mencadangkan supaya Lembaga ini dapat berkecimpung secara langsung dalam ekuiti-ekuiti perindustrian-perindustrian yang akan ditubuhkan kelak mengenai perusahaan tersebut. Dengan adanya ekuiti ataupun penyertaan secara langsung oleh Lembaga ini dapatlah sedikit sebanyak kita mengawal downstream activities dalam perusahaan ini dan sedikit sebanyak dapatlah kita meningkatkan lagi perusahaan ini sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

*6.42 ptg.*

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu atas dua sebab.

Sebab yang pertama, inilah jarang-jarang kali kita dibentangkan dengan satu Rang Undang-undang di mana naskhah sahnya adalah dalam Bahasa Malaysia. Jadi saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telahpun dapat menyediakan suatu Rang Undang-undang yang mana naskhah sahnya di dalam Bahasa Malaysia. Saya harap benar-benar bahawa Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang lain akan dapat menambahkan usaha sedikit supaya di masa-masa yang akan datang, setakat mana yang boleh, naskhah Rang Undang-undang biarlah naskhah sahnya dalam Bahasa Malaysia. Kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh membuat Rang Undang-undang yang agak rumit (complicated) juga naskhah sahnya di dalam Bahasa Malaysia, saya tidak nampak mengapa Kementerian-kementerian lain yang banyak mengutamakan Rang Undang-undang yang lebih senang, yang lebih straightforward tidak boleh hendak membentangkan Rang Undang-undangnya dalam mana Bahasa Malaysia adalah merupakan naskhah yang sah. Jadi, tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kita yang berkenaan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kerana di atas pandangan jauh Yang Berhormat Menteri

yang berkenaan di dalam menubuhkan satu badan dan juga satu instituit berhubung dengan kelapa sawit.

Lembaga Kelapa Sawit telahpun diperuntukkan kuasa-kuasa yang memang kena pada tempatnya sepertimana di dalam Fasal 5 di situ menyatakan:

"5. Lembaga hendaklah menjalankan fungsi-fungsi yang berikut:

(Saya cuma bacakan dua sahaja)

"(a) untuk menjalan dan menganjurkan penyelidikan mengenai pengeluaran, pengambilan, pemerosesan, penyimpanan, pengangkutan, pemasaran, pemakaian dan penggunaan minyak kelapa sawit dan keluaran-keluaran kelapa sawit;

(b) untuk mendapatkan, di mana kepentingan awam atau kepentingan perusahaan kelapa sawit memerlukan, apa-apa hasil penyelidikan dimajukan atau dieksploitasi, yang mana pada pendapat Lembaga tidak dimajukan dan dieksploitasi atau tidak dimajukan atau dieksploitasi dengan secukupnya;"

Dan ada lagi (c), (d), (e), (f), (g) yang tidak payah saya sentuh. Dengan (a) dan (b) di bawah Fasal 5, ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan begitu faham dan sedar di atas perkara-perkara yang penting yang mesti diperuntukkan sebagai fungsi Lembaga ini. Saya percaya dengan fungsi-fungsi yang telahpun ketara di dalam Rang Undang-undang ini maka Lembaga ini akan dapat menghasilkan penghasilan yang begitu menafaat dan berguna kepada rakyat dan negara.

Bagi tujuan Rang Undang-undang ini berjalan dengan baik, supaya Lembaga dan Instituit ini berjalan dengan baik, ada dua perkara yang penting. Yang pertama ialah dua jawatan yang penting yang mesti berjalan dengan baik, iaitu Pengerusi Lembaga ini, sepertimana dinyatakan di sini Lembaga ini ada Pengerusi dan kedua, Instituit ini ada Pengarahnya, iaitu di bawah Fasal 8 bersabit dengan Instituit, yang menyatakan:

"8. (1) Maka hendaklah dilantik oleh Menteri seorang Ketua Pengarah dan seorang atau beberapa orang Timbalan Ketua Pengarah Instituit."

Pada pendapat saya, inilah dua "key men" untuk menjayakan segala hasrat dan cita-cita di bawah Rang Undang-undang ini. Untuk menjayakan Lembaga dan Instituit, dua jawatan yang penting, iaitu Pengerusi Lembaga dan Ketua Pengarah Instituit; yang lain itu penting tetapi inilah dua jawatan yang saya fikir amat perlu bagi menjamin perjalanan yang licin Lembaga dan Instituit dan untuk segala cita-cita dan hasrat Rang Undang-undang ini terlaksana. Bagi menentukan supaya kedua-dua jawatan ini berjalan dengan baik, orang-orang yang memegang jawatan ini mesti kena pada tempatnya.

Oleh itu saya suka, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyebutkan sedikit sebanyak apa yang daya fikir perlu untuk menentukan syarat-syarat mereka yang memegang kedua-dua jawatan ini, tidak keseluruhannya, cuma mungkin satu dua sifat sahaja. Yang pertama, pada pendapat saya, Pengerusi dan Ketua Pengarah Instituit ini hendaklah warganegara Malaysia, jangan diambil orang bukan warganegara oleh kerana kalau kita mengambil orang bukan warganegara biar macam mana pandai ataupun cerdik ataupun seberapa panjang kelulusannya, orang itu mungkin tidak memahami hasrat dan cita-cita negara dan rakyat. Cara ia mengendalikan kerjanya, cara ini menentukan keutamaan (priority) penyelidikannya, mungkin tidak akan mengutamakan negara dan rakyat kita sepenuhnya. Oleh itu saya menekankan betapa pentingnya Pengerusi Lembaga dan Ketua Pengarah Instituit ini hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia. Dari segi kakitangan yang bawah itu bolehlah mereka yang ada kelulusan dan kemahiran ini boleh dibeli. Memang banyak cerdik-pandai, memang banyak saintis-saintis, memang banyak pakar-pakar research di merata dunia ini dan kalau ada cukup wangnya, insya Allah kita boleh beli khidmat mereka ini. Dan Pengerusi Lembaga boleh memberi panduan untuk ke arah mana Instituit itu boleh pergi, dan juga Ketua Pengarah Instituit boleh mengawal dan menentukan ke arah mana penyelidikan yang harus diutamakan, kerana ini amat penting.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya khuatir kalau kita ambil seorang bukan warganegara, ada kemungkinan timbul suatu conflict of interest, suatu pertentangan percampangan kepentingan di antara kepentingan

untuk hendak memajukan kelapa sawit dengan kemajuan suatu negara asing yang mana kalau penyelidikan itu dilakukan boleh merugikan negara asing itu. Dengan hal yang demikian akan berlaku suatu strategi, suatu tindakan yang mungkin halus yang tidak dilihat supaya Ketua Pengarah itu tidak menjalankan penyelidikan ke arah itu kerana kalau dijalankan akan merugikan negara yang kedua atau ketiga atau keempat dan sebagainya dan pertentangan kepentingan ini mungkin berlaku—bukan saya kata mesti berlaku, tetapi mungkin berlaku sekiranya kita mengambil seorang bukan warganegara Malaysia untuk menyandang jawatan Pengerusi ataupun Ketua Pengarah Instituit ini.

Saya tidak menafikan bahawa pakar-pakar luar negeri yang bukan warganegara yang mempunyai kepakaran dari segi bidang penyelidikan, ini saya tidak menafikan, tetapi apa yang saya menekankan ialah mereka ini boleh dibeli khidmatnya dan kalau wangnya kena pada tempatnya gaji yang kita beri itu cukup, boleh menarik mereka, kita boleh mendapat kepakaran yang kita kehendaki untuk menyelenggarakan segala bidang penyelidikan yang diperlukan.

Apa yang perlu ialah keutamaan (priority) yang mana dahulu kita hendak mulakan. Penyelidikan yang mana kerana hendak buat penyelidikan ini banyak. Ada 1001 macam penyelidikan, yang mana hendak dimulakan dahulu, di sinilah kawalan tertentu, pengawasan yang tertentu mesti dilakukan oleh Pengerusi Lembaga atau Ketua Pengarah Instituit itu, kerana itulah saya menekankan betapa pentingnya, betapa perlunya kedua-dua jawatan ini hendaklah dipegang oleh warganegara Malaysia dan pada pendapat saya warganegara Malaysia pada hari ini sudah cukup kelayakan, cukup kemahiran, memang ada sifat-sifat mereka yang tertentu yang boleh memegang, baik jawatan Pengerusi ataupun Ketua Pengarah Instituit yang akan ditubuh, insya Allah selepas daripada kita meluluskan Rang Undang-undang ini.

Inilah dua perkara yang saya hendak tekankan, kalau kita lari daripada dua jawatan tadi maka saya khuatir, saya amat bimbang segala cita-cita yang baik, segala cita-cita dan harapan yang murni yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini akan menjadi hampa belaka tidak berapa lama lagi.

Maka dengan itu, saya mengucapkan terima kasih di atas Kesempatan yang diberi dan saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri kita di dalam mengusulkan Rang Undang-undang ini, yang begitu menunjukkan pandangan jauh (fore-sight) dan saya percaya Rang Undang-undang ini apabila diluluskan akan memberi pertolongan manfaat yang begitu berkesan dan mendalam kepada rakyat dan negara.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

6.55 *ptg.*

**Tuan Au How Cheong (Telok Anson):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini yang bernama Akta bagi menubuhkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah Instituit Penyelidikan Kelapa Sawit. Dengan penubuhan ini saya percaya perindustrian ini akan menikmati lebih banyak faedah lagi dan perusahaan ini akan menjadi lebih maju lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menjadi pemimpin antarabangsa di bidang perindustrian getah asli. Dari segi pengeluaran dan penyelidikan, saya berharap perusahaan kelapa sawit juga dapat dimajukan sehingga ia mencapai kejayaan yang sama. Saya berharap juga Lembaga dan Instituit ini bukan sahaja akan menguntungkan perindustrian kelapa sawit dalam negara kita, tetapi akan membawa faedah kepada negara-negara yang lain juga.

Saya berasa amat bangga kerana telah berpeluang mewakili Malaysia dengan menghadiri Perhimpunan Agung di Bangsa-bangsa Bersatu di New York baru-baru ini, dan sidang itu, saya telah mendengar banyak negara yang kurang maju berkali-kali merayu kepada negara-negara Barat supaya mendapat pertolongan kewangan, saintifik teknikal dan lain-lain. Saya berharap Malaysia akan menjadi salah sebuah negara di Asia yang boleh juga memberi pertolongan

saintifik dan teknikal kepada negara-negara yang kurang maju dalam bidang pertanian pada amnya dan di bidang penyelidikan kelapa sawit khususnya. Ini akan membolehkan Malaysia dikenali dan dihormati dengan lebih luas lagi. Jika Malaysia dapat menyumbangkan lagi pengetahuan teknikal dan saintifik kepada dunia, Malaysia akan memenangi ramai lagi sahabat antarabangsa serta mewujudkan muhibbah antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyetujui Bahagian II, Fasal 3 (2) yang memperuntukan bagaimana Lembaga itu ditubuhkan. Di bawah peruntukan ini terdapat Fasal kecil (vii) yang berbunyi:

“(vii) beberapa orang lain, tidak lebih daripada tiga bilangannya, bagi mewakili lain-lain kepentingan perusahaan kelapa sawit atau Kerajaan”.

Dari segi ini saya ingin mencadangkan supaya wakil pekebun-pekebun kecil dilantik sebagai ahli Lembaga tersebut. Saya difahamkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan menjadi salah satu daripada ahli Lembaga itu, tetapi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ialah Badan Berkanun dan badan ini tidak mewakili pihak swasta. Oleh yang demikian, saya bercadang, wakil pekebun-pekebun kecil dari sektor swasta diterima sebagai ahli Lembaga itu.

Saya membuat cadangan ini sebab masalah-masalah pekebun-pekebun kecil, misalnya, masalah pengeluaran, pengambilan, penyimpanan dan lain-lain adalah berlainan daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh ladang-ladang besar atau pihak yang ditadbirkan oleh LKTP. Saya berpendapat dengan adanya wakil pekebun-pekebun kecil dari private sector masalah mereka dapat dibawa kepada Lembaga itu secara langsung supaya masalah itu dapat ditimbangkan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tumpat.

7:00 mlm.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana juga getah, Malaysia adalah mengeluarkan dan pengeksport kelapa sawit yang terbesar di dunia ini.

Selaras dengan adanya sebuah Lembaga yang khusus untuk penyelidikan dan kemajuan getah maka sesuai dan patut juga ditubuhkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit. Pembukaan tanah yang pesat untuk tanaman kelapa sawit merupakan satu punca yang penting bagi pendapatan negara. Kedudukan ini hendaklah dikekalkan dan seboleh-bolehnya diperbaiki lagi. Inilah matlamat yang wajar untuk ditujui oleh Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit sebagai sebuah Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan, satu badan usaha utama yang penting ianya memerlukan kakitangan dan pakar. Satu program latihan jangka panjang hendaklah diadakan. Program ini selaras dalam usaha untuk menubuhkan bilangan kakitangan yang mahir hendaklah juga memberi peluang yang luas bagi latihan anak-anak Bumiputra selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti penyelidikan minyak kelapa sawit di Malaysia pada masa ini dijalankan oleh MARDI dan FELDA serta pihak swasta. Dengan tertubuhnya sebuah Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit usaha pertamanya hendaklah menyafu dan menyusun kegiatan-kegiatan penyelidikan yang dijalankan secara kemas dan teratur. Adalah diharapkan Lembaga ini diawasi rapi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya merangka program-program penyelidikan jangka pendek dan panjang yang bersikap kegunaan hasil penyelidikan yang berguna kepada pekebun-pekebun kelapa sawit hendaklah disibarkan dengan seluas-luasnya supaya manfaat penyelidikan dapat diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, beza dari getah, minyak kelapa sawit telah mengalami harga naik turun yang hebat. Apa yang dialami oleh pekebun-pekebun kelapa sawit ialah kemewahan yang luas dijangka apabila harga melambung tinggi terutama di dalam tahun 1974 apabila harga turun dengan cepat pekebun-pekebun kecil yang sama mengalami kemelesetan naik turun harga yang sukar dikawal itu perlu perhatian daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Lembaga yang akan ditubuhkan ini tidak ada kuasa untuk mengawal harga minyak sawit. Adalah disyorkan supaya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab bagi perusahaan kelapa sawit berikutan dengan memberi perhatian untuk mengadakan satu

sekim pengstabilan harga kelapa sawit untuk mengadakan sekim ini. Salah satu cara ialah menentukan bagi satu-satu jangka masa harga jaminan terendah dan juga harga tertinggi. Satu kumpulan yang diwujudkan apabila harga kelapa sawit meningkat lebih dari harga tinggi, kelebihan pendapatan itu disimpan. Sewaktu harga turun, kurang daripada harga jaminan terhad, wang yang terhimpun di dalam kumpulan wang itu dapat dikeluarkan. Dengan adanya sekim pengstabilan harga ini pekebun-pekebun kecil terutamanya yang tidak akan mengalami keadaan seolah-olah ditimpa bala apabila harga minyak kelapa sawit turun terlampau rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya anggap sekim pengstabilan harga kelapa sawit ini perlu diberi perhatian yang serius. Ianya berbeza dengan getah. Perangkaan menunjukkan bahawa perdagangan antarabangsa dalam jenis lemak binatang dan minyak tumbuh-tumbuhan di dalam tahun 1974 minyak kelapa sawit merupakan 3.7% sahaja, walaupun nisbah kelapa sawit terus meningkat. Adalah jelas bahawa harganya akan terus bertanding terikat dengan harga dan pengeluaran lemak binatang dan minyak tumbuh-tumbuhan yang lain. Sekim pengstabilan harga ini selain daripada program penyelidikan yang lain mungkin dapat merupakan satu tindakan yang positif dari pihak Kerajaan untuk memelihara dan membela nasib rakyat.

Di dalam Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri berkenaan berkuasa menentukan berkenaan dengan cess penyelidikan sahaja. Saya mengesyorkan agar Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat mengkaji dan menimbangkan tentang perlunya mengadakan cess tanaman semula kelapa sawit. Selepas 25 atau 30 tahun pokok-pokok kelapa sawit perlu ditanam semula kerana kekurangan hasilnya. Bagi ladang-ladang swasta perbelanjaan tanam semula tidak menjadi masalah. Kos menanam semula biasanya dikumpul dan dirancangan terlebih awal dengan baik dan teratur. Bagi pekebun-pekebun kecil yang mengharapkan sara hidupnya dari hasil kelapa sawit, satu beban yang besar akan menimpa mereka, kerana mereka tidak ada lagi punca cara hidup selama 3 atau 4 tahun. Mereka juga sukar hendak mencari wang membiayai tanaman semula itu.

Di dalam mengkaji perlunya diadakan cess tanam semula kelapa sawit adalah diharapkan Yang Berhormat Menteri berkenaan akan menekankan juga wang sara hidup petani-petani sebelum kelapa sawit yang ditanam semula mengeluarkan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu bagi Kerajaan yang diberi penuh mandat oleh rakyat untuk berusaha dengan penuh sedaya upaya bagi kemudahan dan kesenangan rakyat adalah perlu bagi Kerajaan membela golongan rakyat yang menyumbangkan tenaga mereka untuk kemakmuran negara. Golongan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit adalah sebahagian daripada mereka. Sekali lagi saya ingin menyeru Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya membuat pertimbangan yang wajar tentang sekim pengstabilan harga dan juga cess tanaman semula kelapa sawit. Ada juga kemungkinan kumpulan wang sekim pengstabilan harga dan cess tanam semula dapat diselenggarakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh pula tentang penyelidikan yang akan dijalankan oleh bakal Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit, kerana Rang Undang-undang ini memperuntukan tentang fungsi penyelidikan dalam bidang pengeluaran, pengambilan, proses dan pemasaran pengangkutan, pemakaian dan penggunaan minyak kelapa sawit.

Sebahagian besar ladang-ladang sawit di Malaysia merupakan ladang-ladang swasta, kilang-kilang memproses dan juga menapis minyak kelapa sawit juga kepunyaan swasta dan rakyat biasa menjadi pekerja-pekerja di ladang-ladang dan kilang-kilang ini. Penyelidikan-penyelidikan di dalam bidang ini adalah jelas akan menguntungkan pemegang-pemegang saham perusahaan kelapa sawit dan juga negara. Adalah kurang jelas samada pekerja-pekerja juga terjamin akan memperolehi keuntungan dari penyelidikan itu. Adalah diharapkan Yang Berhormat Menteri berkenaan akan memberi tumpuan khas supaya hasil daripada penyelidikan itu akan melibatkan pendapatan yang lebih kepada pekerja-pekerja. Manfaat penyelidikan seboleh-bolehnya hendaklah dirasakan oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada pengeluaran minyak kelapa sawit yang diekspot sebagai bahan mentah. Minyak kelapa sawit boleh diproses untuk dijadikan bahan penggunaan.

Adalah diharapkan juga Yang Berhormat Menteri berkenaan menggunakan kuasanya di dalam Rang Undang-undang ini supaya Institut yang akan ditubuhkan ini menyelidik supaya banyak lagi perusahaan-perusahaan dapat diwujudkan terutama perusahaan bahan-bahan mentah minyak kelapa sawit, selain dari menambah lagi keluaran negara kasar, perusahaan-perusahaan ini dapat menambahkan lagi pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan tertubuhnya Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit ini kedudukan kelapa sawit dapat menandingi bahan-bahan lemak binatang dan minyak tumbuh-tumbuhan dari segi mutu dan harganya. Dalam perusahaan minyak kelapa sawit, yang penting sekali rakyat jelata dapat menikmati hasil daripada usaha penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit Malaysia yang dibentangkan ini diluluskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Parit.

*7.09 mlm.*

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini atas Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sama-sama maklum Kerajaan memang bertujuan mempelbagaikan tanaman di negara ini untuk mengelakkan daripada terlalu bergantung kepada getah sebagai sumber pendapatan negara. Sesuai dengan tujuan Kerajaan kita telah dapat melihat bagaimana perusahaan kelapa sawit muncul sebagai pengeluar dan pengeksport minyak kelapa sawit yang terpenting di dunia. Malaysia telah mengeksport bukan sahaja minyak kelapa sawit mentah tetapi juga minyak kelapa sawit yang telah diproses atau ditapis. Dalam tempoh mulai Januari, 1978 hingga Mac, 1978 eksport minyak kelapa sawit yang diproses ialah 53.2% daripada keseluruhan eksport minyak kelapa sawit negara ini. Kita

juga seharusnya berasa bangga kerana perusahaan kelapa sawit telah dapat menghasilkan pekerjaan dan pendapatan secara langsung atau tidak langsung kepada lebih sejuta orang di samping berusaha meningkat lagi paras pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menikmati kejayaan perusahaan kelapa sawit ini kita juga berasa tidak senang kerana terdapatnya persaingan-persaingan hebat dari lain-lain negara yang mengeluarkan bukan sahaja minyak kelapa sawit tetapi juga lain-lain jenis minyak sayuran dan lemak. Tetapi Kerajaan kita itu telah sedar tentang persaingan ini dan seterusnya mengambil tindakan yang wajar dalam menghadapi persaingan ini. Saya harap Institusi Penyelidikan yang akan ditubuhkan itu nanti akan dapat meninggikan mutu minyak kelapa sawit kita supaya permintaan terhadap minyak kelapa sawit kita itu oleh negara-negara luar tidak terjejas; biarlah mutu minyak kelapa sawit kita terkenal seperti mana terkenalnya getah asli kita hasil dari usaha Instituti Penyelidikan Getah.

Saya berpendapat langkah meninggikan mutu minyak kelapa sawit itu masih lagi tidak mencukupi. Oleh yang demikian, saya berharap supaya Instituti Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit itu nanti akan dapat menjalankan usaha-usaha sehingga keluaran kelapa sawit itu boleh dijalankan untuk kegunaan lain, seperti sabun dan magerin yang bermutu dan bukannya untuk minyak kelapa sawit sahaja. Dengan demikian, kita dapat menggantikan pemasaran minyak kelapa sawit dengan pemasaran lain-lain keluaran kelapa sawit jika benar-benar berlaku kemerosotan pemasaran minyak kelapa sawit kita di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di samping berusaha meninggikan mutu dan mencari kegunaan-kegunaan baru bagi keluaran kelapa sawit itu, Instituti ini hendaklah menumpukan perhatian juga kepada mengurangkan masalah pencemaran yang berpunca dari bahan-bahan buangan kelapa sawit. Walaupun barangkali masalah pencemaran ini adalah di bawah Kementerian atau Jabatan lain tetapi Instituti boleh memainkan peranan melalui penyelidikan dalam mengurangkan masalah pencemaran itu demi kepentingan orang ramai juga.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perlunya ujud Instituti Penyelidikan itu dalam usaha mengekalkan negara kita sebagai pengeluar dan pengeksport terpenting di dunia, maka saya suka menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Panti.

7.14 mlm.

**Tuan Yusof bin Maling Kuning (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang oleh kerana memandangkan masa yang agak terlalu lewat dan saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang yang baru ini iaitu merupakan satu Lembaga yang baru dan apa yang saya ingin sentuh di sini yang saya fikir mustahak.

Pertama sekali saya difahamkan bahawa penambahan hasil kelapa sawit pada masa ini telah meningkat 1.8 juta ton dan dijangka akan bertambah dalam tahun 1980 ke angka 2.3 juta ton dan akan bertambah lagi pada tahun 1985 kepada angka 4 juta ton. Jadi dengan tertubuhnya Lembaga Penyelidikan Kelapa Sawit ini memberi kesempatan kepada kita untuk mempelbagai gunakan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, ini sejajar dan tepat pada waktunya kerana Kerajaan sedang menjalankan Dasar Ekonomi Baru yang mana untuk memberi peluang khasnya kepada Bumiputra untuk mengambil bahagian dalam bidang ini sehingga 70% kerana nampaknya dalam bidang-bidang yang lain, dalam lembaga-lembaga lain untuk membolehkan bumiputra menyertai 30% nampaknya makin jauh. Nampaknya belum sampai ke matlamat itu. Jadi dengan sebab adanya Lembaga yang baru ini, maka saya rasa tidak ada menjadi masalah kepada pihak Kerajaan untuk memberi peluang kepada bumiputra untuk mendapatkan 70% dalam bidang ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, selama ini bumiputra hanya diberi kesempatan untuk berkecimpung di bidang kelapa sawit khususnya bidang penanaman sahaja, pekebun-pekebun kecil dan termasuklah peneroka-peneroka FELDA. Saya suka menarik per-

hatian pihak Kerajaan dan saya mencadangkan supaya bumiputra tidak hanya sekadar menanam kelapa sawit sahaja, tetapi buat masa yang akan datang ini berilah peluang kepada bumiputra untuk mengambil bahagian di bidang-bidang yang lain seperti memproses, di bidang pemasaran dan di bidang perkilangan dan juga perkapalan, penapisan dan sebagainya. Kerana kalau pihak Kerajaan tidak membimbing bumiputra, sebagaimana yang saya cadangkan ini, saya percaya sampai bila-bila bumiputra hanya mengambil bahagian dalam bidang menanam kelapa sawit sahaja. Jadi dengan adanya lembaga yang baru ini, saya menarik perhatian Kerajaan peluang yang istimewa sekali kepada Kerajaan membimbing bumiputra untuk mengambil bahagian ke dalam bidang-bidang yang saya nyatakan itu tadi.

Selain daripada itu oleh kerana penghasilan minyak di dunia selain daripada kelapa sawit, kita akan berhadapan dengan negara-negara yang mengeluarkan minyak, seperti minyak soya bean di Amerika, minyak zaiton di Turkey, di Athens, Italy dan sebagainya dan berbagai macam minyak lagi. Jadi oleh sebab itu, saya mengharapkan dengan adanya Lembaga baru ini akan membolehkan Lembaga Penyelidikan ini, pertama memasarkan ke dunia luar, memperkenalkan ke dunia luar dengan lebih luas lagi supaya tidak terjadi bagaimana getah. Dan dengan ini saya harap Lembaga yang baru ini tidak akan jadi sebagaimana RRI yang mana boleh dikatakan dalam RRI hanya sebilangan atau segolongan kaum yang terbesar sahaja dapat mengambil bahagian dalam RRI dan tak payahlah saya sebutkan golongan yang mana, tetapi ini telah diketahui oleh umum.

Saya harap pada Lembaga yang baru ini akan dapat memberi peluang kepada bumiputra. Jadi oleh kerana memberi peluang saudara-saudara saya yang lain, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

7.19 mlm.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan terhadap Rang Undang-undang ini dan juga suka saya mengucapkan terima kasih kerana mereka telah menyokong

dengan sepenuhnya di atas Rang Undang-undang ini. Saya akan cuba dengan sedaya upaya saya untuk menjawab perkara-perkara yang penting yang telah dibangkitkan itu.

Terlebih dahulu sukalah saya menyatakan bahawa penubuhan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit boleh meningkatkan usaha-usaha penyelidikan dan diperluaskan pasaran serta kegunaan-kegunaan kelapa sawit di pasaran dunia. Tindakan ini membolehkan kita melantik saintis-saintis di Malaysia di bidang penyelidikan kelapa sawit juga.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru bahawa Rang Undang-undang ini adalah panjang, tetapi nama Rang Undang-undang ini serupa dengan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah dan lembaga ini bukan semata-mata untuk penyelidikan dari segi biologi tetapi juga dari segi untuk memberi pasaran dan kemajuan lain. Oleh sebab itu, kita telah mendapat nama Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit Malaysia. Fungsi-fungsi Lembaga ini berada di bawah Fasal 5 Rang Undang-undang ini.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang yang telah memberi sokongannya yang penuh di atas Rang Undang-undang ini dan memberi pujian kepada Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah menyentuh satu perkara yang mana satu daripada dua jawatan yang penting mestilah dipegang oleh warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak mendirikan sebuah instituit bertaraf antarabangsa, oleh sebab itu kita mesti memberi kerja penyelidikan yang mana kita boleh mendapat keuntungan atau faedah daripada kerja-kerja ini. Sebagai instituit bertaraf antarabangsa ada kemungkinan kita terpaksa mengambil seorang pakar yang memegang jawatan ini. Apabila kita mempunyai rakyat Malaysia yang ada kelulusan dan pengalaman, sudah tentu kita akan melantik seorang warganegara Malaysia bagi jawatan yang penting ini.

Saya akan mengambil perhatian di atas cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang berhubung dengan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar Yang Berhormat. (kepada Y. B. Menteri)

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Untuk penjelasan, sekiranya diberi jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh Yang Berhormat janganlah mengganggu, melainkan mustahak sahaja.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Saya hendak bertanya sama ada daripada jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa Yang Berhormat Menteri sudahpun membuat keputusan untuk hendak melantik bukan daripada warganegara sebagaimana jawapannya tadi, adakah beliau bermaksud bahawa beliau telah membuat keputusan hendak melantik jawatan Pengerusi dan Ketua Pengarah yang bukan daripada warganegara. Yang kedua, sama ada maksud beliau dalam memberi jawapan tadi bahawa dari segi pendapat beliau tidak ada warganegara Malaysia yang cukup berkelayakan untuk mengisi kedua-dua jawatan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang saya dengar, Yang Berhormat Menteri itu akan mengambil perhatian cadangan atau fikiran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tolong jawab penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat itu tadi.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, sebelum penubuhan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit Malaysia, saya tidak ada kuasa untuk melantik orang-orang yang memegang jawatan-jawatan ini. Itulah penjelasan saya. Dan saya telah berkata bahawa saya telah mengambil perhatian di atas cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah mencadangkan supaya wakil pekebun-pekebun kecil daripada pihak swasta dilantik. Di sini saya suka jelaskan bahawa pihak FELDA akan menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit. Oleh yang demikian, saya fikir tidak perlu untuk melantik seorang wakil yang lain bagi makud itu. Walau bagaimanapun, dalam Fasal 3 (2) (vii) Menteri yang berkenaan adalah berkuasa untuk melantik beberapa orang lain tidak lebih daripada tiga bilangannya bagi mewakili lain-lain kepentingan perusahaan kelapa sawit ataupun Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga telah menyentuh price stabilisation scheme bagi kelapa sawit. Di sini saya suka jelaskan bahawa adalah sukar untuk kita mendapat price stabilisation scheme bagi kelapa sawit, kerana apa yang saya telah katakan bahawa ada lebih kurang 14 jenis minyak sama ada sayuran atau lemak di pasaran dunia dan juga mutu minyak kelapa sawit akan turun kalau di simpan. Oleh sebab itu, Kerajaan telah bercadang supaya satu stabilisation scheme bagi pendapatan eksport kelapa sawit, kita akan berunding dengan negara-negara lain untuk mendapat price stabilisation scheme untuk pendapatan eksport minyak kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih di atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya saya tidak dapat menyentuh semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu, Kementerian saya akan mengambil perhatian di atas segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1—*

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 1 (1) dan 1 (2) dipinda seperti berikut:

Fasal 1 (1) ... Potong nota bidai dan gantikannya dengan yang berikut:

“Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.”

Fasal 1 (2) ... Potong nota bidai: Delete the marginal note and substitute therefor the following—

“Short title, commencement and application.”

Clause 1 (2) ... Delete the marginal note.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 1* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 2—*

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 2 dipinda seperti berikut:

Fasal 2 ... Dalam takrif “minyak kelapa sawit” masukkan perkataan-perkataan “dalam bentuk” selepas sahaja perkataan “atau” dalam baris dua dan gantikan perkataan “dari”, dalam baris yang sama dengan perkataan “yang”.

Clause 2 ... Substitute the word “form” for the word “from”, appearing immediately after the word “processed” in the definition of “palm oil”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 2* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 3 hingga 6*—

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Saya hendak mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri mengenai Fasal 5 (a) dan 5 (i).

Adakah perkataan-perkataan di dalam Fasal 5 (a)—“... menganjurkan penyelidikan mengenai pengeluaran . . .” ini dapat juga ditakrifkan dimasukkan juga soal-soal, usaha-usaha tanam semula ataupun di bawah Fasal 5 (i)—“untuk menjalankan apa-apa fungsi lain yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa” ini dapat juga ditakrifkan sebagai usaha-usaha penanaman semula kelapa sawit.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Kalau boleh, saya minta Ahli Yang Berhormat itu ulang sekali lagi pertanyaannya.

**Tuan Pengerusi:** Bolehkah ulang sekali lagi berhubung dengan Fasal 5 (a) dan 5 (i)?

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan mengenai Fasal 5 (a). Adakah perkataan-perkataan “. . . . menganjurkan penyelidikan mengenai pengeluaran . . . .” ataupun text Inggerisnya, “to conduct and promote research into the production, . . . .” ini dapat ditafsirkan sebagai mempunyai bidangkuasa untuk usaha-usaha tanaman semula.

Bolehkah saya teruskan perkara yang kedua iaitu Fasal 5 (i)?

**Tuan Pengerusi:** Ya, boleh.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Fasal 5 (i) iaitu “untuk menjalankan apa-apa fungsi lain yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.” Adakah ini boleh ditakrifkan juga dibidangkuasa Fasal 5 (i) ini peruntukan bagi usaha-usaha tanaman semula?

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Pengerusi, di dalam Fasal 5 (a) dan juga 5 (i) perkara berhubung dengan tanaman semula tidak berbangkit.

*Fasal 3 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 7*—

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 7 (2) (e) dalam naskah bahasa Inggeris dipinda seperti berikut:

Fasal 7 (2) (e) ... Gantikan perkataan “are” yang terdapat dalam baris tiga dengan perkataan “is”.

(Naskah Bahasa Inggeris) Substitute the word “is” for the word “are” appearing in line three.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 7* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 9*—

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 9 (2) (b) dalam naskah bahasa Inggeris dipinda seperti berikut:

Fasal 9 (2) (b) ... Gantikan perkataan “are” yang terdapat dalam baris empat dengan perkataan “is”.

(Naskah Bahasa Inggeris) Substitute the word “is” for the word “are” appearing in line four.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 9* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 10*—

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 10 (3) (e) dalam naskah bahasa Inggeris dipinda seperti berikut:

Fasal 10 (3) (e) ... Gantikan perkataan “contributions” yang terdapat dalam baris pertama dengan perkataan “contributions”.

(Naskah Bahasa Substitute the word  
Inggeris) "contributions" for  
Clause 10 (3) (e) the word "contribu-  
tions" appearing in  
the first line.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 10* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 11 hingga 13* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 14*—

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 14 (2) dalam naskah bahasa Inggeris dipinda seperti berikut:

Fasal 14 (2) ... Gantikan angka "77" yang terdapat dalam nota bidai dengan angka "67".

(Naskah Bahasa Substitute the figure  
Inggeris) "67" for the figure  
Clause 14 (2) ... "77" appearing in the  
marginal note.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 14* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 15 dan 16* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 17*—

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 17 dalam naskah bahasa Inggeris dipinda seperti berikut:

Fasal 17 ... Gantikan perkataan "section" yang terdapat dalam baris enam nota bidai dengan perkataan "sections".

(Naskah Bahasa Substitute the word  
Inggeris) "sections" for the  
Clause 17 word "section" appear-  
ing in line six of the  
marginal note.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 17* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual*—

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan di dalam Jadual (Perenggan 2) di naskah bahasa Inggeris dipinda seperti berikut:

Jadual Gantikan perkataan  
(perenggan 2) "chairman" yang ter-  
dapat dalam baris  
tiga dengan perkataan  
"Chairman".

(Naskah Bahasa Substitute the word  
Inggeris) "Chairman" for the  
Schedule word "chairman"  
(paragraph 2) appearing in line  
three.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Jadual* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN TRENGGANU TENGAH (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

7.40 mlm.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bagi meminda seksyen 5 Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah tahun 1973 dibaca kali yang kedua.

Pindaan ini nampaknya senang sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana diterangkan dalam Huraian yang ada itu. Penambahan Ahli Lembaga daripada enam kepada lapan adalah dipandangkan wajar oleh kerana kerja-kerja dan tugas Lembaga telah bertambah semenjak ditubuhkan pada tahun 1973 hingga sekarang.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah 1973 dibacakan kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab tidak ada perbahasan, saya kemukakan bagi diputuskan, bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PAHANG TENGGERA (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*7.43 mlm.*

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bagi meminda seksyen 2 dan seksyen 5, Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara tahun 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang betul tujuannya ialah dua; satu menambahkan bilangan Ahli Lembaga dan yang kedua mengubahkan perkataan "Perdana Menteri" itu kepada "Menteri" kerana dahulu Pahang Tenggara ialah di bawah jajaan Perdana Menteri sekarang telah

dipindahkan kepada Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah. Untuk membetulkan perkara ini, inilah pindaannya yang dibawakan ke majlis ini sekarang.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab tiada siapa yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan, saya kemukakan bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGERA (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*7.47 mlm.*

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bagi meminda seksyen 2, seksyen 5 dan seksyen 12 Akta Kemajuan Lembaga Johor Tenggara tahun 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tujuannya dan lain-lain semua serupa juga, Tuan Yang di-Pertua, seperti Rang Undang-undang yang telah diluluskan tadi dan sebagaimana yang telah dihuraikan dalam Bil yang ada ini. Saya mohon Bil ini dibacakan kali yang kedua dan diluluskan.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab tidak ada perbahasan, maka saya kemukakan bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.50 mlm.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membentangkan Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) 1978 bagi meminda Akta Galakan Pelaburan 1968 dibaca bagi kali kedua.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat di dalam Ucapan Belanjawan untuk Tahun 1979 oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 20hb Oktober, 1978, beliau antara lain telah mengumumkan bahawa Kerajaan bercadang untuk memberi Galakan Kredit Cukai Pelaburan berjumlah sebanyak 50% dari perbelanjaan modal yang dilyakkan di atas perusahaan-perusahaan pertanian yang mengeluarkan makanan. Galakan tersebut adalah bertujuan untuk mempercepatkan lagi pembangunan sektor pertanian.

Akta Galakan Pelaburan 1968 yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan yang sesuai bagi tujuan memberi galakan yang berkesan untuk pelaburan di bidang ini, maka oleh itu adalah perlu Akta Galakan Pelaburan 1968 dipinda untuk mengadakan peruntukan-peruntukan tertentu bagi membolehkan galakan baru diadakan bagi perusahaan-perusahaan pertanian yang diluluskan.

Rang Undang-undang ini melibatkan pengujudan bahagian baru iaitu Bahagian IIC bernama Galakan Khas Bagi Perusahaan Pertanian Yang Diluluskan di dalam Akta Galakan Pelaburan 1968. Di bawah Seksyen 30N (1) Rang Undang-undang ini, Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan persetujuan Menteri Kewangan akan menetapkan melalui pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* mana-mana perusahaan pertanian yang layak mendapat galakan di bawah peruntukan Rang Undang-undang tersebut dan buat permulaannya Kerajaan akan memberi kemudahan galakan ini kepada perusahaan-perusahaan pertanian seperti berikut:

- (i) Penanaman pokok-pokok ataupun tanaman yang mengeluarkan buah-buahan;
- (ii) Penanaman sayur-sayuran;
- (iii) Pemeliharaan ikan-ikan air tawar, udang dan hidupan laut;
- (iv) Ternakan binatang-binatang untuk daging dan susu.

Senarai perusahaan-perusahaan pertanian yang diluluskan ini akan diisytiharkan dalam *Warta Kerajaan*. Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan persetujuan Menteri Kewangan boleh meminda, mengubahsuai atau membatalkan senarai perusahaan-perusahaan pertanian dari masa ke semasa seperti yang disebutkan di dalam Seksyen 30N (2).

Tujuan Seksyen 30p, 30q dan 30r adalah dinyatakan di dalam Huraian.

Galakan baru ini akan berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1980. Syarikat-syarikat termasuk persatuan-persatuan peladang, persatuan-persatuan nelayan, syarikat-syarikat kerjasama dan koperasi-koperasi pertanian adalah layak dipertimbangkan untuk mendapatkan galakan ini. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat yang layak

mendapat elaun ladang menurut peruntukan Jadual 3 Akta Pendapatan 1967 adalah tidak layak dipertimbangkan untuk mendapatkan galakan ini, kerana mereka boleh mendapat galakan di bawah Akta tersebut.

Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini adalah dijangkakan sektor pertanian akan dapat berkembang dengan lebih pesat lagi. Saya yakin pelabur-pelabur akan menyambut baik galakan ini dengan mengadakan lebih banyak lagi projek-projek yang berasaskan pertanian. Seperti yang dijelaskan lebih awal tadi senarai projek-projek pertanian yang layak untuk dipertimbangkan boleh diubah dari masa ke semasa. Kejayaan perusahaan-perusahaan pertanian seterusnya sudah tentu akan menggiatkan lagi perkembangan ekonomi di negara ini dengan menambahkan peluang pekerjaan, menjimatkan pertukaran wang asing dan meningkatkan pendapatan sektor pertanian terutama di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Galakan Pelaburan (Pindaan) 1978 dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Oleh sebab tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap, saya kemukakan sekarang bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-  
setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan tanpa pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN-KECIL PERUSAHAAN GETAH (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

7.56 mlm.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah atau yang umum selalu dikenal dengan nama RISDA dibaca kali yang kedua sekarang.

Perkara penting yang terlibat Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini pendek kata ialah empat perkara:

- (i) untuk menghapuskan takrif "Menteri" dalam Akta yang ada sekarang ini;
- (ii) memisahkan tugas Pengerusi Lembaga dengan Ketua Pengarah RISDA;
- (iii) untuk mewujudkan jawatan Ketua Pengarah dalam Akta tersebut;
- (iv) menentukan tugas-tugas Ketua Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini jawatan Pengerusi Lembaga RISDA dan juga Ketua Pengarah RISDA dipegang oleh seorang sahaja mengikut undang-undang yang ada. Di dalam lain pertubuhan kedua-dua jawatan ini biasanya dipisahkan dan di sini diisi oleh seorang yang berasingan. Pada biasanya Ketua Pengarah diisi oleh pegawai sepenuh masa (full time) dan jawatan Pengerusi Lembaga selalunya diisi oleh seorang yang layak memberi panduan dan pengawasan yang cekap walaupun secara tidak sepenuh masa. Dengan adanya peraturan serupa ini tiap-tiap pindaan Ketua Pengarah boleh diberikan perhatian oleh pihak yang kedua, dengan kata-kata lain jika kedua-dua jawatan tersebut disatukan ia boleh menimbulkan masalah kerana ketiadaan check dan balance di peringkat pimpinan antara Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pengarah yang dia juga seorang yang memegang. Inilah tujuan yang besar saya membawa pindaan ini supaya yang ada dalam RISDA itu jawatan Ketua Pengerusi Lembaga Pengarah RISDA dengan Ketua Pengarah RISDA itu diasingkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, dibaca kali yang kedua dan diluluskan.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah 1972 dibaca kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Panti.

7.58 mlm.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian sedikit berhubung dengan Rang Undang-undang pindaan ini terutama sekali dalam pindaan di bawah Fasal 2 (1) (b) yang mengatakan mewujudkan jawatan Ketua Pengarah. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bagi memastikan bantuan-bantuan tanaman semula dan sebagainya kepada RISDA yang berjalan sekarang ini. Jadi saya harap oleh kerana tergendala sedikit pada pandangan saya dengan sebab baru-baru ini terdapat banyak di antara pegawai-pegawai dan Pengarah Negeri yang terlibat dalam tangkapan. Apa yang saya hendak timbulkan di sini, saya harap oleh kerana mereka itu masih dalam siasatan saya percaya, dan tidak dapat diganti dengan Pengarah atau Ketua-ketua yang baru. Jadi saya ingin meminta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan bilakah orang-orang ini akan diselesaikan. Maksud saya supaya dapat diganti dengan ketua-ketua yang baru.

8.00 mlm.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Panti. Sebetulnya apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah satu masalah saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab hadapi sekarang ini semenjak saya ambil alih RISDA ini kerana masa menjadi Peguam Negara dahulu mengarahkan ditangkap lebih kurang 16 orang pegawai RISDA, sekarang RISDA dimasukkan di bawah Kementerian saya dan saya bukan Peguam Negara lagi, jadi saya rusing

pula dengan sebab pegawai-pegawai itu belum habis dibicarakan, baru satu orang dibicarakan yang lain itu saya dengar belum habis dibicarakan, hingga sekarang dekat juga 2-3 tahun. Dengan sebab itu kita hendak isi pegawai baru tidak boleh kerana mereka itu masih memegang jawatan itu dan digantung kerja. Inilah boleh jadi menghalang kepada perjalanan pentadbiran di kawasan, khususnya di negeri Johor berkenaan dengan RISDA ini.

Dengan adanya perkara ini dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya akan berutus, mengkaji dan berbincang perkara ini dengan Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara supaya dengan kebijaksanaan boleh dapat pertolongan daripada mahkamah atau pihak yang berkenaan meletakkan perbicaraan itu sama ada mereka itu didapati bersalah atau tidak supaya dapat kita selesaikan masalah yang tergantung 3 tahun hingga sekarang ini apakala dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti. Itulah yang dapat saya terangkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL-USUL

### ORDINAN PERJANJIAN-PERJANJIAN BRETTON WOODS, 1957

#### Tambahan Modal Malaysia Dalam Bank Antarabangsa bagi Pemulihan dan Pembangunan

8.04 mlm.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Menurut Seksyen 6 (1) (c) Ordinan Perjanjian-perjanjian Bretton Woods 1957, Majlis ini mengambil ketetapan meluluskan

tambahan modal Malaysia dalam Bank Antarabangsa bagi Pemulihan dan Pembangunan daripada AS\$158.7 juta kepada AS\$206.6 juta.

Tujuan ketetapan ini ialah untuk mendapatkan kelulusan Majlis Dewan Rakyat bagi Malaysia menambahkan modalnya di Bank Antarabangsa bagi Pemulihan dan Pembangunan atau lebih dikenali sebagai Bank Dunia sebanyak AS\$47.9 juta seperti mana yang dikehendaki di bawah Seksyen 6 (1) (c) Ordinan Perjanjian-perjanjian Bretton Woods 1957. Tambahan modal ini telah dicadangkan berikutan dari satu keputusan Lembaga Gabenor-gabnor Bank Dunia pada 13hb Mei, 1977 untuk menambahkan modal yang dibenarkan bagi bank tersebut . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, model atau modal?

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Modal (*Ketawa*). Daripada AS\$27,000 juta kepada AS\$34,000 juta iaitu tambahan sebanyak AS\$7,000 juta. Keputusan ini diambil untuk membolehkan bank ini menerima ahli-ahli baru dan menambah lagi sumber kewangannya supaya ia dapat meningkatkan lagi pinjaman kepada negara-negara ahli yang sedang membangun.

Sebagai sebuah negara ahli, Malaysia akan dapat faedah yang besar dari tambahan ini melalui pinjaman dan bantuan teknik dari bank itu di masa hadapan. Oleh itu, Malaysia telah menyokong cadangan untuk menambahkan modal bank itu. Dengan kelulusan cadangan ini ke semua negara ahli dikehendaki menambahkan modal mereka supaya matlamat mendapat wang sebanyak AS\$7,000 juta dapat dicapai. Malaysia telah diperuntukkan tambahan modal sebanyak 479 saham berjumlah AS\$47.9 juta, iaitu lebih kurang \$110 juta. Sebanyak AS\$4.79 juta atau \$11 juta sahaja perlu dibayar. Dengan tambahan modal ini maka jumlah modal Malaysia dalam Bank Dunia akan meningkat daripada AS\$158.7 juta menjadi AS\$206.6 juta. Peratusan-peratusan undi Malaysia dalam bank ini juga akan bertambah daripada 0.6% menjadi 0.65%. Tambahan peratusan undi ini dijangka akan mengukuhkan kedudukan kumpulan Asia Tenggara yang mana Malaysia adalah ahli yang kedua terbesar dalam kumpulan tersebut dan oleh itu akan dapat memainkan peranannya yang lebih positif dalam Bank Dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Menurut Seksyen 6 (1) (c) Ordinan Perjanjian-perjanjian Bretton Woods 1957, Majlis ini mengambil ketetapan meluluskan tambahan modal Malaysia dalam Bank Antarabangsa bagi Pemulihan dan Pembangunan daripada AS\$158.7 juta kepada AS\$206.6 juta.

## AKTA ACARA KEWANGAN 1957

### Modal Ekuiti Malaysia Export Credit Insurance Berhad

8.08 mlm.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Seksyen 8 (3) (a) (iv) Akta Acara Kewangan 1957, Dewan ini mengambil ketetapan iaitu wang-wang Persekutuan yang ada dalam mana-mana bank atau dengan cara lain dipegang oleh Persekutuan bolehlah dilaburkan dalam modal ekuiti Malaysia Export Credit Insurance Berhad, dan apa-apa pelaburan dan wang-wang yang telah dilaburkan dalamnya, yang akan dianggap dibenar di bawah Seksyen 8 (3) (a) (iv), bersama-sama dengan faedah yang diterima hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan-wang Persekutuan Yang Disatukan.

Rancangan untuk mengadakan Skim Insuran Ekspot Kredit (Export Credit Insurance Scheme) telah mula dibincangkan sejak dari tahun 60an lagi. Pada tahun 1968 seorang pakar dari Australia telah dijemput datang ke Malaysia untuk meninjau kemungkinan mengujudkan sekim ini di sini. Dalam laporannya yang disiapkan pada tahun 1970, beliau memperakui supaya sekim ini diujudkan di negara ini. Sekim ini yang diperbadankan pada 28hb April, 1977 mempunyai tujuan asas untuk menolong pengeksport-pengeksport Malaysia meneroka dan menubuhkan pasaran-pasaran baru di seberang laut bagi menambah ekspot mereka. Sekim

ini selaras dengan usaha untuk mempergiatkan lagi eksport negara, khasnya keluaran-keluaran sektor pembuatan (manufacture atau partly-manufactured goods). Di bawah sekim ini polisi-polisi insuran yang akan dikeluarkan adalah meliputi risiko-risiko yang biasanya tidak diterima oleh syarikat-syarikat insuran perdagangan biasa dan syarikat-syarikat insuran marin seperti risiko-risiko perdagangan dan politik.

Sekim ini bukan sahaja akan menolong pengeksport-pengeksport yang besar, bahkan juga yang kecil-kecil termasuk perusahaan-perusahaan kecil dirasakan lebih memerlukan perkhidmatan ini. Untuk melaksanakan sekim ini di Malaysia, persetujuan dibuat supaya ianya dikendalikan oleh sebuah syarikat usahasama antara Kerajaan, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat insuran yang ditubuh sebagai syarikat berhad menurut syer di bawah Akta Syarikat, 1965 dan akan menjalankan kegiatannya mengikut syarat-syarat perdagangan biasa.

Syarikat tersebut telahpun diperbadankan pada 28hb April, 1977 Export Credit Insuran Berhad dari ringkasnya MECIB dengan modal dibenar sebanyak \$150 juta. Modal dibayar buat permulaannya ialah sebanyak \$5 juta yang telahpun dibayar dan dimiliki sebanyak 50% oleh Kerajaan, 40% oleh bank-bank perdagangan dan 10% oleh syarikat-syarikat insuran. Premium yang dikenakan ke atas polisi insuran yang dikeluarkan oleh MECIB akan berbeza antara 0.08% hingga 3% daripada nilai barang yang dieksport yang mendapat perlindungan (coverage). Kadar premium yang sebenar dikenakan bergantung kepada jenis barang dan negara dieksport dan juga tempoh kredit yang diberi.

Perlindungan yang diberi ke atas barang-barang eksport ini tidak melebihi dari 85% dari nilai eksport supaya pengeksport-pengeksport juga bertanggungjawab ke atas barang-barang eksport mereka. Adalah diharap dengan adanya polisi insuran yang dikeluarkan oleh MECIB ke atas barang-barang eksport, pengeksport-pengeksport akan mendapatkan kemudahan kredit yang lebih jumlahnya atau lebih baik syarat-syaratnya dari bank-bank perdagangan untuk menambatkan lagi kegiatan eksport mereka.

Sambutan daripada pengeksport-pengeksport terhadap polisi yang dikeluarkan oleh MECIB sejak memulakan aktiviti pada bulan Jun, 1978, adalah menggalakkan.

Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*8.12 mlm.*

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mendapat satu jawapan sahaja, iaitu sekiranya usul ini diluluskan, berapakah anggaran kewangan yang akan dibelanjakan untuk memenuhi hasrat usul ini. Saya tahu dalam perkara ini tidak boleh didapatkan anggaran yang tepat, tetapi kalau dapat diberi gambaran sahaja, saya ucapkan berbilang terima kasih.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar, anggaran apa?

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Saya cuma hendak bertanya anggaran, berapa banyak wang yang akan terlibat di dalam pelaburan kita di dalam perkara ini apabila usul ini diluluskan. Berapa agaknya anggaran wang yang akan terlibat di dalam usaha ini?

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, modal yang dibenarkan ialah sebanyak \$150 juta, itulah maksima yang akan sampai.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut seksyen 8 (3) (a) (iv) Akta Acara Kewangan 1957, Dewan ini mengambil ketetapan iaitu wang-wang Persekutuan yang ada dalam mana-mana bank atau dengan cara lain dipegang oleh Persekutuan bolehlah dilaburkan dalam modal ekuiti Malaysia Export Credit Insurance Berhad, dan apa-apa pelaburan dan wang-wang yang telah dilaburkan dalamnya, yang akan dianggap dibenar di bawah seksyen 8 (3) (a) (iv), bersamasama dengan faedah yang diterima hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Persekutuan Yang Disatukan.

## AKTA PERSATUAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA 1960

### Tambahan Yuran Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa

8.16 mlm.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa:

Mengikut Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, Majlis ini mengambil ketetapan bahawa tambahan yuran Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa sebanyak AS\$38,225 diluluskan.

Persatuan Pembangunan Antarabangsa adalah satu badan gabungan Bank Dunia yang ditubuhkan untuk membantu negara-negara ahli yang kurang maju, iaitu negara-negara yang mana pendapatan *per capita* mereka adalah kurang daripada AS\$520. Bantuan daripada Persatuan ini adalah dalam bentuk pinjaman jangka panjang yang tidak dikenakan faedah. Bantuan ini di-biayai daripada beberapa punca kewangan yang mana sebahagian besar adalah yuran-yuran dari negara-negara ahli.

Pada masa ini Persatuan ini sedang mengalami kekurangan wang untuk digunakan bagi memberi pinjaman kepada negara-negara yang memerlukan bantuan. Untuk menambahkan punca kewangannya satu ketetapan telah diambil oleh Persatuan ini bagi meminda anggotanya menambahkan bagi kali kelima yuran mereka berjumlah AS\$7,200 juta supaya Persatuan ini boleh meluluskan aktiviti-aktiviti pinjaman untuk tiga tahun yang akan datang.

Sebagai sebuah negara ahli, adalah perlu bagi Malaysia untuk bekerjasama dengan Persatuan ini dalam usahanya membantu negara-negara yang memerlukan bantuan, walaupun Malaysia tidak layak menerima bantuan dari Persatuan ini. Malaysia adalah dikehendaki menambah yurannya sebanyak AS\$38,225 atau lebihkurang M\$95,563.00. Dengan tambahan yuran itu jumlah yuran Malaysia dalam Persatuan tersebut akan bertambah menjadi AS\$2,749,225 atau M\$6,873,063 dan hak undi Malaysia dapat dikekalkan pada paras 0.38% dari jumlah undi Persatuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Mengikut Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, Majlis ini mengambil ketetapan bahawa tambahan yuran Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa daripada AS\$2,711,225 kepada AS\$2,749,450 diluluskan.

## AKTA KASTAM 1967

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1978
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1978
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1978
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1978
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1978
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1978.

8.18 mlm.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1978
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1978
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1978
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1978
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1978
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1978

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut 82, 83, 84, 85, 86 dan 87 tahun 1978 disahkan.

Perintah-perintah tersebut adalah bertujuan seperti berikut:

- (1) Menaikkan kadar duti impot dari 15% *ad valorem* kepada 25% *ad valorem* atau \$123.03 setan yang mana lebih tinggi ke atas welded steel pipes yang berukuran pusat dalam (internal diameter) dari 15 cm. hingga 43 cm. di bawah Kepala Tarif 73.18 931.
- (2) Mengenakan duti impot sebanyak 50 sen satu ke atas bola golf di bawah Kepala Tarif 97.06 121.
- (3) Mengurangkan duti impot dari 50% *ad valorem* atau 88 sen selitre yang mana lebih tinggi kepada 40% *ad valorem* atau 66 sen selitre yang mana lebih tinggi ke atas kicap (Sauce tomato) di bawah Kepala Tarif 21.04 200.
- (4) Menukarkan pengenaan duti impot ke atas "laminated plastic sheets" di bawah Kepala Tarif 39.01 25, 39.02 43 dan 39.03 41 dari bentuk luas kepada bentuk berat iaitu dari 50% *ad valorem* atau \$2.15 sen semeter persegi yang mana lebih tinggi kepada 50% *ad valorem* atau \$5 sekilogram yang mana lebih tinggi.
- (5) Menaikkan kadar duti impot dari 10% *ad valorem* kepada 30% *ad valorem* ke atas "electric power hand-tools" yang mempunyai kuasa kurang dari 1.5 kilowatt (kw) di bawah Kepala Tarif 85.05 110.
- (6) Menaikkan kadar duti impot ke atas basikal siap dan bahagian-bahagian komponen basikal seperti berikut:
  - (a) Basikal siap di bawah Kepala Tarif 87.10 100 dari \$18.00 satu kepada \$60.00 satu.
  - (b) Bahagian-bahagian komponen basikal:
    - (i) "Complete frames" di bawah Kepala Tarif 87.12 201 dari \$10.50 satu kepada \$30.00 satu.
    - (ii) "Parts of frames" di bawah kepala tarif 87.12 202 dari \$2.50 satu kepada \$15.00 satu.
    - (iii) "Saddles di bawah Kepala Tarif 87.12 203 dari \$1.20 satu kepada \$3.00 satu.

- (iv) "Handlebars" di bawah Kepala Tarif 87.12 204 dari \$1.80 satu kepada \$6.00 satu.
- (v) "Rims di bawah Kepala Tarif 87.12 205 dari \$1.80 sen satu kepada \$5.00 satu.
- (vi) "Mudguards" di bawah Kepala Tarif 87.12 208 dari \$0.40 sen satu kepada \$1.00 satu.
- (vii) "Front forks" di bawah Kepala Tarif 87.12 210 dari 33.1/3% *ad valorem* kepada \$3.00 satu.
- (viii) "Bracket lugs" di bawah Kepala Tarif 87.12 211 dari 33.1/3% *ad valorem* kepada \$15.00 satu.
- (ix) "Spokes" dan "napples" di bawah Kepala-kepala Tarif besar 87.12, 87.13, 87.14 dan 97.01 yang dahulunya dikenakan duti impot bersama-sama, sekarang dikenakan secara berasingan, tetapi keadaan sama iaitu 25% *ad valorem* atau 1½ sen satu, yang mana lebih tinggi.

Semua tindakan-tindakan tersebut adalah bertujuan untuk memberi perlindungan tarif bagi membantu perusahaan-perusahaan tempatan atau mengubahsuaikan kadar duti perlindungan sesuai dengan tingkat perkembangan perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1978
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1978

- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) yang telah dibentangkan dihadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut 82, 83, 84, 85, 86 dan 87 tahun 1978 disahkan.
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) **Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kelak (*Tepuk*).
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) *Dewan ditangguhkan pada pukul 8.25 malam.*